

Prospektus Gantian

PRINCIPAL FTSE ASEAN 40 MALAYSIA ETF

(sebuah unit amanah yang ditubuhkan pada 19 April 2010 di Malaysia)

**PROSPEKTUS GANTIAN BAGI PRINCIPAL FTSE ASEAN 40 MALAYSIA ETF
SEBUAH DANA DAGANGAN BURSA, SELARAS DENGAN PENYENARAIAN UNITNYA
DI PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**

**INI ADALAH PROSPEKTUS GANTIAN. PROSPEKTUS INI MENGGANTIKAN DAN MEMBATALKAN
PROSPEKTUS BAGI CIMB FTSE ASEAN 40 MALAYSIA BERTARIKH 9 JUN 2010 (SEBAGAIMANA
DIPINDA OLEH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA KEPADANYA BERTARIKH 1 APRIL 2015)**

Pengurus



Principal Asset Management Berhad (304078-K)
(dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad)

Pemegang Amanah



Deutsche Trustees Malaysia Berhad (763590-H)

PELABUR DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI ISI KANDUNGAN PROSPEKTUS INI. JIKA TERDAPAT SEBARANG KERAGUAN, SILA DAPATKAN KHIDMAT NASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT BERKENAAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO TERTENTU YANG PERLU DIAMBIL KIRA OLEH BAKAL PELABUR, SILA LIHAT “FAKTOR RISIKO” YANG BERMULA DI HALAMAN 10.

PENTING: PRINCIPAL FTSE ASEAN 40 MALAYSIA ETF ADALAH DANA DAGANGAN BURSA YANG DISENARAI DI BAWAH PASARAN UTAMA BURSA SECURITIES BERHAD DAN JUGA MERUPAKAN DANA PERANTARA YANG MELABUR KESELURUHAN ASETNYA DALAM PRINCIPAL FTSE ASEAN 40, SEBUAH DANA DAGANGAN BURSA YANG DISENARAI DI SINGAPORE EXCHANGE SECURITIES TRADING LIMITED (“SINGAPORE FUND”). PELABUR ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PEMEGANG UNIT DANA TIDAK MEMILIKI SEBARANG KEPENTINGAN LANGSUNG DI DALAM SINGAPORE FUND DAN DENGAN ITU TIDAK LAYAK MENGUNDI SEBAGAI PEMEGANG UNIT SINGAPORE FUND. DANA ADALAH PEMEGANG UNIT DALAM SINGAPORE FUND DAN AKAN MENGUNDI UNIT-UNIT MILIKNYA DALAM SINGAPORE FUND TERSEBUT TANPA PERLU MERUJUK KEPADA PEMEGANG UNIT DANA.

Prospektus Terbitan No. 2 ini bertarikh 30 September 2019.

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Para pengarah Principal Asset Management Berhad (*dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad*) telah menyemak dan meluluskan Prospektus ini. Mereka telah secara kolektif dan berasingan menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi ketepatan maklumat. Setelah membuat semua siasatan yang munasabah berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang boleh menjadikan sebarang kenyataan di dalam Prospektus ini palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan terbitan, tawaran untuk langganan atau belian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli Unit yang berkaitan dan salinan Prospektus ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus ini tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana ini atau bertanggungjawab untuk ketepatan sebarang kenyataan yang dibuat, pendapat yang dinyatakan atau laporan yang terkandung di dalam Prospektus. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, di dalam apa jua cara, menimbangankan merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pendedahan yang tidak dibuat oleh Pengurus yang bertanggungjawab ke atas Dana ini dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kandungan di dalam Prospektus ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mewakili sebarang ketepatan atau kesempurnaan maklumat di dalam Prospektus ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti dengan apa cara sekalipun yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian Prospektus ini.

Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak sepatutnya diambil sebagai indikasi mengenai merit kepada tawaran, Dana atau Unitnya.

PENYATAAN TAMBAHAN

Anda adalah dimaklumkan bahawa anda boleh mendapatkan bantuan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ke atas pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk sebarang kenyataan di dalam Prospektus yang didapati palsu, mengelirukan, atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau bagi apa-apa perbuatan yang mengelirukan atau memperdayakan berhubung dengan Prospektus atau kelakuan mana-mana pihak lain yang berkaitan dengan Dana.

Sekuriti disenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad yang ditawarkan kepada masyarakat awam berdasarkan pendedahan yang lengkap dan tepat berhubung kesemua maklumat material yang berkaitan dengan terbitan yang mana sesiapa yang dinyatakan di dalam Bahagian 236 *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007*, seperti pengarah dan penasihat, adalah bertanggungjawab ke atasnya.

SYARAT PELESENAN BAGI INDEKS SANDARAN

Berikut adalah sebuah pernyataan yang perlu didedahkan di dalam Prospektus ini di bawah Perjanjian Lesen Indeks yang telah termeterai di antara FTSE International Limited, pemberi lesen indeks) dan CIMB-GK Securities Pte Ltd pada 20 September 2006, yang telah diambil alih oleh Principal Asset Management (S) Pte Ltd pada 15 Jun 2007. Principal Asset Management (S) Pte Ltd seterusnya memeterai sebuah addendum dengan FTSE International Limited, pemberi lesen indeks pada 19 April 2010.

Principal FTSE ASEAN 40 Malaysia ETF sama sekali tidak ditaja, diendors, dijual atau dipromosikan oleh FTSE International Limited ("FTSE") atau syarikat London Stock Exchange Group ("LSEG") dan FTSE atau LSEG tidak memberi sebarang jaminan atau representasi secara nyata atau tersirat, sama ada ke

KANDUNGAN (sambungan)

atas hasil yang diperolehi daripada penggunaan FTSE/ASEAN 40 Index (“Indeks”) dan/atau sebarang angka di mana Indeks berada pada bila-bila masa tertentu pada sebarang hari tertentu atau sebaliknya. Indeks disusun dan dikira oleh FTSE dengan kerjasama Indonesia Stock Exchange, Bursa Malaysia Berhad, The Philippine Stock Exchange, Inc., Singapore Exchange Securities Trading Limited dan Stock Exchange of Thailand (“Bursa-bursa”). Bagaimanapun, FTSE atau LSEG atau Bursa-bursa tidak bertanggungjawab (sama ada dengan kecuaiian atau sebaliknya) kepada mana-mana pihak di atas sebarang ralat pada Indeks dan FTSE atau LSEG atau Bursa-bursa tidak berkewajipan untuk menasihati mana-mana pihak mengenai sebarang ralat tersebut. “FTSE®”, “FT-SE®”, dan “Footsie®”, adalah tanda dagangan LSEG dan digunakan oleh FTSE International Limited di bawah.

Sila rujuk kepada Bahagian 2.3 tentang “FAKTOR RISIKO” dan Bahagian 3.9 Prospektus ini untuk maklumat lanjut tentang syarat-syarat pelesenan berkaitan Indeks Sandaran yang terkandung di dalam Perjanjian Pelesenan Indeks.

Ruang selebihnya di halaman ini sengaja dibiarkan kosong

DEFINISI	vii
DIREKTORI KORPORAT	xiii
1. RINGKASAN MAKLUMAT	1
1.1 Ringkasan Dana	1
1.2 Fi, caj dan perbelanjaan berkaitan Dana	4
1.3 Penggunaan hasil	7
1.4 Ringkasan mengenai Singapore Fund	7
1.5 Fi, caj dan perbelanjaan berkaitan Singapore Fund	8
1.6 Maklumat Lain	9
2. FAKTOR RISIKO	11
2.1 Risiko am melabur di dalam ETF	11
2.2 Faktor risiko spesifik kepada Dana	12
2.3 Faktor risiko berkaitan Indeks Sandaran	18
3. MAKLUMAT TERPERINCI MENGENAI DANA	20
3.1 Pengenalan kepada Dana	20
3.2 Penyenaiaan Dana di Bursa Securities	20
3.3 Objektif pelaburan	21
3.4 Dasar dan strategi pelaburan	21
3.5 Skop dan sekatan pelaburan	21
3.6 Dasar agihan pendapatan	22
3.7 Prestasi Dana boleh menyimpang dari prestasi Singapore Fund	23
3.8 Korelasi	23
3.9 Indeks Sandaran	23
3.10 Strategi dan teknik pengurusan risiko	28
3.11 Penilaian Aset Dana	28
3.12 Titik Penilaian untuk Dana	29
4. MAKLUMAT MENGENAI SINGAPORE FUND	30
4.1 Pengenalan kepada Singapore Fund	30
4.2 Objektif pelaburan	30
4.3 Pendekatan pelaburan	30
4.4 Strategi pelaburan	31
4.5 Sekatan pelaburan dan dasar pinjaman Singapore Fund	31
4.6 Dasar agihan pendapatan	31
4.7 Pengimbangan semula indeks	32
4.8 Menentukan NAB SF	32
4.9 Operasi Singapore Fund	33
4.10 Prestasi Singapore Fund	34

	HALAMAN
5. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN DANA	35
5.1 Fi dan caj langsung kepada anda	35
5.2 Fi dan perbelanjaan tidak langsung kepada anda	35
5.3 Fi, caj dan perbelanjaan lain	35
5.4 Impak fi dan caj yang dikenakan oleh Singapore Fund ke atas kos melabur dalam Dana	39
5.5 Ganjaran tambahan	39
5.6 Rebat dan komisen ringan	39
6. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN SINGAPORE FUND	40
6.1 Fi dan caj perlu dibayar oleh Singapore Fund	40
6.2 Lain-lain kos pelaburan dalam Singapore Fund	40
7. UNIT-UNIT DANA	41
7.1 Penawaran Unit-unit	41
7.2 Penciptaan dan Penebusan Unit-unit	41
7.3 Prosedur bagi Penciptaan Unit	41
7.4 Prosedur bagi Penebusan	43
7.5 Pengiraan Harga Terbitan, Harga Penebusan dan IOPV setiap Unit	46
7.6 Kos Urus Niaga	47
7.7 Dagangan Unit-unit	47
8. PENGURUS	49
8.1 Mengenai Pengurus	49
8.2 Peranan, tugas dan tanggungjawab	49
8.3 Kakitangan utama Pengurus	50
8.4 Lembaga Pengurus	52
8.5 Jawatankuasa Pelaburan	57
8.6 Pegawai Bertanggungjawab untuk Pengurusan Pelaburan Dana	60
8.7 Litigasi dan arbitrase material	61
8.8 Penyedia Perkhidmatan Pentadbiran dan Perakaunan Dana	61
8.9 Pegangan unit langsung dan tidak langsung di dalam Dana	61
9. PEMEGANG AMANAH	62
9.1 Mengenai Pemegang Amanah	62
9.2 Peranan, tugas dan tanggungjawab	62
9.3 Pengalaman	62
9.4 Litigasi dan arbitrase material	62
9.5 Wakil Pemegang Amanah	62
9.6 Pernyataan tanggungjawab Pemegang Amanah	63

KANDUNGAN

	HALAMAN
10. PENGURUS SF	64
10.1 Mengenai Pengurus SF	64
10.2 Peranan, tugas dan tanggungjawab	64
11. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN	65
11.1 Hak Pemegang Unit	65
11.2 Liabiliti dan sekatan Pemegang Unit	65
11.3 Fi dan caj maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan	66
11.4 Perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan	66
11.5 Persaraan, Penyingkiran atau Penggantian Pengurus	68
11.6 Persaraan, Penyingkiran atau Penggantian Pemegang Amanah	69
11.7 Penamatan Dana	69
11.8 Mesyuarat Pemegang Unit	70
12. KELULUSAN DAN SYARAT-SYARAT	73
12.1 Kelulusan yang diterima daripada SC dan syarat-syarat yang dikenakan	73
12.2 Pengecualian/Variasi yang diluluskan oleh SC	73
13. URUS NIAGA PIHAK BERKAIT/PERCANGGAHAN KEPENTINGAN	74
13.1 Urus niaga pihak berkait yang sedia ada atau dicadangkan	74
13.2 Kepentingan pengarah dan pemegang saham utama Pengurus	75
13.3 Pengisytiharan kepentingan sedia ada atau potensi kepentingan /percanggahan kepentingan pakar	75
14. PERCUKAIAN DANA	77
15. MAKLUMAT TAMBAHAN	82
15.1 Mengikuti perkembangan Dana	82
15.2 Khidmat Pelabur	82
15.3 Dasar dan prosedur pencegahan pengubahan wang haram	82
15.4 Wang tidak dituntut	83
15.5 Perjanjian material	83
16. KEIZINAN	84
17. DOKUMEN UNTUK DIPERIKSA	85
18. DIREKTORI PEJABAT PENIAGA YANG MENYERTAI	86

DEFINISI

Di dalam Prospektus ini, perkataan dan ekspresi berikut akan membawa maksud di bawah ini kecuali apabila konteks menyatakan sebaliknya:

Permohonan	:	Permohonan Penciptaan dan/atau Permohonan Penebusan, yang mana berkenaan.
Fi Pembatalan Permohonan	:	Fi yang boleh, mengikut budi bicara Pengurus, dicaj kepada setiap Peniaga Yang Menyertai atas pembatalan setiap Permohonan seperti yang dinyatakan pada Bahagian 5 Prospektus ini.
Lembaga	:	Lembaga Pengarah Pengurus.
Bursa Depository	:	Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd.
Bursa Securities	:	Bursa Malaysia Securities Berhad.
Hari Perniagaan	:	Hari (selain Sabtu, Ahad atau cuti umum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) yang mana Institusi-institusi Kewangan dibuka untuk perniagaan dan urusan niaga pasaran wang dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Akaun CDS	:	Sebuah akaun yang dibuka di Bursa Depository untuk merekodkan deposit sekuriti dan urusan dagangan di dalam sekuriti tersebut oleh pendeposit.
Akta Depositori Pusat	:	Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991.
CIMB Bank	:	CIMB Bank Berhad.
Kumpulan CIMB	:	CIMB Group Sdn Bhd.
Gedung Penjelasan	:	Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd.
CMSA	:	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
Kod	:	Kod mengenai Skim Pelaburan Kolektif yang diterbitkan oleh MAS.
Permohonan Penciptaan	:	Permohonan untuk mencipta Unit-unit baharu.
Blok Unit Penciptaan	:	Kuantiti Unit yang akan diterbitkan selepas Permohonan Penciptaan berjaya sebagai tukaran untuk tunai, seperti yang ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, selepas rundingan bersama Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga Yang Menyertai.
DBMB	:	Deutsche Bank (Malaysia) Berhad.
DBS Trustee atau Pemegang Amanah SF	:	DBS Trustee Limited atau penggantinya
Tarikh Akhir Dagangan	:	Untuk tujuan Permohonan Penciptaan dan/atau Permohonan Penebusan, 10:30 a.m. pada mana-mana Hari Dagangan berkaitan atau sebarang waktu lain yang mungkin ditetapkan oleh Pengurus (dengan kelulusan Pemegang Amanah) dan dimaklumkan kepada Peniaga Yang Menyertai.
Hari Dagangan	:	Berkaitan dengan Dana, setiap Hari Pasaran ketika Dana diteruskan, yang juga merupakan Hari Dagangan SF dan/atau hari lain seumpamanya sebagaimana Pengurus boleh, dengan rundingan bersama Pemegang Amanah, dari semasa ke semasa menentukan tetapi hendaklah tidak merangkumi Hari Pasaran yang mana peristiwa force majeure berlaku atau masih berterusan
Surat Ikat	:	Surat ikatan prinsipal dan surat ikatan tambahan berkenaan Dana yang dibuat di antara Pengurus dan Pemegang Amanah, yang mana Pemegang Unit bersetuju untuk terikat dengan peruntukan yang terkandung di dalam Surat Ikat tersebut.

DEFINISI

Akaun Agihan	:	Sebuah akaun di mana amaun mana-mana pendapatan atau keuntungan Dana dikira berdasarkan Unit pada Hari Pasaran dan diperuntukkan kepada Pemegang Unit dikreditkan kepadanya.
DTMB atau Pemegang Amanah	:	Deutsche Trustees Malaysia Berhad.
ETF	:	Dana Dagangan Bursa.
Garis Panduan ETF	:	Garis panduan mengenai Dana Dagangan Bursa yang diterbitkan oleh SC.
Institusi Kewangan	:	Akan membawa maksud yang sama seperti terma “institusi kewangan” sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Act 2013.
Dana	:	ETF telah dibentuk oleh Surat Ikatan (yang boleh diubah dari semasa ke semasa) yang dikenali sebagai “Principal FTSE ASEAN 40 Malaysia ETF” atau sebarang nama lain sebagaimana ditentukan oleh Pengurus, tertakluk kepada kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.
Aset Dana	:	Kesemua aset (termasuk tunai) yang dipegang atau dianggap dipegang dengan kepercayaan oleh Pemegang Amanah selaras dengan Surat Ikatan termasuk pendapatan (yang merangkumi semua keuntungan, dividen dan agihan atau pendapatan lain yang terakru bagi Aset Dana termasuk semua atau mana-mana bahagian untung dan rugi modal direalisasi atas jualan atau pelupusan Aset Dana sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa untuk dianggap sebagai pendapatan Dana) kecuali sebarang amaun yang tertunggak ke atas kredit Akaun Agihan.
Pemberi Lesen Indeks atau FTSE	:	FTSE International Limited.
Perjanjian Lesen Indeks	:	Perjanjian bertarikh 20 September 2006, yang dimeterai di antara Pemberi Lesen Indeks dan CIMB-GK Securities Pte Ltd, yang telah diambil alih oleh Principal Singapore pada 15 Jun 2007 dan ditambah dengan sebuah addendum bertarikh 19 April 2010.
Nilai Portfolio Optimum Indikatif Seunit atau IOPV Seunit	:	Anggaran NAB seunit Dana dikira dengan cara yang dinyatakan pada Bahagian 7.5 Prospektus ini.
Harga Terbitan	:	Harga di mana Unit-unit diterbitkan atau akan diterbitkan dari semasa ke semasa dan akan ditentukan selaras dengan peruntukan yang dinyatakan pada Bahagian 7.5 Prospektus ini.
LPD	:	31 Julai 2019, yang merupakan hari terakhir paling wajar sebelum pendaftaran Prospektus ini di mana semua maklumat yang didedahkan seharusnya kekal berkenaan dan terkini pada tarikh tersebut.
Liabiliti	:	Liabiliti, kos dan perbelanjaan Dana yang belum dibayar termasuk tetapi tidak terhad kepada: <ul style="list-style-type: none">(i) fi pentadbiran dan perbelanjaan termasuk Fi Pengurusan (jika ada) dan Fi Pemegang Amanah belum dibayar;(ii) kesemua fi dan perbelanjaan serta kesemua duti, cukai, caj kerajaan, pembrokeran, fi perpindahan, atau caj-caj atau perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berkaitan kepada atau berhubung dengan sebarang urus niaga, urusan atau instrumen atau akibat daripada urus niaga, urusan atau instrumen tersebut;

DEFINISI

	(iii)	caj terakru atau terhutang berkaitan kepada atau berkenaan dengan mana-mana Unit SF;
	(iv)	amaun yang diperlukan untuk memenuhi kesemua liabiliti semasa dan elaun bersesuaian untuk sebarang liabiliti luar jangka;
	(v)	sebarang peruntukan untuk cukai yang pada pendapat Pengurus harus diambil kira dan jumlah tersebut (jika ada) seperti yang dianggarkan oleh Pengurus perlu dibayar atau dituntut semula untuk percukaian yang berkaitan dengan pendapatan dan urus niaga sebelum tarikh yang berkenaan;
	(vi)	amaun belum dibayar atas sebarang pinjaman yang dibenarkan oleh undang-undang digunapakai dan amaun sebarang faedah dan perbelanjaan belum dibayar yang berkaitan dengannya;
	(vii)	sebarang kos atau perbelanjaan lain perlu dibayar tetapi belum dibayar seperti yang dibenarkan dengan jelas oleh mana-mana peruntukan Surat Ikatan yang perlu dibayar daripada Aset Dana;
	(viii)	apa jua amaun yang diperlukan untuk memenuhi liabiliti atau perbelanjaan lain yang mana pada pendapat Pengurus, dengan kelulusan Pemegang Amanah, yang seharusnya diambil kira tetapi belum diambil kira dalam menentukan amaun liabiliti pada mana-mana perenggan terdahulu di dalam definisi ini; dan liabiliti harus (di mana bersesuaian) dianggap sebagai terakru dari hari ke hari.
Penyenaraian	:	Kemasukan ke Senarai Rasmi dan penyenaraian serta sebut harga untuk Unit di Pasaran Utama.
Syarat Penyenaraian	:	Syarat Penyenaraian Pasaran Utama yang diterbitkan oleh Bursa Securities.
Pasaran Utama	:	Pasaran Utama Bursa Securities.
Fi Pengurusan	:	Peratusan daripada NAB Dana yang dibayar kepada Pengurus untuk menguruskan portfolio Dana seperti yang dinyatakan pada Bahagian 5 Prospektus ini.
Pasaran	:	Berkaitan mana-mana Sekuriti Indeks Sandaran, Bursa Berkenaan, dan berkaitan dengan mana-mana instrumen hadapan atau derivative, bursa saham antarabangsa atau pasaran melalui-kaunter, diluluskan oleh Pengurus SF dan Pemegang Amanah SF.
Hari Pasaran	:	Hari Perniagaan di mana Bursa Securities dibuka untuk dagangan sekuriti.
MAS	:	The Monetary Authority of Singapore atau penggantinya.
MER	:	Nisbah perbelanjaan pengurusan iaitu nisbah semua fi dan perbelanjaan olehan semula Dana kepada purata NAB Dana yang dikira pada asas harian, seperti yang dinyatakan pada Bahagian 5.3.2 Prospektus ini.
NAB Dana	:	Nilai keseluruhan Aset Dana ditolak nilai kesemua Liabiliti, pada Titik Penilaian. Bagi tujuan pengiraan Fi Pengurusan tahunan (jika ada) dan Fi Pemegang Amanah tahunan, NAB Dana hendaklah dimasukkan ke dalam Fi Pengurusan (jika ada) dan Fi Pemegang Amanah pada hari yang berkenaan.
Dana Bukan-Khusus	:	Sebuah skim pelaburan kolektif yang melabur dalam ekuiti dan/atau instrumen pendapatan tetap dan tidak termasuk dalam kategori skim

DEFINISI

		husus dana hartanah, dana pasaran wang, dana lindung nilai, dana hadapan dan opsyen atau dana matawang seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 2, 3, 4, 7 dan 8 Kod tersebut.
Garis Panduan Pelaburan Dana Bukan-Khusus	:	Garis panduan pelaburan untuk Dana Bukan-Khusus yang diterbitkan oleh MAS seperti di Lampiran 1 kepada Kod tersebut ketika ia berkuatkuasa, dan yang sama boleh diubah dari semasa ke semasa oleh MAS.
Peniaga Yang Menyertai	:	CGS-CIMB Securities Sdn Bhd dan sesiapa sahaja yang telah memeterai Perjanjian Peniaga Yang Menyertai di dalam bentuk dan keadaan yang diterima oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.
Perjanjian Peniaga Yang Menyertai	:	Perjanjian yang dimeterai di antara Peniaga Yang Menyertai, Pengurus dan Pemegang Amanah yang menyatakan, antara lain: <ul style="list-style-type: none">(i) persediaan berkaitan dengan penciptaan dan terbitan Unit serta penebusan dan pembatalan Unit; dan(ii) obligasi Peniaga Yang Menyertai sebagai penyedia kecairan.
PIA	:	Principal International (Asia) Ltd.
PFG	:	Principal Financial Group dan sekutunya.
Principal Malaysia atau Pengurus	:	Principal Asset Management Berhad (<i>dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad</i>)
Principal Singapore	:	Principal Asset Management (S) Pte Ltd.
Prospektus	-	Dokumen pendedahan ini yang diterbitkan oleh kami yang menerangkan butiran Dana
Amaun Penebusan	:	Jumlah yang bersamaan dengan Harga Penebusan didarab dengan bilangan Unit-unit untuk ditebus berdasarkan Penebusan Tunai.
Permohonan Penebusan	:	Permohonan untuk menebus Unit-unit sedia ada.
Tarikh Penebusan	:	Berhubung dengan Unit-unit yang dimohon, bermaksud tiga Hari Dagangan selepas Tarikh Dagangan di mana Permohonan untuk Unit-unit tersebut diterima/dianggap sebagai diterima atau hari lain yang mungkin dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah (sama ada secara am atau mengikut keadaan) dan dimaklumkan kepada Peniaga Yang Menyertai apabila Unit akan ditebus/dibatalkan.
Harga Penebusan	:	Harga setiap Unit yang mana Unit-unit itu ditebus dari semasa ke semasa dan seperti yang ditentukan selaras dengan peruntukan yang dinyatakan pada Bahagian 7.5 Prospektus ini.
Blok Unit Penebusan	:	Kuantiti Unit-unit yang perlu dihantar kepada Pemegang Amanah sebagai tukaran untuk tunai, seperti yang ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, selepas rundingan bersama Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga Yang Menyertai.
Daftar	:	Daftar Pemegang Unit disimpan dan diselenggara oleh Pengurus atau ejen yang dilantiknya berdasarkan yang berikut: <ul style="list-style-type: none">(i) Unit yang diterbitkan kepada Pemegang Unit;(ii) Unit yang ditebus oleh Pemegang Unit; dan(iii) rekod yang diperolehi dari Bursa Depository secara tahunan, atau pada tarikh lain seperti yang mungkin ditentukan oleh Pengurus.
Bursa Berkenaan	:	Bursa saham di rantau ASEAN di mana Sekuriti Indeks Sandaran didagangkan dan “Bursa Berkenaan” bermaksud mana-mana satu darinya. Bursa Berkenaan pada awalnya terdiri daripada PT Bursa Efek

DEFINISI

	Jakarta (Jakarta Stock Exchange), Bursa Malaysia Berhad, The Philippine Stock Exchange, Inc., The Stock Exchange of Thailand dan SGX-ST.
Ringgit Malaysia atau RM	: Matawang sah Malaysia.
SC	: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
Hari Perniagaan SF	: Hari (kecuali Sabtu atau Ahad) di mana semua Bursa Berkenaan dibuka untuk dagangan biasa dan pada hari di mana Indeks Sandaran disusun dan diterbitkan, dan pada hari di mana bank di Singapura dibuka untuk perniagaan am (atau sebarang hari lain atau hari-hari yang mungkin ditentukan oleh Pengurus Sf dan Pemegang Amanah SF) dan pada hari di mana mana-mana Bursa Berkenaan atau bank di Singapura dibuka untuk separuh hari tidak akan dinagap sebagai Hari Perniagaan SF.
Hari Dagangan SF	: Berkaitan dengan Singapore Fund, setiap Hari Perniagaan SF semasa Singapore Funda berterusan, dan/atau hari atau hari-hari yang mungkin ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa dengan kelulusan Pemegang Amanah SF.
Surat Ikatan SF	: Surat Ikatan yang membentuk Singapore Fund bertarikh 6 September 2006 di antara Pengurus SF dan Pemegang Amanah SF, sebagaimana dipinda, ditambah atau dinyatakan semula dari semasa ke semasa.
Pengurus SF	: Principal Singapore, dalam kuasanya sebagai pengurus Singapore Fund.
NAB SF	: Nilai asset bersih Singapore Fund atau, setakat diperlukan mengikut konteks, Unit SF dikira berdasarkan Surat Ikatan SF.
Peniaga Yang Menyertai SF	: Citigroup Global Markets Singapore Securities Pte Ltd, Flow Traders Asia Pte Lte, DBS Vickers Securities (Singapore) Pte Ltd, Société Générale, Singapore Branch, Goldman Sachs Futures Pte Ltd, Commerzbank AG dan CIMB Securities Limited atau mana-mana peniaga yang telah memeterai Perjanjian Penyertaan SF dalam bentuk dan keadaan yang diterima oleh Pengurus SF dan Pemegang Amanah SF.
Sekuriti SF	: Sekuriti Indeks Sandaran dan sebarang sekuriti, instrument hadapan atau derivative yang dipegang oleh Singapore Fund.
Unit SF	: Kepentingan penuh di dalam Singapore Fund.
Pemegang Unit SF	: Sesiapa yang buat masa ini dimasukkan dalam daftar sebagai pemegang Unit SF (setakat dibenarkan secara konteks) dan orang yang disertakan bersamanya.
SGX-ST	: Singapore Exchange Securities Trading Limited atau penggantinya.
Singapore Fund atau SF	: Principal FTSE ASEAN 40, sebuah unit amanah yang ditubuhkan di bawah undang-undang Singapura.
Resolusi Khas	: Resolusi yang diluluskan oleh majoriti yang tidak kurang daripada tiga per empat (75%) dari jumlah hak mengundi Pemegang Unit yang layak untuk mengundi ke atas resolusi tersebut pada mesyuarat Pemegang Unit, dengan syarat bagi tujuan penamatan atau pembubaran Dana, sebuah resolusi khas diluluskan oleh majoriti dalam jumlah yang mewakili sekurang-kurangnya tiga per empat Dana, (75%) daripada hak mengundi Pemegang Unit yang mengundi pada mesyuarat Pemegang Unit tersebut.
Amaun Langganan	: Harga yang perlu dibayar bagi Unit-unit yang dimohon selaras dengan Permohonan Penciptaan yang akan menjadi Harga Terbitan digandakan dengan bilangan Unit-unit yang dimohon.

DEFINISI

Dana Sasaran	:	Skim pelaburan kolektif lain seperti yang ditentukan dalam Garis Panduan ETF.
Tarikh Dagangan	:	Hari Dagangan di mana Pengurus menerima Permohonan yang sah berdasarkan Surat Ikatan dan Perjanjian Peniaga Yang Menyertai dengan syarat Permohonan tersebut diterima selepas Tarikh Tutup Dagangan, maka Hari Dagangan seterusnya akan dianggap sebagai Tarikh Dagangan.
Kos Urus Niaga	:	Berhubung dengan sebarang urus niaga atau dagangan tertentu, bermaksud kesemua duti setem dan lain-lain, cukai, caj kerajaan, pembrokeran, caj bank, fi perpindahan, fi pendaftaran, levi urus niaga dan lain-lain duti serta caj yang berkaitan dengan penubuhan Aset Dana atau peningkatan atau penurunan Aset Dana atau penciptaan, terbitan, pindahan, pembatalan atau penebusan Unit atau pemerolehan atau pelupusan Aset Dana atau sebaliknya yang boleh terjadi atau boleh menjadi perlu dibayar yang berkaitan dengan (sama ada sebelumnya, ketika atau selepas peristiwa tersebut) sebarang urus niaga atau dagangan.
Fi Pemegang Amanah	:	Peratusan dari NAB Dana yang dibayar kepada Pemegang Amanah, seperti yang dinyatakan pada Bahagian 5 Prospektus ini.
Indeks Sandaran atau FTSE/ASEAN 40 Index	:	FTSE/ASEAN 40 Index (atau nama lain yang indeks dikenali sebagai) disediakan oleh Pemberi Lesen Indeks atau indeks gantian seumpamanya seperti yang boleh ditentukan oleh Pengurus SF.
Sekuriti Indeks Sandaran	:	Saham atau faedah yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang termasuk di dalam Indeks Sandaran dari semasa ke semasa atau resit depositori yang mungkin dikeluarkan terhadap saham-saham atau sekuriti-sekuriti sedemikian.
Unit	:	Kepentingan penuh dalam Dana.
Pemegang Unit	:	Sesiapa yang berdaftar sebagai memegang sesebuah Unit mengikut peruntukan yang terdapat di dalam Surat Ikatan.
Titik Penilaian	:	Berkaitan dengan Dana, pada waktu penutupan rasmi dagangan di Bursa Securities pada setiap hari dagangan.

Perkataan berbentuk tunggal hendaklah merangkumi maksud majmuk dan begitu juga sebaliknya dan perkataan yang memberi maksud jantina maskulin hendaklah, di mana boleh digunapakai, merangkumi maksud jantina feminin dan bersifat neutral dan juga sebaliknya. Rujukan kepada seseorang hendaklah juga merangkumi syarikat dan perbadanan.

Kecuali dinyatakan sebaliknya, sebarang rujukan di dalam Prospektus ini kepada mana-mana syarat, peraturan, garis panduan, piawaian, arahan, notis, perundangan atau statut hendaklah merujuk kepada syarat, peraturan, garis panduan, piawaian, arahan, notis, perundangan atau statut yang sedang berkuat kuasa, sebagaimana ia mungkin dipinda, diubah, dikemas kini, digantikan dan/atau digubal semula dari semasa ke semasa.

Sebarang rujukan kepada masa, hari atau tarikh di dalam prospektus ini akan merujuk kepada masa atau hari di Malaysia, melainkan dinyatakan sebaliknya. Rujukan kepada "hari" di dalam Prospektus ini adalah bermaksud hari kalendar kecuali dinyatakan sebaliknya.

Sila ambil perhatian bahawa semua rujukan kepada amaun matawang dan NAB setiap Unit di dalam Prospektus ini adalah dalam Ringgit Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

PENGURUS : Principal Asset Management Berhad (*dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad*)

Alamat Berdaftar : Tingkat 8, Bangunan CIMB
Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur Malaysia

No. Tel: (+603) 2084 8888

Alamat Perniagaan : Tingkat 10, Bangunan CIMB
Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur Malaysia

No. Tel: (+603) 2084 8888

E-mel: service@principal.com.my

Laman Hari Dagangan: <https://www.principal.com.my>

PENYEDIA KHIDMAT : Deutsche Trustees Malaysia Berhad

**PERAKAUNAN DANA DAN
PENTADBIRAN DANA**

(Wakil Pengurus)

Alamat Berdaftar dan Alamat : Aras 20, Menara IMC
Perniagaan : 8, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur Malaysia

No. Tel: (+603) 2053 7522

E-mel: dbkl.dfs@db.com

Laman Hari Dagangan: www.db.com

PEMEGANG AMANAH : Deutsche Trustees Malaysia Berhad

Alamat Berdaftar dan Alamat : Aras 20, Menara IMC
Perniagaan : 8, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur Malaysia

No.Tel: (+603) 2053 7522

E-mel: dtmb.cis@list.db.com

KUSTODIAN : Deutsche Bank (Malaysia) Berhad

(Wakil Pemegang Amanah)

Alamat Berdaftar : Aras 18, Menara IMC
8, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur Malaysia

No.Tel: (+603) 2053 6788

Alamat Perniagaan : Aras 18-20, Menara IMC
8, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur Malaysia

No.Tel: (+603) 2053 6788

E-mel: dbmb-dcs.cs@db.com

Laman Hari Dagangan: www.db.com

DIREKTORI KORPORAT

JURUAUDIT PENGURUS DAN DANA	: PricewaterhouseCoopers Akauntan Bertauliah Aras 10, 1 Sentral Jalan Rakyat Kuala Lumpur Sentral Peti Surat 10192 50706 Kuala Lumpur Malaysia
PENASIHAT CUKAI	: PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd Aras 10, 1 Sentral Jalan Rakyat Kuala Lumpur Sentral Peti Surat 10192 50706 Kuala Lumpur Malaysia
PENASIHAT UNDANG-UNDANG	: Shook Lin & Bok Tingkat 20, Bangunan Ambank Group 55 Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur Malaysia
WAKIL JUALAN YANG MENYERTAI DAN PENGGERAK PASARAN	: CGS-CIMB Securities Sdn Bhd
Alamat Berdaftar	: Tingkat 13, Menara CIMB No.1, Jalan Stesen Sentral 2 Kuala Lumpur Sentral 50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Alamat Perniagaan	: Tingkat 17, Menara CIMB No 1. Jalan Stesen Sentral 2 Kuala Lumpur Central 50470 Kuala Lumpur Malaysia
PEMBERI LESEN INDEKS	: FTSE INTERNATIONAL LIMITED 10 Paternoster Square London EC4M 7LS United Kingdom
PENYENARAIAN	: Pasaran Utama Bursa Securities

1. RINGKASAN MAKLUMAT

Bahagian ini hanyalah ringkasan maklumat penting mengenai Dana. Para pelabur dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan Prospektus sebelum membuat keputusan pelaburan.

1.1 Ringkasan Dana

Perkara	Huraian Ringkas	Bahagian di dalam Prospektus
Nama Dana	: Principal FTSE ASEAN 40 Malaysia ETF	3 dan Definisi
Kategori Dana	: Perantara ETF / Ekuiti	3.1
Jenis Dana	: Penjejak indeks	
Objektif Pelaburan	: Dana ini bertujuan untuk mencapai hasil pelaburan, sebelum perbelanjaan, yang hampir sama dengan prestasi Indeks Sandaran, tanpa mengambil kira prestasinya.	3.3
Indeks Sandaran	: FTSE/ASEAN 40 Index atau indeks gantian seumpamanya seperti yang boleh ditentukan oleh Pengurus SF dan/atau Pengurus.	3.9
Strategi dan dasar pelaburan	: Strategi pasif di mana Pengurus melaburkan hamper keseluruhan asset Dana ke dalam Singapore Fund.	3.4
Faktor Risiko	: Berikut adalah senarai faktor risiko (yang mungkin tidak menyeluruh) yang sepatutnya pelabur pertimbangkan secara teliti sebelum melabur di dalam Dana:	2
	(I) Risiko am melabur di dalam ETF	2.1
	(i) Pulangan tidak dijamin	
	(ii) Risiko am pasaran	
	(iii) Risiko inflasi	
	(iv) Risiko pembiayaan pinjaman	
	(v) Risiko ketidakpatuhan	
	(vi) Risiko Pengurus	
	(II) Faktor risiko spesifik kepada Dana	2.2
	(i) Risiko pasaran	
	(ii) Pelaburan pasif	
	(iii) Risiko ralat penjejakan	
	(iv) Penciptaan dan penebusan melalui Peniaga Yang Menyertai sahaja	
	(v) Risiko kecairan	

1. RINGKASAN MAKLUMAT

Perkara	Huraian Ringkas	Bahagian di dalam Prospektus
	(vi) Saiz penciptaan dan penebusan minimum	
	(vii) Unit-unit boleh didagangkan pada harga selain daripada NAB Dana	
	(viii) Tiada jaminan prestasi Dana	
	(ix) Agihan pendapatan bergantung kepada dividen yang dibayar oleh Singapore Fund	
	(x) Tumpuan kepada Singapore Fund	
	(xi) Tumpuan kepada kumpulan saham, industri atau kelompok industri tertentu	
	(xii) Pergantungan kepada pasaran dagangan untuk Sekuriti Indeks Sandaran	
	(xiii) Kekurangan budi bicara Pengurus untuk menyesuaikan keadaan kepada perubahan dalam pasaran	
	(xiv) Dagangan Unit-unit di Bursa Securities boleh digantung	
	(xv) Dagangan Unit SF di SGX-ST boleh digantung	
	(xvi) Unit-unit boleh dinyahsenarai dari Bursa Securities	
	(xvii) Penciptaan dan penebusan digantung	
	(xviii) Hak MAS untuk menarik balik keizinan bagi Singapore Fund	
	(xix) Risiko kaunterparti Singapore Fund	
	(xxi) Risiko pasaran membangun	
	(xxii) Risiko tukaran asing	
	(xxiii) Risiko sekuriti asing	
	(xxiv) Kejadian gangguan pasaran dan peristiwa gangguan penyelesaian	
	(III) Faktor risiko berkaitan dengan Indeks Sandaran	2.3
	(i) Kesilapan atau ketidaktepatan Indeks Sandaran	
	(ii) Indeks Sandaran tertakluk kepada turun naik	

1. RINGKASAN MAKLUMAT

Perkara	Huraian Ringkas	Bahagian di dalam Prospektus
	(iii) Komposisi dan wajaran dalam Indeks Sandaran boleh berubah	
	(iv) Lesen untuk menggunakan Indeks Sandaran boleh ditamatkan	
	(v) Kompilasi Indeks Sandaran	
Profil Pelabur	: Dana ini dicipta untuk pelabur yang mencari pendekatan “berasaskan indeks” kepada pelaburan di dalam instrumen kewangan kos rendah dan cair, dengan prestasi yang agak sama dengan Indeks Sandaran. Dengan ciri berkembar sebagai unit amanah dan disenaraikan serta didagangkan di bursa saham, Unit-unit ini boleh digunakan oleh kedua-dua pelabur jangka sederhana hingga panjang dan pedagang jangka pendek.	
Saiz permulaan dana yang diluluskan	: 500 juta Unit	
Penawaran Unit	: Anda boleh memilih untuk membeli dan menjual Unit di pasaran sekunder di Bursa Securities atau memohon untuk penciptaan / penebusan dalam Blok Unit Penciptaan / Penebusan atau gandaannya, melalui Peniaga Peniaga Yang Menyertai.	7.1
Penciptaan/penebusan Unit	: (I) Penciptaan Unit Peniaga Yang Menyertai (sama ada untuk akaun mereka sendiri atau akaun pelanggan mereka) hanya boleh memohon untuk penciptaan Unit-unit baharu melalui penghantaran tunai sebagai tukaran untuk Unit-unit.	7.2 dan 7.3
	(II) Penebusan Unit Peniaga Yang Menyertai (sama ada untuk akaun mereka sendiri atau akaun pelanggan mereka) hanya boleh menebus Unit-unit melalui serahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk tunai.	7.2 dan 7.4
Blok Unit Penciptaan / Penebusan	: Semasa, 1.35 juta Unit. Kuantiti ini boleh berubah dari semasa ke semasa	7.1, 7.2, 7.3 dan 7.4

1. RINGKASAN MAKLUMAT

Perkara	Huraian Ringkas	Bahagian di dalam Prospektus
	sebagaimana ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga Yang Menyertai. Penciptaan/Penebusan Unit mestilah dalam Blok Unit Penciptaan/Penebusan atau gandaannya.	
Dagangan Unit	: Anda boleh mendagangkan (beli dan jual) Unit di Pasaran Utama	7.1 dan 7.7
Saiz lot dagangan	: 100 Unit	7.1 dan 7.7
Matawang Dagangan	: Ringgit Malaysia	
Dasar agihan pendapatan	: Tahunan, tertakluk kepada budi bicara Pengurus.	3.6
Pengurus	: Principal Asset Management Berhad (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad)	8
Pemegang Amanah	: Deutsche Trustees Malaysia Berhad	9

Sila rujuk kepada Bahagian 3 Prospektus ini untuk maklumat tambahan mengenai Dana.

Maklumat terkini mengenai Indeks Sandaran dan Dana akan disiarkan di laman Hari Dagangan berikut:

- (i) laman Hari Dagangan FTSE Russell di <https://www.ftserussell.com>; dan
- (ii) laman Hari Dagangan kami di <https://www.principal.com.my>.

1.2 Fi, caj dan perbelanjaan berkaitan Dana

(i) Fi dan caj langsung perlu dibayar oleh anda

Jadual ini menghuraikan caj-kej yang mungkin ditanggung oleh anda (berdasarkan caj-kej yang dikenakan oleh Bursa Securities pada LPD, yang mungkin berubah dari semasa ke semasa) apabila anda membeli atau menjual Unit-unit di Bursa Securities:

Fi dan caj	%/RM
Fi pembrokeran	Maksimum 0.70% dari nilai kontrak (tertakluk kepada minimum RM40).

1. RINGKASAN MAKLUMAT

Fi dan caj	%/RM
Fi penjelasan	Untuk urus niaga pasaran: 0.03% dari nilai urus niaga (tertakluk kepada maksimum RM1,000 setiap kontrak).
	Urus niaga perniagaan langsung: 0.03% dari nilai urus niaga (tertakluk kepada minimum RM10 dan maksimum RM1,000 setiap kontrak)
Duti setem	RM1.00 bagi setiap RM1,000 (atau sebahagian) dari nilai urus niaga sekuriti, tertakluk kepada maksimum RM200

Maklumat lanjut mengenai caj yang mungkin anda tanggung untuk dagangan Unit-unit di Bursa Securities boleh didapati <http://www.bursamalaysia.com>.

(ii) Fi dan perbelanjaan tidak langsung perlu dibayar oleh anda

Jadual ini menghuraikan fi dan perbelanjaan yang mungkin anda tanggung secara tidak langsung apabila anda melabur dalam Dana:

Fi dan perbelanjaan	%
Fi Pengurusan	Tiada
Fi Pemegang Amanah	Sehingga 0.08% ⁽¹⁾ , tertakluk kepada minimum RM12,000 setahun.

Nota:

⁽¹⁾ Dikira berdasarkan NAB Dana, terakru secara harian.

Selain itu, terdapat fi atau perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Dana seperti dinyatakan pada Bahagian 5.3.3 Prospektus ini.

Kesemua fi dan perbelanjaan yang dinyatakan di atas akan ditolak dari Aset Dana.

(iii) Fi dan caj kepada Peniaga Yang Menyertai

Semua Permohonan Penciptaan/Penebusan hendaklah diserahkan kepada Pengurus melalui Peniaga Yang Menyertai dan penciptaan/penebusan Unit hendaklah dilaksanakan selaras dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga Yang Menyertai.

Fi dan caj (kecuali perbelanjaan tunai langsung) yang perlu dibayar oleh Peniaga Yang Menyertai kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah (yang mungkin dicaj kepada anda oleh Peniaga Yang Menyertai) seperti dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga Yang Menyertai adalah seperti berikut:

Fi dan caj	Huraian
(a) Fi Permohonan Penciptaan	Buat masa ini RM4,550 (tertakluk kepada maksimum RM5,000 untuk membenarkan turun naik tukaran asing) dibayar kepada Pengurus atau amaun lain yang mungkin ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, dengan rundingan bersama Pemegang Amanah.

1. RINGKASAN MAKLUMAT

Fi dan caj		Huraian
(b)	Fi Pembatalan Permohonan Penciptaan	Buat masa ini RM7,3550 (tertakluk kepada maksimum RM8,000 untuk membenarkan turun naik tukaran asing) dibayar kepada Pengurus atau amaun lain yang mungkin ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, dengan rundingan bersama Pemegang Amanah.


Fi dan caj		Huraian
(c)	Fi Permohonan Penebusan	Buat masa ini RM7,3550 (tertakluk kepada maksimum RM8,000 untuk membenarkan turun naik tukaran asing) dibayar kepada Pengurus atau amaun lain yang mungkin ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, dengan rundingan bersama Pemegang Amanah.
(d)	Fi Pembatalan Permohonan Penebusan	Buat masa ini RM7,3550 (tertakluk kepada maksimum RM8,000 untuk membenarkan turun naik tukaran asing) dibayar kepada Pengurus atau amaun lain yang mungkin ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, dengan rundingan bersama Pemegang Amanah.
(e)	Kos Urus Niaga	Pengurus boleh mengenakan caj Kos Urus Niaga (ditanggung oleh Dana). Ia adalah untuk mencegah NAB Dana daripada dicairkan oleh Kos Urus Niaga yang tinggi.
(f)	Fi lain	Amaun (selain Kos Urus Niaga yang dinyatakan di atas) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan Permohonan yang diserahkan oleh Peniaga Yang Menyertai, yang dicaj oleh Bursa Depository.

Fi dan caj ini adalah lebih tinggi secara relatif disebabkan oleh caj yang dikenakan oleh Singapore Fund.

(iv) Impak fi dan caj yang dikenakan oleh Singapore Fund untuk kos pelaburan di dalam Dana

Tiada Fi Pengurusan yang dikenakan pada peringkat Dana seperti ditunjukkan di bawah. Fi Pengurusan hanya akan dikenakan pada peringkat Singapore Fund. Fi untuk Pemegang Amanah SF, kustodian, pendaftar, penasihat pelaburan, Pemberi Lesen Indeks dan juruaudit Singapore Fund akan ditanggung oleh Pengurus SF dan tidak akan dicaj kepada Singapore Fund.

1. RINGKASAN MAKLUMAT



Selain daripada Fi Pengurusan di atas, terdapat perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Singapore Fund. Fi dan caj ini diinput ke dalam pengiraan NAB SF. Oleh itu, Pemegang Unit Dana secara tidak langsung menanggung fi dan perbelanjaan di atas yang dikenakan pada peringkat Dana. Sila rujuk kepada Bahagian 6.2 untuk butiran mengenai fi, caj dan perbelanjaan melabur di dalam Singapore Fund.

1.3 Penggunaan hasil

Hasil yang diterima Dana berikutan langganan Unit akan digunakan bagi tujuan pelaburan di dalam Unit SF, n pelaburan lain yang dinyatakan pada Bahagian 3 Prospektus ini dan untuk bayaran fi, caj dan untuk perbelanjaan yang boleh dikenakan kepada Dana seperti yang dinyatakan pada Bahagian 5 Prospektus ini.

1.4 Ringkasan mengenai Singapore Fund

Anda adalah dimaklumkan bahawa Singapore Fund tidak tersedia untuk pelaburan langsung oleh pelabur warga Malaysia di Malaysia. Kelulusan SC terhadap Dana tidak boleh dianggap sebagai menyarankan Dana atau Singapore Fund dan SC tidak bertanggungjawab untuk ketepatan sebarang kenyataan yang dibuat atau pendapat yang dinyatakan di dalam Prospektus ini.

Maklumat berikut diambil dari atau berdasarkan kepada maklumat yang terkandung di dalam prospektus yang diterbitkan oleh Singapore Fund pada 22 April 2019 dan maklumat tersebut belum disahkan secara bebas.

Perkara	Huraian Ringkas	Bahagian di dalam Prospektus
Nama Dana	: Principal FTSE ASEAN 40	4.1
Objektif pelaburan	: Singapore Fund bertujuan untuk menyediakan keputusan pelaburan, sebelum perbelanjaan, yang hampir sama dengan prestasi FTSE/ASEAN 40 Index.	4.2
Indeks Sasaran	: FTSE/ASEAN 40 Index atau indeks gantian seumpamanya seperti yang boleh ditentukan oleh Pengurus SF.	3.9
Strategi dan dasar pelaburan	: Bagi menguruskan Singapore Fund, Pengurus SF boleh menggunakan sama ada Strategi	4.3

1. RINGKASAN MAKLUMAT

Perkara	Huraian Ringkas	Bahagian di dalam Prospektus
	<p>Replikasi atau Strategi Persampelan Perwakilan. Pengurus SF boleh bertukar di antara dua strategi ini, tanpa memberi notis kepada pelabur, mengikut budi bicara mutlak yang ia percaya adalah wajar dalam usaha untuk mencapai objektif pelaburan Singapore Fund.</p> <p>Menggunakan Strategi Replikasi, Singapore Fund akan melabur hampir keseluruhannya ke dalam Sekuriti Indeks Sandaran dengan wajaran yang hampir sama (iaitu pembahagian) seperti FTSE/ASEAN 40 Index.</p> <p>Bagaimanapun, jika Pengurus SF berpendapat bahawa Strategi Replikasi bukan kaedah paling efisien untuk menjejak FTSE/ASEAN 40 Index, Pengurus SF boleh memutuskan sebaliknya untuk menggunakan Strategi Persampelan Perwakilan.</p> <p>Menggunakan Strategi Persampelan Perwakilan, Singapore Fund akan memegang satu sampel perwakilan sebuah portfolio SF Securities yang dipilih oleh Pengurus SF menggunakan model analisis kuantitatif di dalam teknik yang dikenali sebagai “persampelan portfolio”. Pengurus SF akan membina portfolio untuk Singapore Fund agar, dalam agregat, permodalan, industri dan ciri-ciri pelaburan asasnya menunjukkan prestasi seperti FTSE/ASEAN 40 Index.</p>	
Matawang dagangan	: US\$ (matawang utama/asas) atau Dolar Singapura (S\$) (matawang sekunder).	
Akhir tahun kewangan Singapore Fund	: 31 Disember	
Dasar Agihan Pendapatan	: Tahunan (jika ada)	4.6
Pengurus SF	: Principal Asset Management (S) Pte Ltd	10
Pemegang Amanah SF	: DBS Trustee Limited	11

Sila rujuk kepada Bahagian 4 Prospektus ini untuk maklumat tambahan mengenai Singapore Fund.

1. RINGKASAN MAKLUMAT

Maklumat terkini mengenai FTSE/ASEAN 40 Index dan Singapore Fund akan disiarkan masing-masing di laman Hari Dagangan Indeks Sasaran di <https://www.ftserussell.com> / dan laman Hari Dagangan Singapore Fund di <https://www.principal.com.sg>.

1.5 Fi, caj dan perbelanjaan berkaitan dengan Singapore Fund

(i) Fi dan caj perlu dibayar oleh Singapore Fund

Fi dan caj yang perlu dibayar oleh Singapore Fund diringkaskan seperti berikut:

Fi dan perbelanjaan	%/US\$
Fi Pengurusan	Semasa 0.65% setahun dari NAB SF Maksimum 2.00% setahun dari NAB SF

Nota:

Fi bagi Pemegang Amanah SF, kustodian, pendaftar, Pemberi Lesen Indeks dan juruaudit akan ditanggung oleh Pengurus SF dan tidak akan dicajkan kepada Singapore Fund.

(ii) Kos-kos lain bagi pelaburan dalam Singapore Fund

Kesemua perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan panggilan mesyuarat untuk Pemegang Unit SF dan kesemua kos urus niaga serta kos operasi lain (berhubung dengan pentadbiran Singapore Fund) akan dibayar daripada aset-aset Singapore Fund.

Singapore Fund akan menanggung kos dan perbelanjaan bagi persediaan kesemua prospektus yang diterbitkan oleh Singapore Fund, sebarang prospektus tambahan, gantian atau kemas kini kepadanya, lampiran maklumat produk, laporan dan/atau penyata-penyata lain kepada Pemegang Unit SF.

1.6 Maklumat Lain

Berhubung dengan Dana, Pengurus dan Pemegang Amanah telah memeterai Surat Ikatan yang bertarikh 19 April 2010, seperti dipinda oleh satu (1) surat ikat tambahan kepadanya bertarikh 2 Ogos 2019. Peruntukan yang terkandung di sini adalah dan akan saling mengikat ke atas setiap Pemegang Unit selagi Pemegang Unit tersebut didaftarkan sebagai orang yang memegang Unit menurut Surat Ikatan.

Terdapat fi dan caj yang dikenakan dan anda dinasihatkan agar menimbangkannya sebelum melabur dalam Dana.

Sila rujuk kepada Bahagian 5 untuk maklumat lanjut mengenai fi, caj dan perbelanjaan yang berkaitan dengan pelaburan di dalam Unit. Anda seharusnya membaca dan memahami kandungan Prospektus dan jika perlu, merujuk kepada penasihat profesional anda.

Harga Unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, boleh naik atau turun.

Untuk maklumat mengenai faktor risiko tertentu yang seharusnya dipertimbangkan oleh bakal pelabur, lihat "FAKTOR RISIKO" pada mukasurat 11.

Anda seharusnya membaca dan memahami kandungan Prospektus dan jika perlu, merujuk kepada penasihat profesional anda.

1. RINGKASAN MAKLUMAT

Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Pengurus di (03) 7718 3000 atau e-mel ke service@principal.com.my. Pusat Khidmat Pelanggan Pengurus dibuka dari 8:45 a.m. hingga 5:45 p.m. (waktu Malaysia) pada hari Isnin hingga Khamis dan dari 8:45 a.m. hingga 4:45 p.m. (waktu Malaysia) pada hari Jumaat (kecuali pada cuti umum Selangor).

Sekiranya anda ingin menghantar surat, sila alamatkan ke:

Principal Asset Management Berhad
Pusat Khidmat Pelanggan
50, 52 & 54 Jalan SS 21/39
Damansara Utama
47400 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan Malaysia

Ruang selebihnya di halaman ini sengaja dibiarkan kosong

2. FAKTOR RISIKO

2.1 Risiko am melabur di dalam ETF

Setiap pelaburan mempunyai elemen risiko. Oleh itu, sebelum membuat pelaburan, anda harus menimbang faktor-faktor risiko berikut sebagai tambahan kepada maklumat lain yang terkandung di dalam Prospektus ini.

(i) Pulangan tidak dijamin

Anda perlu sedar bahawa tiada jaminan ke atas sebarang agihan pendapatan, pulangan atau peningkatan modal apabila melabur di dalam ETF.

(ii) Risiko am pasaran

Sebarang pembelian sekuriti akan melibatkan elemen risiko pasaran. Justeru itu, ETF boleh terdedah kepada keadaan pasaran yang berubah-ubah akibat:

- pembangunan ekonomi global, serantau atau nasional;
- dasar kerajaan atau keadaan politik;
- perkembangan dalam rangka kerja pengawalseliaan, undang-undang dan isu perundangan;
- pergerakan am dalam kadar faedah;
- sentimen pelabur yang meluas; dan
- kejutan luaran (seperti bencana alam, perang dan sebagainya).

Kesemua ini boleh menyebabkan ketidakpastian dan turun naik di dalam harga sekuriti sandaran portfolio pelaburan ETF. Pergerakan dalam nilai sandaran sekuriti akan menyebabkan NAB Dana atau harga Unit untuk turun serta naik, dan pendapatan yang dijana oleh ETF juga boleh berubah.

(iii) Risiko inflasi

Risiko kadar inflasi adalah risiko potensi kerugian terhadap kuasa membeli pelaburan anda yang disebabkan oleh peningkatan am dalam harga pengguna. Inflasi menghakis kadar sebenar pulangan anda, iaitu, pulangan selepas anda mengeluarkan kadar inflasi. Kadar inflasi biasanya dilaporkan menggunakan Indeks Harga Pengguna. Oleh itu, inflasi merupakan salah satu risiko utama kepada anda untuk tempoh jangka panjang serta menyebabkan ketidakpastian ke atas nilai masa depan pelaburan. Dengan itu, sekuriti kadar tetap terdedah kepada risiko inflasi yang lebih tinggi berbanding ekuiti di dalam persekitaran inflasi yang meningkat.

(iv) Risiko pembiayaan pinjaman

Jika pinjaman diperolehi untuk membiayai pembelian Unit-unit Dana, anda perlu memahami bahawa:

- pinjaman meningkatkan kemungkinan untung dan rugi;
- jika nilai pelaburan tersebut jatuh di bawah paras tertentu, anda mungkin akan diminta oleh institusi kewangan untuk menambah cagaran atau mengurangkan amaun baki pinjaman ke paras yang diperlukan;
- kos pinjaman boleh berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada pergerakan kadar faedah; dan
- risiko menggunakan pembiayaan pinjaman terhadap objektif pelaburan anda, penerimaan terhadap risiko dan situasi kewangan harus dinilai secara teliti.

(v) Risiko ketidakpatuhan

2. FAKTOR RISIKO

Ia merujuk kepada ETF tidak mematuhi undang-undang yang berkenaan, peraturan, amalan yang ditetapkan dan dasar serta prosedur dalaman oleh Pengurus. Risiko ini juga boleh berlaku secara tidak langsung oleh risiko perundangan, yang merupakan risiko keadaan daripada penganan dan/atau pindaan ke atas rangka kerja pengawalseliaan, undang-undang, peraturan, dan amalan perundangan lain yang memberi kesan kepada ETF. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan pelaburan dalam ETF dijual pada kerugian dan dengan itu memberi kesan kepada nilai ETF dan juga boleh mengakibatkan penggantungan atau penyahsenaraian Unit-unit di Bursa Securities. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus mengenakan kawalan dalaman yang ketat dan memastikan bahawa proses pemantauan kepatuhan dilaksanakan.

(vi) Risiko Pengurus

Prestasi mana-mana ETF bergantung kepada pengalaman, pengetahuan, kepakaran dan teknik/proses pelaburan yang digunakan oleh Pengurus dan/atau Pengurus SF, mengikut keadaan, dan sebarang kekurangan tersebut boleh memudaratkan prestasi Dana sekaligus menjejaskan Pemegang Unit. Anda harus turut maklum bahawa kualiti pengurusan Dana dan/atau pengurusan Singapore Fund, mengikut keadaan, turut terjejas oleh keadaan dalaman syarikat pengurusan seperti urusan operasi dan sistem. Ada di antaranya adalah disebabkan kesilapan manusia manakala sebahagian lagi disebabkan faktor-faktor lain yang mungkin di luar kawalan. Walaupun kejadian seperti ini mungkin tidak berlaku, Pengurus dan/atau pengurus SF, mengikut keadaan, berusaha untuk mengurangkan risiko ini dengan melaksanakan proses pelaburan yang konsisten dan berstruktur, prosedur dan proses operasi yang sistematik dengan kawalan dalaman yang ketat.

2.2 Faktor risiko spesifik kepada Dana

(i) Risiko pasaran

NAB Dana akan berubah mengikut perubahan pada nilai pasaran yang dipegang oleh Sekuriti SF dan Singapore Fund. Harga Unit SF dan harga Unit yang sepadan serta pendapatan daripadanya boleh turun atau naik. Anda mungkin tidak akan mendapat balik pelaburan yang asal. Walaupun pada masa ini Pengurus berhasrat untuk membayar agihan pendapatan Dana secara tahunan, tiada jaminan bahawa Pengurus boleh membuat agihan tersebut kepada anda. Pelaburan dalam Dana melibatkan risiko serupa dengan mana-mana sekuriti dana ekuiti yang didagangkan di bursa, antaranya pergerakan pasaran yang disebabkan oleh faktor seperti perkembangan ekonomi dan politik, perubahan pada kadar faedah dan tukaran asing. Penurunan yang besar dalam nilai indeks dijangka akan menyebabkan penurunan yang serupa dalam NAB SF (dan seterusnya NAB Dana).

(ii) Pelaburan pasif

Dana tidak diuruskan secara aktif. Oleh itu, Dana boleh terjejas akibat kejatuhan pada Indeks Sandaran. Dana melabur hampir keseluruhan asetnya ke dalam Singapore Fund, yang kemudiannya melabur dalam sekuriti yang termasuk atau mencerminkan Indeks Sandaran. Pengurus SF tidak bertindak untuk memilih saham secara berasingan atau mengambil kedudukan defensif semasa pasaran merudum.

(iii) Risiko ralat penjejakan

2. FAKTOR RISIKO

Perubahan di dalam NAB SF tidak menyamai dengan tepat perubahan pada Indeks Sandaran. Ini disebabkan, antara lainnya, fi dan perbelanjaan yang perlu dibayar oleh Singapore Fund dan fi urus niaga serta duti setem yang ditanggung untuk melaraskan semula komposisi portfolio Singapore Fund akibat perubahan pada Indeks Sandaran dan dividen yang diterima, tetapi tidak diagihkan oleh Singapore Fund. Selain itu, akibat daripada ketidaksediaan Sekuriti Indeks Sandaran, kos urus niaga semasa membuat pelarasan mungkin melebihi manfaat yang dijangka hasil pelarasan tersebut, atau untuk sebarang sebab lain, mungkin terdapat perbezaan masa di antara perubahan pada Indeks Sandaran dan pelarasan yang sepadan pada saham-saham yang membentuk portfolio Singapore Fund.

Sewaktu Sekuriti Indeks Sandaran tidak tersedia, tidak cair atau apabila Pengurus SF memutuskan yang ianya adalah demi kepentingan Singapore Fund untuk berbuat demikian, Singapore Fund boleh mengekalkan satu kedudukan tunai kecil atau melabur di dalam sekuriti yang lain sehingga Sekuriti Indeks Sandaran menjadi tersedia atau cair. Kos, perbelanjaan, imbalan tunai, perbezaan masa atau pegangan tersebut boleh menyebabkan NAB SF menjadi lebih rendah atau lebih tinggi berbanding paras relatif Indeks Sandaran. Dasar pengawalseliaan boleh menjejaskan keupayaan Pengurus SF untuk mencapai korelasi terdekat dengan prestasi Indeks Sandaran. Pulangan Singapore Fund boleh dengan itu terpesong daripada Indeks Sandaran dan menjejaskan pulangan Dana.

(iv) Penciptaan dan penebusan melalui Peniaga Yang Menyertai sahaja

Anda secara amnya tidak boleh mencipta atau menebus Unit dan dalam apa jua keadaan hanya boleh mencipta atau menebus Unit melalui Peniaga Yang Menyertai yang tidak berkewajipan untuk berbuat demikian bagi pihak anda. Peniaga Yang Menyertai boleh, mengikut budi bicaranya, menolak untuk mencipta atau menebus pesanan daripada anda dan boleh mengenakan fi yang ia tentukan. Peniaga Yang Menyertai tidak boleh mencipta atau menebus Unit-unit ketika mana-mana tempoh apabila, di antara lainnya, urus niaga di Bursa Securities terbatas atau digantung, penyelesaian atau pengosongan Unit-unit melalui Bursa Depository terganggu atau Indeks Sandaran tidak disusun atau diterbitkan. Selain itu, Peniaga Yang Menyertai tidak boleh mencipta atau menebus Unit-unit jika berlaku sebarang kejadian yang menghalang pengiraan NAB Dana atau pelupusan portfolio sekuriti Dana dalam Unit SF tidak boleh dilaksanakan.

Oleh kerana Dana melabur secara utama dalam Singapore Fund, Peniaga SF Yang Menyertai boleh menolak pesanan untuk mencipta atau menebus. Tambahan pula, kesanggupan seseorang Peniaga SF Yang Menyertai untuk menebus Unit-unit boleh bergantung kepada, tetapi tidak terhad kepada, kebolehan Peniaga SF Yang Menyertai untuk menjual Unit-unit SF yang berkenaan serta perjanjian yang mungkin dicapai di antara Pengurus dan Peniaga SF Yang Menyertai.

(v) Risiko kecairan

Walaupun Unit-unit disenaraikan di Bursa Securities, anda seharusnya menyedari bahawa mungkin tidak terdapat pasaran dagangan cair bagi Unit-unit. Tidak terdapat jaminan bahawa pasaran dagangan aktif akan berkembang, mahupun terdapat asas tertentu untuk meramalkan paras harga sebenar, atau saiz di mana Unit-unit mungkin didagangkan. Tambahan pula, tidak ada jaminan bahawa Unit-unit akan mengalami corak dagangan atau harga yang serupa seperti saham dagangan pasaran yang diterbitkan oleh syarikat pelaburan di

dalam bidang kuasa lain atau yang berdasarkan kepada indeks selain Indeks Sandaran. Bagaimanapun, Peniaga Yang Menyertai yang turut bertindak sebagai penggerak pasaran dijangka akan mencipta kecairan untuk Unit-unit.

(vi) Saiz penciptaan dan penebusan minimum

Unit-unit biasanya hanya akan diterbit/ditebus dalam Blok Unit Penciptaan/Penebusan (ketika ini 1.35 juta Unit) atau gandaannya. Jika anda tidak memegang Blok Unit Penciptaan/Penebusan, anda hanya boleh melanggan Unit-unit/merealisasikan nilai Unit-unit anda di Bursa Securities.

(vii) Unit-unit boleh didagangkan pada harga selain dari NAB Dana

NAB Dana mewakili harga saksama untuk membeli atau menjual Unit-unit. Seperti mana-mana dana yang disenarai, harga pasaran sekunder untuk Unit-unit ada kalanya boleh didagangkan di atas atau di bawah NAB Dana. Terdapat risiko, di mana Pemegang Unit mungkin tidak dapat membeli atau menjual pada harga berhampiran nilai NAB Dana ini. Lencongan daripada NAB Dana tersebut bergantung kepada beberapa faktor, tetapi akan terserlah apabila terdapat ketidakseimbangan yang besar di antara bekalan pasaran dan permintaan untuk Unit-unit di Pasaran Utama. Walau bagaimanapun, memandangkan Unit-unit boleh dicipta dan ditebus melalui Blok Unit Penciptaan dan Penebusan oleh Peniaga Yang Menyertai, yang mana berkaitan, ia tidak dijangka akan memesonng secara ketara daripada NAB Dana.

(viii) Tiada jaminan prestasi Dana

Tiada sebarang jaminan yang objektif pelaburan Dana dapat dicapai. Amaun fi serta perbelanjaan mutlak yang perlu dibayar oleh Dana akan naik turun mengikut NAB Dana. Walaupun amaun perbelanjaan biasa tertentu Dana boleh dianggarkan, kadar pertumbuhan Dana dan NAB Dana tidak boleh dijangka. Dengan itu, tiada jaminan boleh diberikan terhadap prestasi Dana atau paras sebenar perbelanjaannya.

(ix) Agihan pendapatan bergantung kepada dividen yang dibayar oleh Singapore Fund

Kemampuan Dana untuk mengagihkan pendapatan kepada Pemegang Unit bergantung secara prinsipal ke atas dividen yang diisytiharkan dan dibayar oleh Singapore Fund, yang bergantung kepada dividen yang diisytihar dan dibayar oleh syarikat yang sahamnya dipegang oleh Singapore Fund. Ia juga bergantung kepada paras fi serta perbelanjaan yang perlu dibayar oleh Singapore Fund dan Dana. Kadar bayaran dividen Singapore Fund dan syarikat-syarikat ini adalah berdasarkan pelbagai faktor, termasuk keadaan kewangan semasa mereka, dasar-dasar dividen dan keadaan ekonomi secara amnya. Tiada sebarang jaminan bahawa Singapore Fund dan syarikat-syarikat tersebut akan mengisytiharkan dividen atau membuat agihan lain. Selain itu, perubahan kepada komposisi Indeks Sandaran (sebagai contoh, penggantian satu saham konstituen di dalam Indeks Sandaran dengan saham lain yang membayar dividen lebih tinggi atau lebih rendah) akan menjejaskan paras dividen yang diterima oleh Singapore Fund (yang turut menjejaskan Dana).

Setakat yang mungkin, Dana boleh mengagihkan kesemua atau keseluruhan dividen (selepas menolak fi, perbelanjaan dan cukai berkaitan) yang diterima oleh Dana kepada Pemegang Unit, secara pro-rata berdasarkan bilangan Unit yang dipegang oleh setiap Pemegang Unit pada tarikh kelayakan agihan

2. FAKTOR RISIKO

pendapatan. Amaun sebenar yang akan diagihkan tertakluk kepada budi bicara Pengurus.

(x) Tumpuan kepada Singapore Fund

Dana ini melabur secara utama di dalam Singapore Fund. Sebarang impak memudaratkan yang dialami oleh Singapore Fund akan seterusnya menjejaskan prestasi Dana.

(xi) Tumpuan pada kumpulan saham, industri atau kelompok industri tertentu

Jika Indeks Sandaran merangkumi Sekuriti Indeks Sandaran yang bertumpu kepada kumpulan saham, industri atau kelompok industri tertentu, Singapore Fund boleh terjejas teruk oleh prestasi saham tersebut dan adalah tertakluk kepada volatiliti harga. Selain itu, Singapore Fund juga mungkin lebih mudah dipengaruhi oleh sebarang kejadian ekonomi, pasaran, politik atau kawal selia. Sebarang impak buruk yang dialami Singapore Fund akibat daripada keadaan ini akan menjejaskan prestasi Dana.

(xii) Kebergantungan kepada pasaran dagangan untuk Sekuriti Indeks Sandaran

Kesemua Sekuriti Indeks Sandaran disenaraikan di Bursa Berkenaan. Kewujudan pasaran dagangan cair untuk Sekuriti Indeks Sandaran boleh bergantung kepada sama ada terdapatnya bekalan untuk, dan permintaan untuk Sekuriti Indeks Sandaran tersebut. Tiada sebarang jaminan akan berlakunya dagangan aktif di dalam mana-mana Sekuriti Indeks Sandaran. Harga di mana Sekuriti Indeks Sandaran boleh dibeli atau dijual oleh Singapore Fund selepas sebarang aktiviti pengimbangan semula atau sebaliknya dan NAB SF atau Dana boleh terjejas teruk jika pasaran dagangan untuk Sekuriti Indeks Sandaran adalah terhad atau tidak wujud. Bagaimanapun, syarikat-syarikat konstituen Indeks Sandaran pada amnya mempunyai kecairan di Bursa Berkenaan.

(xiii) Kekurangan budi bicara Pengurus untuk menyesuaikan keadaan kepada perubahan dalam pasaran

Sekuriti Indeks Sandaran dipegang oleh Singapore Fund menggambarkan sebaran syarikat-syarikat yang saham mereka merangkumi Indeks Sandaran. Oleh itu, perubahan besar dalam keadaan kewangan atau harga saham mana-mana syarikat yang termasuk di dalam Indeks Sandaran akan berkemungkinan menjejaskan NAB SF atau NAB Dana dan harga dagangan Unit SF atau Unit-unit, yang mana berkaitan, dengan teruk. Pengurus SF tidak mempunyai budi bicara untuk menyingkirkan saham-saham syarikat tersebut daripada Singapore Fund.

(xiv) Dagangan Unit-unit di Bursa Securities boleh digantung

Anda tidak dapat membeli atau menjual Unit-unit di Bursa Securities semasa tempoh Bursa Securities menggantung dagangan Unit-unit. Bursa Securities boleh menggantung dagangan Unit-unit pada bila-bila masa yang ia anggap sesuai demi kepentingan pasaran yang saksama dan teratur untuk melindungi anda. Penciptaan dan penebusan Unit-unit juga akan digantung jika dagangan Unit-unit di Bursa Securities mengalami penggantungan.

(xv) Dagangan Unit SF di SGX-ST boleh digantung

Peniaga SF Yang Menyertai tidak dapat membeli atau menjual Unit SF di SGX-ST semasa tempoh SGX-ST menggantung dagangan Unit SF. SGX-ST boleh

2. FAKTOR RISIKO

menggantung dagangan Unit SF pada bila-bila masa SGX-ST rasakan bersesuaian demi kepentingan pasaran yang saksama dan teratur untuk melindungi anda. Penciptaan dan penebusan Unit SF juga akan digantung jika dagangan Unit SF di SGX-ST mengalami penggantungan. SGX-ST mengenakan syarat-syarat tertentu untuk meneruskan penyenaian sekuriti, termasuk Unit SF, di SGX-ST. Tiada sebarang jaminan yang Singapore Fund akan terus memenuhi syarat-syarat tersebut untuk mengekalkan penyenaian Unit SF di SGX-ST atau pun SGX-ST tidak akan mengubah syarat-syarat penyenaian. Singapore Fund boleh ditamatkan jika Unit dinyahsenaraikan dari SGX-ST.

Dagangan Unit SF di SGX-ST tidak semestinya digantung jika penciptaan dan penebusan Unit SF digantung sementara oleh Pengurus SF mengikut terma Surat Ikatan SF. Jika penciptaan dan penebusan Unit-unit digantung sementara, harga dagangan Unit-unit SF boleh terjejas teruk dan berbeza dari NAB SF.

(xvi) Unit-unit boleh dinyahsenarai dari Bursa Securities

Bursa Securities menetapkan syarat-syarat tertentu untuk meneruskan penyenaian sekuriti, termasuk Unit-unit, di Bursa Securities. Tiada sebarang jaminan kepada anda bahawa Dana akan terus memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengekalkan penyenaian Unit-unit di Pasaran Utama atau Bursa Securities tidak akan mengubah Syarat Penyenaian Pasaran Utama. Dana boleh ditamatkan jika Unit-unitnya dinyahsenaraikan dari Bursa Securities.

(xvii) Penciptaan dan/atau penebusan digantung

Urus niaga di dalam Unit-unit di Bursa Securities tidak semestinya digantung jika penciptaan dan penebusan Unit digantung buat sementara oleh Pengurus mengikut terma Surat Ikatan. Jika penciptaan dan penebusan Unit-unit digantung sementara, harga dagangan Unit-unit boleh terjejas teruk dan berbeza daripada nilai pasaran aset sandaran Dana.

(xviii) Hak MAS untuk menarik balik kelulusan kepada Singapore Fund

Singapore Fund (dan seterusnya Dana) mencari untuk menyediakan hasil pelaburan yang sebelum perbelanjaan, yang hampir bersepadan dengan prestasi Indeks Sandaran. Singapore Fund telah diluluskan sebagai skim pelaburan kolektif oleh MAS menurut Bahagian 286 Akta Sekuriti dan Hadapan. Walau bagaimanapun, MAS mempunyai hak untuk menarik balik kelulusan Singapore Fund tersebut atau mengenakan syarat-syarat yang dirasai bersesuaian jika sesuatu Indeks Sandaran tidak lagi dianggap boleh diterima MAS. Jika sebagai hasil daripada penarikan balik tersebut menjadi tidak sah, tidak praktikal atau tidak dinasihatkan untuk Dana kekal melabur di dalam Singapore Fund, Dana boleh ditamatkan.

(xix) Risiko pasaran sedang membangun

Singapore Fund akan melabur dalam sekuriti yang tersenarai di bursa saham negara-negara ASEAN, yang beberapa daripadanya dianggap sebagai pasaran sedang membangun. Pasaran-pasaran ini mungkin tertakluk kepada risiko-risiko tertentu yang berkait dengan pelaburan asing dalam pasaran sedang membangun yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada:

- pasaran sekuriti yang secara amnya kurang cair dan kurang cekap;
- volatiliti harga yang lebih besar secara amnya;
- perubahan kadar tukaran dan kawalan tukaran;

2. FAKTOR RISIKO

- pengenaan sekatan-sekatan ke atas ekspatriasi dana-dana atau aset-aset lain;
- kurang maklumat umum yang tersedia mengenai terbitan;
- pengenaan cukai;
- kos urus niaga dan kustodi yang lebih tinggi;
- kelewatan penyelesaian dan risiko kerugian;
- kesukaran untuk menguatkuasakan kewajipan kontrak;
- kekurangan peraturan terhadap pasaran sekuriti;
- permodalan pasaran lebih kecil;
- piawaian perakaunan dan pendedahan yang berbeza;
- campur tangan kerajaan;
- risiko penutupan pasaran yang lebih besar;
- risiko perampasan hak milik aset-aset;
- inflasi lebih tinggi;
- ketidakpastian sosial, ekonomi dan politik; dan
- risiko peperangan.

(xx) Risiko tukaran asing

Oleh kerana aset-aset dan sekuriti-sekuriti Dana atau Singapore Fund tidak didenominasikan di dalam Ringgit Malaysia, sebahagian besar daripada hasil dan pendapatan Dana dan Singapore Fund boleh diterima di dalam matawang selain daripada Ringgit Malaysia. Oleh itu, sebarang turun naik dalam kadar tukaran berkenaan akan mempengaruhi nilai sekuriti tersebut, NAB SF serta NAB Dana. Memandangkan NAB Dana ditentukan pada dasar RM, anda mungkin kerugian wang jika matawang aset-aset yang dipegang Singapore Fund menyusut berbanding RM. Pengurus tidak berhasrat untuk melindungi nilai terhadap pendedahan matawang asing seperti itu.

(xxi) Risiko sekuriti asing

Singapore Fund melabur keseluruhannya di dalam atau berkaitan dengan pasaran ekuiti di rantau ini. Pasaran ini tertakluk kepada risiko khas yang berkaitan dengan pelaburan asing termasuk turun naik pasaran yang terjejas oleh perkembangan politik dan ekonomi. Faktor risiko utama yang boleh menurunkan nilai pelaburan anda, adalah disenarai dan dihuraikan seperti di bawah:

- pasaran sekuriti yang kurang cair dan kurang cekap;
- volatiliti harga yang lebih besar;
- perubahan kadar tukaran dan kawalan tukaran;
- kurang maklumat umum yang tersedia mengenai terbitan;
- pengenaan sekatan ke atas ekspatriasi dana-dana atau aset-aset lain Singapore Fund;
- kos urus niaga dan milikan yang lebih tinggi serta penungguhan dan risiko kerugian yang wujud dalam prosedur penyelesaian;
- kesukaran untuk menguatkuasakan kewajipan kontrak;
- paras pengawalseliaan yang lebih rendah terhadap pasaran sekuriti;
- keperluan perakaunan, pendedahan dan pelaporan yang berbeza;
- penglibatan kerajaan yang lebih menyeluruh di dalam ekonomi;
- kadar inflasi lebih tinggi; dan
- ketidakpastian yang lebih besar mengenai sosial, ekonomi dan politik serta risiko nasionalisasi atau rampasan aset dan risiko peperangan atau keganasan.

(xxii) Kejadian gangguan pasaran dan peristiwa gangguan penyelesaian

Kemungkinan berlakunya penggantungan dalam menentukan NAB Dana, penggantungan dagangan untuk Unit-unit di Bursa Securities dan/atau penggantungan bagi Permohonan Penciptaan dan/atau Permohonan Penebusan jika terdapat kejadian gangguan pasaran atau peristiwa gangguan penyelesaian.

Kejadian gangguan pasaran boleh merangkumi tanpa had, sebarang penggantungan atau had yang dikenakan ke atas dagangan (atas sebab pergerakan dalam harga yang melebihi had yang dibenarkan tukaran berkaitan atau sebaliknya) dalam konstituen Indeks Sandaran, penutupan Bursa Berkenaan pada sebarang Hari Pasaran sebelum masa penutupan yang dijadualkan dan sebarang moratorium am yang diisytiharkan yang berkaitan dengan aktiviti perbankan di Bursa Berkenaan atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Peristiwa gangguan penyelesaian boleh merangkumi tanpa had, sebarang kesukaran teknikal yang dialami oleh Pengurus, yang di luar kawalan Pengurus, dalam memproses Permohonan Penciptaan dan/atau Permohonan Penebusan yang sah dan sebarang kawalan sekatan atau halangan tukaran atau perpindahan, mengikut keadaan, matawang tukaran asing berkaitan kepada RM atau dari RM kepada matawang tukaran asing yang berkenaan.

2.3 Faktor risiko berkaitan dengan Indeks Sandaran**(i) Kesilapan atau ketidaktepatan Indeks Sandaran**

Ketidaktepatan, ralat, langkauan atau kesilapan mungkin terdapat di dalam kompilasi atau pengiraan Indeks Sandaran, yang boleh menyebabkan pemesongan besar di antara NAB SF dan Indeks Sandaran. Pengurus dan Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab atau terlibat dalam kompilasi atau pengiraan Indeks Sandaran dan tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang ketidaktepatan, ralat, langkauan atau kesilapan dalam kompilasi atau pengiraan tersebut.

(ii) Indeks Sandaran tertakluk kepada turun naik

Prestasi NAB Dana harus bersepadan dengan prestasi Indeks Sandaran. Indeks Sandaran mungkin mengalami tempoh volatiliti di masa hadapan. Jika Indeks Sandaran mengalami volatiliti atau penurunan, harga NAB Dana boleh berubah atau berkurangan sewajarnya. Akibatnya, harga Unit-unit tersebut mungkin berbeza.

(iii) Komposisi dan wajaran dalam Indeks Sandaran boleh berubah

Sekuriti yang merangkumi Indeks Sandaran diubah oleh Pemberi Lesen Indeks dari semasa ke semasa. Harga Unit SF dan Unit-unit boleh meningkat atau menurun akibat perubahan tersebut. Komposisi Indeks Sandaran boleh juga berubah jika salah satu syarikat konstituen menyahsenaraikan sekuritinya dan atau jika syarikat layak yang baharu menyenaraikan sekuritinya dan ditambah kepada Indeks Sandaran. Jika ia berlaku, wajaran atau komposisi Sekuriti Indeks Sandaran yang dilaburkan oleh Singapore Fund akan diubah seperti yang dianggap wajar oleh Pengurus SF demi mencapai objektif pelaburan. Maka, pelaburan dalam Unit-unit secara amnya akan mencerminkan Indeks Sandaran mengikut perubahan konstituennya dari semasa ke semasa, dan tidak semestinya secara ia dirangkumi semasa pelaburan dibuat di dalam Unit-unit.

(iv) Lesen untuk menggunakan Indeks Sandaran boleh ditamatkan

Pengurus dan Pengurus SF telah diberi lesen oleh FTSE untuk menggunakan Indeks Sandaran dalam operasi, pemasaran dan promosi Dana dan Singapore Fund (yang mana berkenaan). Singapore Fund (dan akibatnya, Dana) boleh ditamatkan jika Perjanjian Lesen Indeks dengan FTSE ditamatkan dan Pengurus SF tidak dapat mengenal pasti atau bersetuju dengan FTSE atau sebarang terma penyedia indeks lain untuk menggunakan indeks gantian yang bersesuaian yang menggunakan, pada pendapat Pengurus SF, formula yang sama atau sebahagian besarnya serupa untuk kaedah pengiraan sebagai Indeks Sandaran.

Oleh itu, anda harus mengambil perhatian bahawa keupayaan Singapore Fund (dan seterusnya Dana) untuk menjejak Indeks Sandaran bergantung kepada kesinambungan penguatkuasaan perjanjian lesen indeks dengan FTSE bagi Indeks Sandaran atau pengganti yang bersesuaian.

Sebarang penggantian indeks Dana akan dimaklumkan kepada Pemegang Unit, dan adalah tertakluk kepada kelulusan Pemegang Amanah dan SC.

(v) Kompilasi Indeks Sandaran

Tiada waranti, perwakilan atau jaminan diberikan terhadap ketepatan atau kesempurnaan Indeks Sandaran dan pengiraannya atau sebarang maklumat berkaitan dengannya. Proses dan asas pengiraan serta kompilasi Indeks Sandaran dan sebarang formula berkaitan, syarikat-syarikat konstituen dan faktor-faktor boleh diubah atau dipinda oleh Pemberi Lesen Indeks pada bila-bila masa tanpa notis.


3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

3.1 Pengenalan kepada Dana

Dana ini adalah skim pelaburan kolektif berstruktur sebagai sebuah skim unit amanah di bawah Garis Panduan ETF dan ditubuhkan di bawah Surat Ikatan. Unit-unit Dana disenaraikan di Bursa Securities. Surat Ikatan ini dimeterai di antara Pemegang Amanah dan Pengurus, di mana Pemegang Unit bersetuju untuk terikat dengan semua peruntukan di bawah Surat Ikatan.

Dana ini bertujuan untuk melaburkan sekurang-kurangnya 95% daripada keseluruhan aset-asetnya dalam Singapore Fund, yang objektif pelaburannya adalah untuk menyediakan keputusan pelaburan yang, sebelum perbelanjaan, bersepadan kepada prestasi Indeks Sandaran, iaitu FTSE/ASEAN 40 Index.

Rajah di bawah ini yang menggambarkan perhubungan di antara Dana dan Singapore Fund:



3.2 Penyenaiaan Dana di Bursa Securities

Permohonan untuk kemasukan ke dalam Senarai Rasmi dan penyenaiaan dan sebutharga sehingga ke 500 juta Unit di Pasaran Utama telah dibuat kepada Bursa Securities dan kelulusan untuk penyenaiaan dan sebutharga sehingga 500 juta Unit di Pasaran Utama Bursa Securities telah diperolehi dari Bursa Securities pada 18 Mac 2010.

Dana telah dimasukkan ke dalam Senarai Rasmi. Unit-unit didagangkan dalam saiz lot 100.

Selaras dengan Bahagian 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Securities telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti ditetapkan. Dengan itu, Unit-unit akan didepositkan secara langsung dengan Bursa Depository dan sebarang urusan dalam Unit-unit akan dijalankan berdasarkan Akta Depositori Pusat dan peraturan-peraturan Bursa Depository

3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

3.3 Objektif Pelaburan

Dana dicipta untuk menyediakan hasil pelaburan yang hampir sama dengan prestasi Indeks Sandaran, tanpa mengambil kira prestasi yang ditunjukkannya.

Sebarang pindaan material yang akan dibuat kepada objektif pelaburan Dana perlu mendapat kelulusan awal daripada Pemegang Unit.

Tiada sebarang jaminan prestasi Indeks Sandaran akan direplikasi secara serupa atau sama pada sebarang masa. Komposisi Indeks Sandaran boleh berubah dan Unit-unit/sekuriti boleh dinyahsenaraikan. Pelaburan skim boleh tertumpu kepada sekuriti penerbit tunggal atau beberapa penerbit.

Terdapat kekurangan budi bicara bagi Dana untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran disebabkan oleh sifat pelaburan yang semulajadi Dana dan kejatuhan Indeks Sandaran dijangka akan menyebabkan kejatuhan seumpamanya dalam nilai Dana.

3.4 Dasar dan strategi pelaburan

Untuk mencapai objektif pelaburannya, Dana menyasarkan untuk melabur sekurang-kurangnya 95% dari aset-asetnya dalam Singapore Fund.

Singapore Fund adalah sebuah ETF yang disenaraikan di SGX-ST yang bertujuan menyediakan Pemegang Unit SF dengan pulangan pelaburan yang, sebelum perbelanjaan, hampir sama dengan prestasi FTSE/ASEAN 40 Index. Sila rujuk kepada Bahagian 4 Prospektus ini tentang Singapore Fund.

Tidak seperti kebanyakan dana pelaburan di mana pengurusan portfolio pelaburan merangkumi pertimbangan budi bicara dan pemilihan pelaburan yang aktif serta berterusan (berdasarkan ekonomi, kewangan dan analisis pasaran), tugas seorang Pengurus Dana ini adalah agak pasif.

3.5 Skop dan sekatan pelaburan

3.5.1 Pelaburan dibenarkan

Pengurus diberi kuasa untuk melabur ke dalam jenis aset atau instrumen berikut, tertakluk kepada sekatan pelaburan yang dinyatakan pada Bahagian 3.5.2 di bawah:

- (i) Unit SF;
- (ii) aset cair; dan
- (iii) sebarang instrumen lain yang dibenarkan oleh SC dari semasa ke semasa.

Sebagai peraturan am, Dana akan patuh kepada peruntukan aset berikut:

- (i) sekurang-kurangnya 95% di dalam pelaburan dibenarkan, kecuali aset cair; dan
- (ii) tidak lebih dari 5% dalam aset cair.

3.5.2 Sekatan pelaburan

Sekatan pelaburan yang dikenakan ke atas Pengurus adalah seperti berikut:

- (i) Harta Dana mungkin merangkumi unit-unit/saham di dalam skim pelaburan kolektif lain ("Dana Sasaran") dan Dana Sasaran tersebut mestilah:

3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

- (a) dikawal selia oleh pihak berkuasa mengawalselia;
- (b) apabila Dana Sasaran dibentuk di Malaysia, diluluskan oleh SC;
- (c) apabila Dana Sasaran dibentuk di luar Malaysia, ia didaftarkan/diberi kuasa/diluluskan oleh pihak berkuasa kawal selia di bawah bidang kuasa negaranya; dan
- (d) beroperasi dengan prinsip tebaran risiko berhemat dan pelaburannya tidak tersasar dari prinsip pelaburan am yang dinyatakan dalam Garis Panduan ETF.

Di mana Dana melabur dalam Dana Sasaran yang dikendalikan oleh Pengurus atau syarikat sekutunya, Pengurus mesti memastikan bahawa:

- tiada pegangan bersilang di antara Dana dan Dana Sasaran;
 - semua caj awal ke atas Dana Sasaran diketepikan; dan
 - fi pengurusan mesti hanya dicaj sekali sahaja, sama ada pada Dana atau Dana Sasaran.
- (ii) Dana boleh membuat pelaburan dalam pasaran asing di mana pihak berkuasa yang mengawal selia adalah ahli International Organisation of Securities Commission (“IOSCO”).
 - (iii) Dana tidak boleh meminjam tunai atau aset lain (termasuk pinjaman sekuriti dalam maksud Garis Panduan Pinjaman dan Pembiayaan Sekuriti yang dikeluarkan SC) berkaitan dengan aktivitiinya.
 - (iv) Dana boleh menyertai pinjaman sekuriti di dalam Garis Panduan Pinjaman dan Pembiayaan Sekuriti yang dikeluarkan SC. Bagaimanapun, setakat LPD, Dana tidak menyertai sebarang pinjaman sekuriti.
 - (v) Dana boleh membuat sebarang bentuk pelaburan seperti yang dibenarkan oleh SC dari semasa ke semasa yang sejajar dengan objektif Dana.

3.5.3 Kemungkiran sekatan pelaburan

Berkaitan sebarang sekatan dan had kepada pelaburan yang ditetapkan pada Bahagian 3.5.2 pada Prospektus ini, terdapat 5% kelonggaran di mana sekatan dan had tersebut dimungkiri melalui peningkatan atau penyusutan NAB Dana (sama ada hasil daripada peningkatan atau penyusutan di dalam nilai Aset Dana, atau hasil daripada penebusan Unit-unit atau pembayaran yang dibuat dari Dana).

Pengurus tidak boleh membuat sebarang pemerolehan lanjut di mana had berkaitan telah dimungkiri, dan Pengurus harus, dalam tempoh berpatutan yang tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh kemungkiran tersebut, mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memperbetulkan kemungkiran itu.

3.6 Dasar agihan pendapatan

Dana berhak secara berkala untuk layak dan menerima dividen atau pendapatan lain atas Unit SF dan sebarang sekuriti lain yang dipegang oleh portfolionya. Dana boleh mengagihkannya kepada Pemegang Unit secara kesemua atau keseluruhan pendapatan bersih (selepas ditolak fi, perbelanjaan dan cukai berkenaan) yang diterima oleh Dana, secara pro-rata berdasarkan bilangan Unit-unit yang dipegang oleh setiap Pemegang Unit pada tarikh kelayakan agihan pendapatan. Amaun sebenar yang akan diagihkan adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak Pengurus.

3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

Memandangkan Aset Dana akan dilaburkan hampir keseluruhannya dalam Singapore Fund, dengan portfolio yang mempunyai ciri serupa tetapi bukan replikasi sempurna komposisi dan wajaran Indeks Sandaran, perolehan Dana tidak sama seperti perolehan Indeks Sandaran.

Agihan pendapatan (jika ada) dijangka akan dibuat secara tahunan tertakluk kepada budi bicara Pengurus. Perincian tarikh kelayakannya, amaun agihan, tarikh selepas kelayakan dan tarikh bayaran untuk agihan akan disiarkan di laman Hari Dagangan Bursa Securities di <http://www.bursamalaysia.com> dan laman Hari Dagangan kami di <https://www.principal.com.my>.

3.7 Prestasi Dana boleh menyimpang dari prestasi Singapore Fund

Prestasi Dana berpotensi menyimpang daripada prestasi Singapore Fund disebabkan faktor-faktor seperti fi dan perbelanjaan Dana dan, penciptaan dan penebusan Dana.

3.8 Korelasi

Korelasi, di dalam konteks ini adalah ukuran bagaimana NAB portfolio Dana bergerak dengan kaitan kepada Indeks Sandaran. Jika NAB portfolio Dana bergerak tepat seperti Indeks Sandaran, terdapat hubung kait yang positif atau 100% korelasi. Jika NAB portfolio Dana tidak bergerak bertepatan dengan Indeks Sandaran, korelasinya kurang daripada 100%.

Indeks Sandaran adalah pengiraan teori manakala portfolio Dana adalah pegangan sebenar Unit SF. Prestasi kedua-duanya boleh berbeza disebabkan oleh kos urus niaga, fi, perbelanjaan dan cukai.

Oleh kerana Dana secara asasnya adalah ETF pengantara yang melabur secara utama dalam Singapore Fund, ianya tidak secara persendirian memegang portfolio sekuriti-sekuriti di dalam Indeks Sandaran. Oleh yang demikian, Pengurus tidak akan menjalankan sebarang aktiviti-aktiviti pengimbangan semula untuk mencapai korelasi positif atau untuk meminimalkan ralat penjejakan. Berhubung dengan pengimbangan semua indeks yang dilakukan oleh Pengurus SF berhubung dengan Singapore Fund, sila merujuk kepada Bahagian 4.7 Prospektus ini.

3.9 Indeks Sandaran

(i) Pengenalan kepada Indeks Sandaran

Indeks Sandaran dicipta untuk mewakili prestasi syarikat terbesar di pasaran rantau ASEAN melalui pengukuran sekuriti layak yang disenaraikan di bursa saham Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Indeks Sandaran adalah indeks boleh didagangkan yang bersesuaian untuk penciptaan Dana-dana Dagangan Bursa (ETF), derivatif dan produk berstruktur lain.

Indeks Sandaran adalah berdasarkan FTSE All-World Index, sebahagian daripada FTSE Global Equity Index Series (GEIS) yang diiktiraf secara global. FTSE Global Equity Index adalah indeks yang digunakan oleh penaja-penaja pelan utama sebagai penanda aras bagi asset-aset mereka, dan kerana itulah ia diiktiraf secara meluas sebagai standard global oleh pelabur. Ia adalah titik permulaan yang sangat baik untuk menerbitkan Indeks Sandaran dalam usaha untuk menjadikannya patuh bersama komuniti antarabangsa yang lain.

3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

Indeks Penanda Aras dikira secara masa nyata dan diterbitkan atas dasar penstriman setiap saat semasa waktu pengiraan. Matawang asas bagi Indeks Sandaran adalah Dolar AS.

(ii) **Sekuriti layak**

FTSE/ASEAN 40 Index

FTSE/ASEAN 40 Index merangkumi 40 syarikat terbesar mengikut permodalan pasaran penuh daripada pasaran layak yang layak untuk disertakan dalam dalam Indeks Sandaran.

Sekuriti yang merupakan ahli kepada FTSE All-World Index untuk Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand berpotensi layak untuk dimasukkan sebagai FTSE/ASEAN 40 Index. Semasa semakan semula, konstituen FTSE/ASEAN 40 Index mestilah telah tersedia atau konstituen belum diluluskan kepada FTSE All-World ASEAN Index, maka semakan semula tersebut akan mengambil kira sebarang perubahan konstituen kepada FTSE All-World Index seperti yang diumumkan oleh FTSE Russell dan oleh itu akan dilaksanakan sebelum tarikh pelaksanaan perubahan berkenaan.

Sekuriti adalah tertakluk kepada saringan kecairan. Setiap sekuriti mesti menukar ganti 20% daripada sahamnya dalam terbitan, selepas melaraskan apungan bebas, dalam tempoh dua belas bulan sebelum semakan semula tersebut.

(iii) **Semakan konstituen**

Tarikh semakan

FTSE/ASEAN 40 Index disemak setiap tahun pada bulan Mac. Data ketika semakan tahunan dijalankan akan diambil daripada penutup hari perniagaan terakhir pada hari Isnin Minggu ke-4 sebelum tarikh kuat kuasa semakan. Bila semua pasaran layak tidak dibuka pada hari tersebut, hari perniagaan sebelumnya semasa semua pasaran layak telah dibuka akan digunakan.

Perubahan yang timbul daripada semakan tahunan akan dilaksanakan selepas penutupan perniagaan pada Jumaat ketiga dalam bulan Mac (iaitu berkuat kuasa Isnin).

Peraturan untuk kemasukan dan pemadaman semasa semakan tahunan

Konstituen FTSE/ASEAN 40 Index ditentukan dengan menggunakan kaedah berikut:

- Mengambil pangkalan data yang merangkumi kesemua sekuriti layak;
- Mengeluarkan instrumen pelaburan bukan ekuiti daripada pangkalan data;
- Menyusun kedudukan kesemua baki sekuriti berdasarkan permodalan pasaran penuh iaitu sebelum permohonan sebarang wajaran yang boleh dilaburkan;
- Konstituen sedia ada yang telah jatuh ke kedudukan 51 atau lebih rendah akan layak untuk dikeluarkan daripada Indeks semasa tahunan; dan
- Bukan konstituen yang telah meningkat ke kedudukan 30 atau ke atas akan layak untuk dimasukkan ke dalam FTSE/ASEAN Index semasa semakan tahunan.

Di mana sebilangan besar konstituen layak untuk dimasukkan ke dalam Indeks berbanding yang layak untuk dikeluarkan, konstituen yang terletak di kedudukan terendah yang kini berada di dalam Indeks yang dikeluarkan untuk memastikan yang bilangan konstituen kekal malar. Sama juga, di mana bilangan

3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

konstituen yang lebih besar layak untuk dikeluarkan daripada Indeks berbanding bilangan yang layak untuk dirangkum, konstituen yang berada di kedudukan tertinggi akan dirangkum untuk memadamkan bilangan konstituen yang sedang dikeluarkan semasa semakan berkala.

(iv) Perubahan kepada syarikat-syarikat konstituen

Penyingkiran

Jika sesebuah konstituen berhenti daripada menjadi konstituen FTSE Global Equity Index Series ianya akan disingkirkan daripada FTSE/ASEAN 40 Index. Penyingkiran ini akan berlaku serentak dengan penyingkirannya daripada FTSE Global Equity Index Series. Kedudukan tertinggi bukan konstituen daripada FTSE/ASEAN Index akan menjadi layak untuk dirangkum ke dalam Indeks dan akan ditambah kepada Indeks secara serentak.

Penambahan & terbitan baru

Jika sesebuah konstituen ditambah kepada FTSE Global Equity Index Series Country Index yang berkenaan, ianya akan dianggap sebagai layak untuk FTSE/ASEAN 40 Index semasa semakan

Penggabungan, penstrukturan semula dan pengambilalihan rumit

Jika kesan daripada penggabungan atau pengambil alihan adalah satu konstituen diserap oleh sebuah lagi, syarikat yang terhasil akan kekal sebagai konstituen kepada FTSE/ASEAN 40 Index dan sebuah kekosongan akan disediakan. Kekosongan ini akan diisi dengan pemilihan sekuriti bukan konstituen terbesar yang layak melalui permodalan pasaran penuh daripada FTSE/ASEAN 40 Index pada masa peristiwa tersebut berlaku. Penyingkiran dan gantian saham-saham ini akan berlaku serentak.

Jika sesebuah konstituen diambil alih oleh satu bukan-konstituen yang layak, konstituen yang asal akan disingkir dan diganti oleh entiti yang digabungkan. Jika entiti yang digabungkan tidak layak untuk indeks, ianya akan digantikan dengan bukan konstituen terbesar daripada FTSE/ASEAN Index yang layak pada masa peristiwa berlaku. Penyingkiran dan gantian saham-saham ini akan berlaku serentak.

Jika syarikat konstituen dipecahkan untuk membentuk dua atau lebih syarikat, kedua-dua atau lebih syarikat yang timbul daripada pecahan tersebut, akan layak untuk dimasukkan ke dalam Indeks jika mereka memenuhi semua syarat. Jika terdapat dua atau lebih yang tidak layak maka beberapa kekosongan akan disediakan. Jika dua atau lebih syarikat yang layak, konstituen yang terkecil pada penutupan pasaran di hari peristiwa akan dihapuskan. Penyingkiran dan gantian saham-saham ini akan berlaku serentak.

Jika FTSE memutuskan untuk merangkum terbitan baru sebagai sekuriti konstituen selain daripada sebagai sebahagian dari prosedur semakan tahunan tersebut, keputusan ini mesti diumumkan kepada awam seawal yang boleh.

Jika sesebuah konstituen digantung daripada FTSE Global Equity Index Series, tindakan yang sama akan digunakan dalam FTSE/ASEAN 40 Index.

(v) Ketepatan dan kesempurnaan di dalam pengiraan indeks

Akan terdapat keadaan di mana pengiraan indeks mungkin tidak tepat. Sila rujuk pada Bahagian 2.3 Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

(vi) Ralat penjejakan

3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

Akan terdapat keadaan di mana berlaku ralat penjejakan ke atas Indeks Sandaran. Sila rujuk pada Bahagian 2.3 Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

(vii) **Pelan kontingensi jika berlaku penamatan ketersediaan Indeks Sandaran**
Indeks Sandaran boleh diganti jika berlaku penamatan ketersediaan Indeks Sandaran. Sila rujuk kepada Bahagian 2.3(iv) Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

(viii) **Konstituen Indeks Sandaran**
Setakat LPD, 10 konstituen teratas Indeks Sandaran dan wajaran yang diberikan kepada mereka adalah seperti berikut:

No	Nama Syarikat	Wajaran (%)
1.	DBS Group Holdings	8.49%
2.	Oversea-Chinese Banking	6.85%
3.	United Overseas Bank	6.06%
4.	PTT	5.37%
5.	Bank Central Asia	5.21%
6.	Singapore Telecommunications	4.42%
7.	Bank Rakyat Indonesia	4.13%
8.	Public Bank BHD	4.02%
9.	CP ALL	3.60%
10.	Telekomunikasi Indonesia	3.48%

Sumber: FTSE Russell

Jadual di bawah menunjukkan komposisi am Indeks Sandaran dan wajaran setiap sektor utama setakat LPD:

Industri ICB	Peratusan Indeks, % (Permodalan Pasaran)
Teknologi	18.00%
Bank	15.96%
Runcit	7.63%
Barangan & Perkhidmatan Perindustrian	7.10%
Hartanah	6.56%
Insurans	5.80%
Minyak & Gas	4.63%
Sumber Asas	4.55%
Perkhidmatan Kewangan	4.34%
Penjagaan Kesihatan	4.12%
Barangan Peribadi & Rumah	3.18%
Telekomunikasi	3.18%
Utiliti	3.04%
Makanan & Minuman	2.66%
Percutian & Santai	2.62%
Pembinaan dan Bahan	2.54%
Kenderaan & Alatan	2.06%

3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

Bahan Kimia	1.73%
Media	0.32%

Sumber: FTSE Russell

ICB: Penanda Aras Klasifikasi Industri

(ix) Kadar tukaran asing

Kadar tukaran asing yang digunakan dalam pengiraan Indeks Sandaran adalah kadar spot masa nyata Reuter.

Dolar AS adalah matawang asas untuk semua pengiraan indeks. Harga konstituen denominasi bukan Dolar AS ditukarkan kepada Dolar AS untuk mengira Indeks.

Kadar tukaran asing yang diterima daripada Reuters pada jam 17:00 (waktu Hong Kong) adalah kadar bida dan digunakan untuk mengira paras indeks akhir. Ia dinamakan “kadar penutup tukaran asing”.

(x) Penggantian Indeks Sandaran

Jika Indeks Sandaran tidak lagi tersedia untuk ditanda aras atau jika perjanjian pelesenan yang dimeterai bersama FTSE berhubung lesen oleh FTSE kepada Dana dan Singapore Fund untuk menggunakan Indeks Sandaran ditamatkan, Pengurus atau Pengurus SF (mengikut keadaan) akan mencapai perjanjian bersama FTSE terhadap mana-mana penyedia indeks lain berkenaan dengan terma penggunaannya untuk indeks gantian yang sesuai yang menggunakan, yang pada pendapat Pengurus atau Pengurus SF (mengikut keadaan), formula yang sama atau secara keseluruhannya serupa untuk kaedah pengiraan Indeks Sandaran.

Sebarang penggantian indeks Dana akan dimaklumkan kepada Pemegang Unit, dan tertakluk kepada kelulusan Pemegang Amanah dan SC.

(xi) Syarat pelesenan Perjanjian Lesen Indeks

- (a) Pemberi Lesen Indeks akan memberikan Pengurus satu lesen tidak eksklusif, tidak boleh dipindah milik untuk menggunakan Indeks Sandaran dan tanda dagangan Indeks Sandaran yang berkaitan dengan terbitan, operasi, pemasaran, promosi, agihan dan pengurusan Dana;
- (b) Setiap dari Principal Singapore atau Pemberi Lesen Indeks boleh tanpa prejudis kepada sebarang hak-hak dan penyelesaian lain menamatkan Perjanjian Lesen Indeks serta-merta melalui pemberitahuan bertulis kepada pihak lain jika Pemberi Lesen Indeks tidak lagi mengira dan menyiarkan Indeks Sandaran dan sama ada:
 - (i) tidak menyediakan satu indeks gantian atau pengganti; atau
 - (ii) ada menyediakan indeks tetapi Principal Singapore tidak memilih untuk menggunakan indeks tersebut dalam tempoh enam puluh (60) hari dari notis yang diberi oleh Pemberi Lesen Indeks kepada Principal Singapore untuk menamatkan pengiraan dan penyiaran Indeks Sandaran.
- (c) Perjanjian Lesen Indeks bermula pada 20 September 2006 (“Tarikh Berkuatkuasa”) dan bersambung untuk tempoh lima (5) tahun daripada Tarikh Berkuatkuasa. Kemudiannya, Perjanjian Lesen Indeks ini telah diperbaharui secara automatik untuk tempoh lanjutan satu (1) tahun melainkan ditamatkan oleh Principal Singapore atau Pemberi Lesen

3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

Indeks dengan memberikan pihak yang satu lagi notis bertulis tidak kurang dari tiga (3) bulan sebelumnya.

(xii) Maklumat lanjut mengenai Indeks Sandaran

Untuk maklumat terkini mengenai Indeks Sandaran dan berita-berita penting lain berkenaan Indeks Sandaran, sila rujuk laman Hari Dagangan FTSE Russell di <https://www.ftserussell.com>

3.10 Strategi dan teknik pengurusan risiko

Strategi dan teknik pengurusan risiko yang diambil akan berada pada tahap Singapore Fund di mana Pengurus SF menggunakan proses pengurusan risiko yang menggabungkan teknik dan instrumen kewangan untuk menguruskan pelbagai kedudukan risiko pada bila-bila masa.

Terdapat perkara yang mungkin perlu anda pertimbangkan, lihat “FAKTOR RISIKO” pada mukasurat 10.

3.11 Penilaian Aset Dana

Pengurus akan melakukan penilaian Aset Dana secara saksama berdasarkan undang-undang dan garis panduan yang berkenaan. Asas penilaian untuk pelaburan Dana yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- **Sekuriti disenarai**
Nilai sebarang pelaburan dibenarkan, yang disebut harga di bursa yang diluluskan, akan dikira dengan merujuk kepada harga urus niaga terakhir di bursa yang diluluskan tersebut. Jika tidak terdapat harga urus niaga, nilainya akan ditentukan dengan merujuk kepada harga purata dan tawaran bida pada penutup dagangan. Sekuriti yang digantung akan dinilai pada harga terlaksana terakhir melainkan terdapat bukti yang menunjukkan nilai telah jatuh di bawah harga penggantungan atau jika sebut harga sekuriti tersebut telah tergantung bagi tempoh melebihi empat belas (14) hari, di mana nilai saksama mereka akan ditentukan secara jujur oleh Pengurus berdasarkan kaedah atau asas-asas yang diluluskan oleh Pemegang Amanah selepas rundingan teknikal yang bersesuaian.
- **Skim pelaburan kolektif**
Nilai sesebuah pelaburan dalam skim pelaburan kolektif yang disebut harga di bursa yang diluluskan akan dikira menggunakan kaedah yang sama seperti sekuriti disenarai lain yang dinyatakan di atas. Apabila melabur di dalam skim pelaburan kolektif tidak disenarai, nilainya akan ditentukan dengan merujuk kepada harga terakhir pembelian semula seunit skim pelaburan kolektif tersebut.
- **Deposit**
Nilai sebarang deposit dengan Institusi Kewangan dan bil-bil bank akan ditentukan setiap hari dengan merujuk kepada nilai nominal pelaburan yang dibenarkan tersebut serta pendapatan terakru bagi tempoh yang berkenaan.

Jika sebut harga yang dirujuk di atas tidak tersedia atau jika nilai pelaburan yang dibenarkan ditentukan menggunakan kaedah yang dinyatakan di atas, pada pendapat Pengurus, tidak mewakili nilai saksama pelaburan yang dibenarkan tersebut, maka nilainya akan menjadi sebarang nilai saksama seperti yang boleh ditentukan dengan jujur oleh Pengurus. Kaedah penilaian ini akan disahkan oleh juruaudit Dana dan diluluskan oleh Pemegang Amanah.

3. MAKLUMAT MENGENAI DANA

Oleh kerana nilai Aset Dana didenominasikan dalam matawang asing, aset-asetnya diterjemahkan pada setiap Hari Dagangan kepada Ringgit Malaysia menggunakan kadar bidaan tukaran asing yang disebut harga oleh penyedia khidmat maklumat diiktiraf yang ditentukan oleh Pengurus pada 6.30 p.m. waktu Malaysia atau bila-bila masa yang telah dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah pada Hari Dagangan yang sama.

Oleh kerana Dana didenominasikan dalam Ringgit Malaysia, prestasi Dana akan diukur berbanding Indeks Sandaran dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar bidaan tukaran asing yang disebut harga oleh penyedia khidmat maklumat diiktiraf yang ditentukan oleh Pengurus pada 6.30 p.m. waktu Malaysia atau bila-bila masa yang telah dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah pada Hari Dagangan yang sama.

3.12 Titik Penilaian bagi Dana

Penilaian Dana akan dilaksanakan pada setiap Hari Dagangan pada Titik Penilaian.

4. MAKLUMAT MENGENAI SINGAPORE FUND

Anda adalah dimaklumkan bahawa Singapore Fund tidak tersedia untuk pelaburan langsung oleh pelabur warga Malaysia di Malaysia. Kelulusan SC terhadap Dana tidak boleh dianggap sebagai menyetujui Dana atau Singapore Fund dan SC tidak bertanggungjawab untuk ketepatan sebarang kenyataan yang dibuat atau pendapat yang dinyatakan di dalam Prospektus ini.

Maklumat berikut diambil dari atau berdasarkan kepada maklumat yang terkandung di dalam prospektus yang diterbitkan oleh Singapore Fund pada 22 April 2019 dan maklumat tersebut belum disahkan secara bebas.

4.1 Pengenalan kepada Singapore Fund

Principal FTSE ASEAN 40 Singapore adalah sebuah unit amanah mandiri yang ditubuhkan di bawah undang-undang Singapura dan dibentuk oleh surat ikatan amanah di antara Pengurus SF dan Pemegang Amanah bertarikh 6 September 2006, yang kemudiannya dipinda oleh surat ikatan tambahan bertarikh 15 Jun 2007 dan surat ikatan tambahan dan pernyataan semula bertarikh 30 September 2011, 13 Mac 2012 dan 22 April 2019.

Singapore Fund berbeza daripada unit amanah tipikal yang ditawarkan di Singapura. Unit-unit Singapore Fund disenaraikan di SGX-ST dan didagangkan seperti sekuriti ekuiti lain yang disenaraikan di SGX-ST. Hanya Peniaga SF Yang Menyertai sahaja boleh membeli atau menebus unit-unit secara langsung dari Singapore Fund pada nilai aset bersih. Semua pelabur lain hanya boleh membeli dan menjual unit-unit di dalam Dana di SGX-ST atau melalui Peniaga SF Yang Menyertai, tertakluk kepada terma dan syarat yang mungkin ditetapkan oleh Peniaga SF Yang Menyertai.

4.2 Objektif Pelaburan

Singapore Fund direka untuk menyediakan keputusan pelaburan, sebelum perbelanjaan, yang hampir sama dengan prestasi FTSE/ASEAN 40 Index.

4.3 Pendekatan Pelaburan

Singapore Fund tidak diuruskan mengikut kaedah tradisional pengurusan pelaburan “aktif”, yang melibatkan belian dan jualan sekuriti berdasarkan analisis ekonomi, kewangan dan pasaran serta pertimbangan pelaburan yang dibuat pengurus dana. Berbeza dengan dana pelaburan yang diuruskan aktif, Singapore Fund tidak mencuba untuk “mengatasi” pasaran atau Indeks. Sebaliknya, Pengurus SF menggunakan pendekatan “pasif” atau pelaburan berindeks, untuk memberikan prestasi pelaburan yang hampir bersepadan, sebelum perbelanjaan, dengan prestasi FTSE/ASEAN 40 Index.

Penggunaan pendekatan pelaburan berindeks boleh menghapuskan beberapa risiko pengurusan aktif seperti pemilihan saham yang lemah. Pendekatan pelaburan berindeks boleh juga membantu meningkatkan prestasi selepas kos dengan memastikan pusing ganti portfolio kekal rendah berbanding dana pelaburan yang diuruskan aktif.

Pengurus SF secara amnya akan melaburkan aset-aset Singapore Fund ke dalam semua Sekuriti Indeks Sandaran dengan pembahagian yang hampir sama dengan wajaran mereka dalam FTSE/ASEAN 40 Index. Walau bagaimanapun, beberapa keadaan mungkin menjadikannya mustahil atau tidak praktikal untuk membeli setiap komponen Sekuriti Indeks dalam wajaran seperti itu. Dalam keadaan ini, Pengurus SF boleh secara bersendirian atau di dalam gabungan bersama, melaksanakan teknik-teknik pelaburan lain untuk menjejak se hampir boleh, prestasi FTSE/ASEAN 40 Index.

4. MAKLUMAT MENGENAI SINGAPORE FUND

Pengurus SF tidak melaburkan aset Singapore Fund dalam komoditi, sekuriti tidak disenarai, logam berharga dan instrumen derivatif, termasuk opsyen, waran dan kontrak hadapan.

4.4 Strategi Pelaburan

Bagi menguruskan Singapore Fund, Pengurus SF boleh menggunakan sama ada Strategi Replikasi atau Strategi Persampelan Perwakilan. Pengurus SF boleh bertukar di antara dua strategi ini, tanpa memberi notis kepada pelabur, mengikut budi bicara mutlaknyanya sekerap yang ia percaya adalah wajar dalam usaha untuk mencapai objektif pelaburan Singapore Fund.

4.4.1 Strategi Replikasi

Menggunakan Strategi Replikasi, Singapore Fund akan melabur hampir keseluruhannya ke dalam Sekuriti Indeks Sandaran dengan wajaran yang hampir sama (iaitu pembahagian) seperti FTSE/ASEAN 40 I.

Hagaimanapun, jika Pengurus SF berpendapat bahawa Strategi Replikasi bukan kaedah paling efisien untuk menjejak FTSE/ASEAN 40 Index, Pengurus SF boleh memutuskan sebaliknya untuk menggunakan Strategi Persampelan Perwakilan.

4.4.2 Strategi Persampelan Perwakilan

Menggunakan Strategi Persampelan Perwakilan, Singapore Fund akan memegang satu sampel perwakilan sebuah portfolio SF Securities yang dipilih oleh Pengurus SF menggunakan model analisis kuantitatif di dalam teknik yang dikenali sebagai “persampelan portfolio”. Pengurus SF akan membina portfolio untuk Singapore Fund agar, dalam agregat, permodalan, industri dan ciri-ciri pelaburan asasnya menunjukkan prestasi seperti FTSE/ASEAN 40 Index.

4.5 Sekatan pelaburan dan dasar pinjaman Singapore Fund

Singapore Fund tertakluk kepada garis panduan, sekatan dan had pinjaman pelaburan seperti dinyatakan dalam Kod yang diterbitkan oleh MAS, di mana garis panduan, sekatan dan had boleh dipinda oleh MAS dari semasa ke semasa.

Singapore Fund boleh meminjam, buat sementara, untuk tujuan memenuhi keperluan penebusan dan penyambungan. Agregat pinjaman untuk tujuan tersebut tidak harus melebihi 10% dari NAB SF semasa pinjaman dilakukan dan tempoh pinjaman tidak harus melebihi satu bulan.

Pengurus SF boleh dari semasa ke semasa menetapkan sekatan pelaburan dan pinjaman lain seumpamanya, mengikut budi bicaranya, dianggap sesuai untuk diguna pakai kepada Singapore Fund, tertakluk kepada garis panduan, sekatan dan had pinjaman pelaburan yang dinyatakan dalam Kod.

Pengurus SF tidak terlibat dalam sebarang urusan niaga pinjaman sekuriti dan pembelian semula untuk Singapore Fund.

4.6 Dasar agihan pendapatan

Pengurus SF boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya membuat keputusan untuk mengagihkan pendapatan kepada Pemegang Unit SF pada masa yang ia tentukan pada setiap tahun kewangan. Amaun yang akan diagihkan kepada Pemegang Unit akan diambil daripada pendapatan bersih dari Singapore Fund. Pengurus SF pada masa ini berhasrat untuk membayar agihan pendapatan Singapore Fund kepada Pemegang Unit SF secara tahunan dan buat masa ini tidak terdapat khidmat pelaburan semula

4. MAKLUMAT MENGENAI SINGAPORE FUND

pendapatan untuk Singapore Fund. Agihan hanya akan dibayar setakat ianya tersedia untuk agihan sejajar dengan Surat Ikatan SF.

Mengenai agihan, Pemegang Amanah SF, menurut arahan Pengurus SF, akan memperuntukkan amaun yang tersedia untuk agihan kepada Pemegang Unit SF dan akan membayar amaun tersebut kepada Pemegang Unit SF berdasarkan jumlah Unit SF yang dipegang oleh Pemegang Unit SF.

Amaun yang akan diagihkan bagi setiap Unit SF akan dibundarkan kepada US\$0.01 seunit SF terhampir. Tertakluk kepada Surat Ikatan SF, Pemegang Amanah SF akan melaksanakan agihan boleh dibayar kepada Pemegang Unit SF yang kekal tidak dituntut oleh Pemegang Unit SF untuk lebih daripada enam (6) tahun dan faedah, jika ada, diperolehi di atasnya untuk dibayar ke dalam mahkamah selepas menolak kesemua fi, kos dan perbelanjaan yang terlibat berhubung bayaran tersebut daripada jumlah yang senilai dengannya dengan syarat jumlah tersebut adalah tidak mencukupi untuk memenuhi kesemua fi, kos dan perbelanjaan, Pemegang Amanah SF akan layak mendapat bantuan kepada harta dideposit.

Pendapatan diterima oleh Singapore Fund sementara menunggu agihan boleh dilaburkan oleh Pengurus SF mengikut cara yang konsisten dengan pencapaian objektif pelaburan Singapore Fund.

4.7 Pengimbangan semula Indeks

Konstituen Sekuriti Indeks Sandaran dan wajaran masing-masing dalam Indeks akan berubah dari semasa ke semasa. Untuk membolehkan Singapore Fund mencapai objektif pelaburannya untuk menjejak Indeks, adalah perlu untuk Pengurus SF mengimbangan semula pegangan Singapore Fund dalam Sekuriti Indeks Sandaran yang terangkum dalam FTSE/ASEAN 40 Index. Pengurus SF akan menggunakan maklumat awam yang diumumkan oleh FTSE, penyedia indeks dan mengimbangan semula pegangan Sekuriti Indeks Sandaran sewajarnya.

Pengimbangan semula secara besar-besaran akan dilakukan setahun sekali pada bulan Mac agar ianya serentak dengan semakan tahunan Indeks. Pengimbangan semula kecil-kecilan akan dijalankan apabila dirasakan perlu. Memandangkan Singapore Fund akan secara prinsipalnya menggunakan Strategi Replikasi sebaik mungkin, ianya dijangka bahawa ketika pengimbangan semula tahunan, pegangan Singapore Fund dalam Sekuriti Indeks Sandaran akan disusun semula untuk mencerminkan konstituen FTSE/ASEAN 40 Index. Pengimbangan semula kecil-kecilan hanya akan dilakukan selepas mengambilkira kos yang perlu telah dipertimbangkan.

Bagaimanapun, jika Pengurus SF menentukan menurut budi bicara mutlaknyanya, bahawa Strategi Replikasi bukanlah satu cara yang paling cekap untuk menjejak FTSE/ASEAN 40 Index, Pengurus SF boleh menggunakan Strategi Persampelan Perwakilan.

4.8 Menentukan NAB SF

NAB SF akan ditentukan pada penutup rasmi dagangan pada Pasaran berkenaan terakhir untuk tutup pada setiap Hari Dagangan SF (atau pada masa lain seperti yang boleh ditentukan Pengurus SF dan Pemegang Amanah SF) dengan menilai aset-aset Singapore Fund dan menolak liabiliti Singapore Fund, sejajar dengan terma-terma Surat Ikatan SF.

Surat Ikatan SF menyediakan, antara lain:

- (i) kecuali jika terdapat sebarang kepentingan di dalam syarikat dana bersama atau unit amanah yang mana perenggan (ii) diguna pakai, kesemua pengiraan berdasarkan nilai pelaburan disebutbarga, disenarai, didagangkan atau

4. MAKLUMAT MENGENAI SINGAPORE FUND


diuruskan pada mana-mana pasaran sekuriti yang dijadikan rujukan kepada harga yang disiarkan kepada Pengurus SF sebagai harga rasmi dagangan terakhir atau harga terakhir urus niaga yang diketahui di Pasaran untuk pelaburan tersebut dengan syarat Pengurus SF dan Pemegang Amanah SF akan layak menggunakan dan bergantung kepada penghantaran harga elektronik daripada sumber atau sumber-sumber yang mereka boleh tentukan dari semasa ke semasa, walau pun harga yang digunakan bukan harga terakhir yang didagangkan;

- (ii) nilai setiap faedah di dalam sebarang syarikat dana bersama atau unit amanah akan menjadi nilai aset bersih terakhir yang tersedia bagi setiap saham atau unit di dalam syarikat dana bersama atau unit amanah tersebut;
- (iii) jika tiada nilai aset bersih, harga bida dan tawaran atau harga disebut harga yang tersedia seperti dinyatakan dalam perenggan (ii) di atas, nilai pelaburan berkenaan akan disahkan oleh firma atau institusi yang menjadikan pasaran bagi pelaburan tersebut seperti yang boleh dilantik untuk tujuan berkenaan oleh Pengurus SF dengan kelulusan Pemegang Amanah SF;
- (iv) nilai sebarang pelaburan yang tidak disenarai atau diuruskan secara biasa pada Pasaran adalah berdasarkan nilai saksamanya (iaitu harga yang Singapore Fund jangka secara wajar untuk terima selepas jualan semasa pelaburan tersebut) dibuat oleh seorang profesional yang diluluskan oleh Pemegang Amanah SF sebagai layak untuk menilai pelaburan tersebut;
- (v) tunai, deposit dan pelaburan seumpamanya akan dinilai pada nilai muka (bersama faedah terakru) melainkan, pada pendapat Pengurus SF, sebarang pindaan harus dibuat untuk menggambarkan nilai saksamanya; dan
- (vi) tanpa mengambilkira perkara terdahulu, SF boleh melaraskan nilai sebarang pelaburan jika, mengikut keadaan berkenaan, Pengurus SF berpendapat pelarasan tersebut perlu untuk menggambarkan nilai saksama pelaburan.

4.9 Operasi Singapore Fund

Terdapat dua jenis pelabur dalam Singapore Fund. Jenis pelabur yang pertama adalah Peniaga SF Yang Menyertai (dan bukan pelabur runcit) yang boleh mencipta dan menebus Unit-unit SF secara langsung dengan Singapore Fund. Jenis pelabur kedua ialah sesiapa sahaja, selain daripada Peniaga SF Yang Menyertai, yang membeli dan menjual Unit-unit SF di SGX-ST atau melalui Peniaga SF Yang Menyertai (tertakluk kepada terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh Peniaga SF Yang Menyertai). Carta di bawah menggambarkan dua kaedah mendapatkan dan melupuskan Unit-unit SF dalam Singapore Fund selepas penyenaraian:


Penciptaan dan penebusan langsung oleh Peniaga SF Yang Mengambil Bahagian:



4. MAKLUMAT MENGENAI SINGAPORE FUND

Pelabur selain daripada Peniaga SF Yang Menyertai:-

Dagangan Unit SF di pasaran sekunder SGX-ST:



4.10 Prestasi Singapore Fund

Prestasi Singapore Fund dan Indeks Sandaran setakat 31 Julai 2018 adalah seperti berikut:

Pulangan Kumulatif					
Dana/Penanda Aras	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	10 Tahun	Sejak penubuhan
Principal FTSE ASEAN 40	6.58%	19.97%	8.13%	56.67%	119.33%
FTSE/ASEAN 40 Index	7.19%	23.25%	13.40%	53.63%	108.03%

Purata pulangan berkompauan tahunan					
Dana/Penanda Aras	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	10 Tahun	Sejak penubuhan
Principal FTSE ASEAN 40	6.58%	6.25%	1.57%	4.59%	6.84%
FTSE/ASEAN 40 Index	7.19%	7.21%	2.55%	4.38%	6.37%

Nota:

Prestasi Singapore Fund dikira dalam USD atas dasar harga tunggal (NAB-NAB), mengambil kira sebarang fi langganan dan fi realisasi, dan atas andaian bahawa semua dividen dan agihan dilaburkan semula, mengambilkira semua caj yang telah dibayar untuk pelaburan semula tersebut.

Anda diminta mengambil perhatian bahawa prestasi lampau Singapore Fund dan Pengurus SF bukan indikatif untuk prestasi masa depan.

5. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN DANA

5.1 Fi dan caj langsung kepada anda

Jadual ini menghuraikan caj-caj yang mungkin ditanggung oleh anda (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh Bursa Securities pada LPD, yang mungkin berubah dari semasa ke semasa) apabila anda membeli atau menjual Unit-unit di Bursa Securities.

Fi dan caj	%/RM
Fi pembrokeran	Maksimum 0.70% dari nilai kontrak (tertakluk kepada minimum RM40).
Fi penjelasan	Untuk urus niaga pasaran: 0.03% dari nilai urus niaga (tertakluk kepada maksimum RM1,000 setiap kontrak). Urus niaga perniagaan langsung: 0.03% dari nilai urus niaga (tertakluk kepada minimum RM10 dan maksimum RM1,000 setiap kontrak)
Duti setem	RM1.00 bagi setiap RM1,000 (atau sebahagian) dari nilai urus niaga sekuriti, tertakluk kepada maksimum RM200

Maklumat lanjut mengenai caj yang mungkin anda tanggung untuk dagangan Unit-unit di Bursa Securities boleh didapati <http://www.bursamalaysia.com>.

5.2 Fi dan perbelanjaan tidak langsung kepada anda

Jadual ini menghuraikan fi dan perbelanjaan yang mungkin anda tanggung secara tidak langsung apabila anda melabur dalam Dana:

Fi dan perbelanjaan	%
Fi Pengurusan	Tiada
Fi Pemegang Amanah	Sehingga 0.08% ⁽¹⁾ , tertakluk kepada minimum RM12,000 setahun.

Nota:

⁽¹⁾ Dikira berdasarkan NAB Dana, terakru secara harian.

Selain itu, terdapat fi atau perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Dana seperti dinyatakan pada Bahagian 5.3.3 Prospektus ini.

Kesemua fi dan perbelanjaan yang dinyatakan di atas akan ditolak dari Aset Dana.

5.3 Fi, caj dan perbelanjaan lain

5.3.1 Fi dan caj untuk penciptaan dan/atau penebusan Unit oleh atau melalui Peniaga Yang Menyertai

Semua Permohonan Penciptaan/Penebusan hendaklah diserahkan kepada Pengurus melalui Peniaga Yang Menyertai dan penciptaan/penebusan Unit hendaklah dilaksanakan selaras dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga Yang Menyertai.

Fi dan caj (kecuali perbelanjaan tunai langsung) yang perlu dibayar oleh Peniaga Yang Menyertai kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah (yang mungkin dicaj kepada anda oleh Peniaga Yang Menyertai) seperti dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga Yang Menyertai adalah seperti berikut.

5. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN DANA

Fi dan Caj		Huraian
(a)	Fi Permohonan Penciptaan	Buat masa ini RM4,550 (tertakluk kepada maksimum RM5,000 untuk membenarkan turun naik tukaran asing) dibayar kepada Pengurus atau amaun lain yang mungkin ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, dengan rundingan bersama Pemegang Amanah.
(b)	Fi Pembatalan Permohonan Penciptaan	Buat masa ini RM7,3550 (tertakluk kepada maksimum RM8,000 untuk membenarkan turun naik tukaran asing) dibayar kepada Pengurus atau amaun lain yang mungkin ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, dengan rundingan bersama Pemegang Amanah.
(c)	Fi Permohonan Penebusan	Buat masa ini RM7,3550 (tertakluk kepada maksimum RM8,000 untuk membenarkan turun naik tukaran asing) dibayar kepada Pengurus atau amaun lain yang mungkin ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, dengan rundingan bersama Pemegang Amanah.
(d)	Fi Pembatalan Permohonan Penebusan	Buat masa ini RM7,3550 (tertakluk kepada maksimum RM8,000 untuk membenarkan turun naik tukaran asing) dibayar kepada Pengurus atau amaun lain yang mungkin ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, dengan rundingan bersama Pemegang Amanah
(e)	Kos Urus Niaga	Pengurus boleh mengenakan caj Kos Urus Niaga (ditanggung oleh Dana). Ia adalah untuk mencegah NAB Dana daripada dicairkan oleh Kos Urus Niaga yang tinggi.
(f)	Fi lain	Amaun (selain Kos Urus Niaga yang dinyatakan di atas) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan Permohonan yang diserahkan oleh Peniaga Yang Menyertai, yang dicaj oleh Bursa Depository.

Fi dan caj ini adalah lebih tinggi secara relatif disebabkan oleh caj yang dikenakan oleh Singapore Fund.

5.3.2 Fi yang disebut di atas boleh dinyatakan dalam bentuk nisbah seperti MER.

MER adalah nisbah semua kos sampingan yang ditanggung di dalam operasi Dana kepada purata NAB Dana dikira secara harian. Kos sampingan ini dibayar secara langsung dari Dana dan merangkumi yang berikut:

- (i) Fi Pengurusan (jika ada);
- (ii) Fi Pemegang Amanah; dan
- (iii) Perbelanjaan lain Dana.

Nisbah perbelanjaan pengurusan iaitu nisbah jumlah fi dan perbelanjaan olehan semula Dana kepada nilai purata Dana dikira secara harian menggunakan formula berikut:

$$\frac{\text{Fi Dana} + \text{Perbelanjaan olehan semula Dana}}{\text{Purata Nilai Dana dikira secara harian}} \times 100$$

di mana:

- Fi = Semua fi berterusan yang telah ditolak/boleh ditolak secara langsung dari Dana bagi tempoh yang dirangkumi oleh nisbah perbelanjaan pengurusan, dinyatakan sebagai amaun tetap, dikira secara harian. Ia termasuk Fi Pengurusan (jika ada), Fi Pemegang Amanah tahunan dan sebarang fi lain yang telah ditolak/boleh ditolak secara langsung dari Dana;
- Perbelanjaan olehan semula = Semua perbelanjaan yang diperolehi semula dari/dicaj kepada Dana, disebabkan oleh perbelanjaan yang ditanggung oleh operasi Dana, dinyatakan sebagai amaun tetap. Ia tidak termasuk perbelanjaan yang ditanggung sebaliknya oleh pelabur individu (seperti pembrokeran, cukai dan levi); dan
- Purata nilai Unit = NAB Dana, termasuk nilai pendapatan Dana, ditolak perbelanjaan atas dasar terakru, bagi yang dirangkumi oleh nisbah perbelanjaan pengurusan, dikira secara harian.

5.3.3 Pemegang Amanah dan/atau Pengurus akan layak untuk membayar fi, kos dan perbelanjaan berikut dari Aset Dana setakat mana ia telah ditanggung berhubung dengan Dana:

- (i) sebarang kos, fi dan perbelanjaan yang perlu dibayar di bawah sebarang lesen dan kontrak pembekalan data yang berkaitan dengan Pemberi Lesen Indeks yang dimeterai oleh Pemegang Amanah dan/atau Pengurus berhubung Dana;
- (ii) fi pemprosesan atau pengendalian yang dilevi oleh sesiapa bagi penyediaan khidmat untuk melaksanakan sebarang pemerolehan, pelupusan atau sebarang urusan lain dalam Aset Dana dan sebarang perbelanjaan berkaitan dengannya termasuk komisen atau fi yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga yang menjalankan urusan di dalam Sekuriti Dibenarkan Dana;
- (iii) semua fi, caj, perbelanjaan dan bayaran kepada penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai atau penasihat profesional lain yang digaji atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus semasa menubuhkan Dana, bagi mengekalkan, memelihara dan melindungi Aset Dana dan untuk meneruskan tugas masing-masing serta tanggungjawab di bawah Surat Ikatan atau berkaitan dengan Dana;
- (iv) semua fi, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan penjagaan selamat, pemerolehan, pegangan, pendaftaran, realisasi atau urusan lain dengan mana-mana Aset Dana atau pemegangan sebarang aset dana atau penjagaan dokumen milikan dengannya (termasuk kos insurans dokumen terhadap kehilangan semasa penghantaran, transit atau sebaliknya, dan caj yang dikenakan oleh ejen-ejen Pemegang Amanah untuk mengekalkan dokumen dalam jagaan selamat), sebarang fi dan perbelanjaan berkaitan kustodian, kustodian bersama dan/atau kustodian sampingan yang dilantik selaras dengan peruntukan Surat Ikatan dan semua fi urus niaga seperti yang telah dipersetujui dari semasa ke semasa di antara Pengurus dan

- Pemegang Amanah berkaitan dengan semua urusan niaga yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Aset Dana;
- (v) semua caj dan perbelanjaan yang ditanggung untuk sebarang mesyuarat Pemegang Unit selain daripada yang dihadiri oleh dan untuk manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;
 - (vi) fi dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah di dalam mendapatkan dan/atau mengekalkan penyertaan dan sebutharga untuk Unit-unit di Bursa Securities, dan/atau kebenaran atau kebenaran rasmi lain atau kelulusan Dana di bawah CMSA atau sebarang undang-undang atau peraturan yang berkenaan;
 - (vii) fi dan perbelanjaan yang ditanggung untuk simpanan dan pegangan Unit-unit dengan Bursa Depository dan Gedung Penjelasan (dan di dalam sebarang depository sekuriti atau sistem penjelasan lain);
 - (viii) kos penubuhan Dana;
 - (ix) semua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkait dengan penyelenggaraan laman Hari Dagangan atau halaman Hari Dagangan (mengikut keadaan) khusus untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau maklumat kepada Pemegang Unit, pendaftar dan/atau sebarang pihak berkuasa berkaitan termasuk maklumat yang dibuat mengenai Dana di Bursa Securities, akhbar-akhbar di Malaysia dan bentuk-bentuk komunikasi lain yang dibenarkan atau boleh diterima di bawah Garis Panduan ETF dan seperti yang ditentukan Pengurus dari semasa ke semasa;
 - (x) semua fi, kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk menyediakan sebarang surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berkaitan dengan penyediaan sebarang perjanjian yang melibatkan Dana selain dari perjanjian dengan Pengurus atau Pemegang Amanah;
 - (xi) semua kos yang ditanggung untuk penyediaan, penerbitan dan pengedaran laporan tahunan dan laporan interim (jika ada) dan semua cek, penyata, notis dan dokumen-dokumen lain berkaitan Dana;
 - (xii) semua fi dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penyingkiran Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit atau pelantikan pengurus baharu, pemegang amanah baharu atau juruaudit baharu;
 - (xiii) semua perbelanjaan yang ditanggung untuk mengumpulkan Pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan pembayaran semula atau pengecualian cukai dan perjanjian liabiliti cukai) atau menentukan percukaian;
 - (xiv) semua perbelanjaan yang dikaitkan dengan agihan yang diisytiharkan selaras dengan Surat Ikatan termasuk tanpa had, fi untuk pengesahan semula atau terbitan semula sebarang cek agihan, waran atau pindahan telegraf;
 - (xv) semua fi dan perbelanjaan yang ditanggung Pengurus dan Pemegang Amanah untuk penggulungan dan penamatan Dana;
 - (xvi) fi bagi penilaian Dana oleh jurunilai bebas untuk manfaat Dana;
 - (xvii) semua fi dan perbelanjaan ahli-ahli bebas Jawatankuasa Pelaburan;
 - (xviii) sebarang kos, fi dan perbelanjaan yang perlu dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data untuk menyelenggara pengiraan IOPV Seunit; dan
 - (xix) caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai serta duti lain yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan dan pihak berkuasa lain, contohnya untuk cukai barangan dan perkhidmatan yang perlu dibayar oleh Pengurus atau Pemegang Amanah berdasarkan Surat Ikatan) seperti yang dibenarkan atau disyaratkan (mengikut keadaan) di bawah undang-undang


5. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN DANA

berkenaan yang mana Pemegang Amanah berhak mengenakan caj kepada Dana.

Terdapat fi dan caj yang dikenakan dan anda dinasihatkan agar mempertimbangkannya sebelum melabur di dalam Dana.

5.4 Impak fi dan caj yang dikenakan oleh Singapore Fund untuk kos pelaburan di dalam Dana

Tiada Fi Pengurusan yang dikenakan pada peringkat Dana seperti ditunjukkan di bawah. Fi Pengurusan hanya akan dikenakan pada peringkat Singapore Fund. Fi untuk Pemegang Amanah SF, kustodian, pendaftar, penasihat pelaburan, Pemberi Lesen Indeks dan juruaudit Singapore Fund akan ditanggung oleh Pengurus SF dan tidak akan dicaj kepada Singapore Fund.



Selain daripada Fi Pengurusan di atas, terdapat perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Singapore Fund. Fi dan caj ini diinput ke dalam pengiraan NAB SF. Oleh itu, Pemegang Unit Dana secara tidak langsung menanggung fi dan perbelanjaan di atas yang dikenakan pada peringkat Dana. Sila rujuk kepada Bahagian 6.2 untuk butiran mengenai fi, caj dan perbelanjaan melabur di dalam Singapore Fund.

5.5 Ganjaran tambahan

Kecuali didedahkan pada Bahagian 5.1, 5.2, 5.3 dan 5.4, tidak terdapat sebarang bentuk ganjaran tambahan lain yang Pengurus dan/atau sebarang pihak/syarikat yang berkaitan atau perseorangan yang boleh diperolehi dari Dana.

5.6 Rebat dan komisyen ringan

Pengurus dan Pemegang Amanah tidak akan menyimpan sebarang bentuk rebat atau komisen ringan daripada, atau sebaliknya berkongsi sebarang komisen dengan, mana-mana broker sebagai pertimbangan untuk urusan langsung di dalam pelaburan Dana kecuali komisen ringan diterima di dalam bentuk barangan dan perkhidmatan seperti khidmat penyelidikan dan penasihat yang membantu di dalam proses menentukan keputusan yang berkaitan dengan pelaburan Dana.

Semua urusan dengan broker dijalankan atas dasar terbaik yang ada bagi Dana.

6. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN SINGAPORE FUND

Maklumat berikut diambil dari atau berdasarkan kepada maklumat yang terkandung di dalam prospektus yang diterbitkan oleh Singapore Fund pada 22 April 2019 dan maklumat tersebut belum disahkan secara bebas.

6.1 Fi dan caj perlu dibayar oleh Singapore Fund

Fi dan caj yang perlu dibayar oleh Singapore Fund diringkaskan seperti berikut:

Fi dan perbelanjaan	%/US\$
Fi Pengurusan	Semasa 0.65% setahun dari NAB SF Maksimum 2.00% setahun dari NAB SF

Nota: Fi bagi Pemegang Amanah SF, kustodian, pendaftar, Pemberi Lesen Indeks dan juruaudit akan ditanggung oleh Pengurus SF dan tidak akan dicajkan kepada Singapore Fu.

6.2 Kos-kos lain bagi pelaburan dalam Singapore Fund

Kesemua perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan panggilan mesyuarat untuk Pemegang Unit SF dan kesemua kos urus niaga serta kos operasi lain (berhubung dengan pentadbiran Singapore Fund) akan dibayar daripada aset-aset Singapore Fund.

Singapore Fund akan menanggung kos dan perbelanjaan bagi persediaan kesemua prospektus yang diterbitkan oleh Singapore Fund, sebarang prospektus tambahan, gantian atau kemas kini kepadanya, lampiran maklumat produk, laporan dan/atau penyata-penyata lain kepada Pemegang Unit SF.

Ruang selebihnya di halaman ini sengaja dibiarkan kosong

7. UNIT-UNIT DANA

7.1 Penawaran Unit-unit

Anda boleh mendapatkan Unit-unit satu daripada dua pilihan yang tersedia di bawah:

- (a) belian dan jualan Unit-unit Dana di dalam pasaran sekunder di Bursa Securities; atau
- (b) memohon melalui Peniaga Yang Menyertai untuk penciptaan dan penebusan. Prosedur dinyatakan pada Bahagian ini.

Jika anda memilih untuk mendapatkan dan menjual Unit-unit di dalam saiz yang lebih kecil daripada sebuah Blok Unit Penciptaan/Penebusan, anda boleh berbuat demikian di pasaran sekunder di dalam lot 100 Unit (atau gandaan seterusnya) seperti saham disenarai biasa melalui pengantara berlesen seperti broker saham atau sebarang khidmat urusan saham yang ditawarkan bank-bank atau penasihat kewangan lain pada bila-bila masa Bursa Securities dibuka untuk dagangan.

Bagaimanapun, anda harus mengambil perhatian bahawa urus niaga di pasaran sekunder Bursa Securities akan dijalankan pada harga pasaran disebut harga yang mungkin berbeza daripada NAB seunit disebabkan oleh permintaan dan bekalan pasaran, kecairan dan skala sebaran dagangan untuk Unit-unit di pasaran sekunder.

7.2 Penciptaan dan penebusan Unit-unit

Permohonan Penciptaan/Permohonan Penebusan daripada Peniaga Yang Menyertai untuk penciptaan/penebusan Unit-unit selaras dengan Perjanjian Peniaga Yang Menyertai dijangka di bawah keadaan berikut:

- (a) untuk memudahkan permintaan pelanggan Peniaga Yang Menyertai untuk penciptaan/penebusan; dan
- (b) untuk mewujudkan kecairan di dalam pasaran sebagai sebahagian daripada fungsi menggerakkan pasaran oleh Peniaga Yang Menyertai atau penggerak pasaran.

Anda harus mengambil perhatian bahawa Dana bukanlah unit amanah lazim yang ditawarkan kepada umum. Anda perlu mendapatkan atau melupuskan Unit-unit melalui dagangan Unit-unit di Bursa Securities. Unit-unit baharu hanya boleh diterbitkan kepada Peniaga Yang Menyertai. Oleh itu, anda hanya boleh mencipta/menebus Unit-unit melalui permohonan untuk Penciptaan/Penebusan melalui Peniaga Yang Menyertai, tertakluk kepada terma dan syarat Surat Ikatan dan berdasarkan prosedur yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga Yang Menyertai.

Harga di mana penciptaan dan penebusan berlaku adalah berdasarkan NAB Dana pada Titik Penilaian seterusnya semasa Tarikh Dagangan.

7.3 Prosedur untuk Penciptaan Unit-unit

7.3.1 Penciptaan Unit-unit baharu hanya boleh dibuat pada Hari Dagangan melalui Peniaga Yang Menyertai secara tukaran untuk amaun langganan dalam blok unit penciptaan atau gandaannya.

7.3.2 Permohonan Penciptaan yang lengkap mestilah:

- (i) diserahkan oleh Peniaga Yang Menyertai berdasarkan Perjanjian Peniaga Yang Menyertai;
- (ii) melampirkan persijilan yang diperlukan di bawah Perjanjian Peniaga Yang Menyertai, dan sijil-sijil lain serta pendapat peguam sebagaimana yang dirasakan perlu oleh Pemegang Amanah dan Pengurus untuk memastikan pematuhan dengan undang-undang yang berkenaan;
- (iii) menyatakan bilangan Blok Unit Penciptaan (saiz semasa 1 Blok Unit Penciptaan ialah 1.35 juta Unit); dan

7. UNIT-UNIT DANA

- (iv) menyatakan orang yang membuat Permohonan Penciptaan.
- 7.3.3 Jika Permohonan Penciptaan adalah sah, Unit-unit baharu akan dicipta dan diterbitkan pada Hari Dagangan ketiga (ke-3) selepas Tarikh Dagangan, dan Daftar akan dikemaskinikan pada Hari Dagangan tersebut apabila Unit-unit dicipta dan diterbitkan atau Hari Dagangan yang berikutnya jika tempoh penjelasan dilanjutkan. Harga Terbitan adalah berdasarkan NAV Dana pada Titik Penilaian pada Tarikh Dagangan. Huraian mengenai pengiraan Harga Terbitan dinyatakan pada Bahagian 7.5 Prospektus ini.
- 7.3.4 Permohonan Penciptaan yang diterima daripada Peniaga Yang Menyertai pada hari yang bukan merupakan Hari Dagangan atau diterima selepas Tarikh Tamat Dagangan pada Hari Dagangan akan dianggap sebagai diterima pada Hari Dagangan yang berikutnya.
- 7.3.5 Setelah Permohonan Penciptaan diserahkan, ianya tidak boleh ditarik balik tanpa kebenaran Pengurus, melainkan tempoh penggantungan telah diisytiharkan oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan.
- 7.3.6 Setelah penerimaan Permohonan Penebusan yang lengkap, Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah untuk menguatkuasakan penebusan, yang akan diselesaikan dengan cara pembayaran tunai.
- 7.3.7 Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah untuk menerbitkan Unit-unit jika Permohonan dibuat dalam Blok Unit Penciptaan dan telah diluluskan oleh Pengurus.
- 7.3.8 Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak mengikut budi bicaranya/mereka, selagi ia berpatutan, untuk menolak atau menggantung Permohonan Penciptaan jika:
- (i) Permohonan Penciptaan tidak jelas, salah atau mengelirukan (pada pendapat Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
 - (ii) agregat Blok Unit Penciptaan yang berkaitan dengan Permohonan Penciptaan dan bilangan Unit-unit dalam terbitan ketika itu melebihi saiz Dana dibenarkan seperti yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh SC;
 - (iii) Pengurus percaya sewajarnya yang penerimaan Sekuriti Penciptaan adalah tidak sah; atau
 - (iv) Pengurus menggantung hak Peniaga Yang Menyertai untuk membuat Permohonan Penciptaan selaras dengan Surat Ikatan.
- 7.3.9 Selain itu, Pemegang Amanah boleh (dengan memberi notis kepada Pengurus) enggan untuk:
- (i) mencipta Unit-unit; atau
 - (ii) mencipta Unit-unit di dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus; jika Pemegang Amanah berpendapat penciptaan tersebut bukan di dalam kepentingan Pemegang Unit atau ianya akan menyebabkan kemungkiran dalam peruntukan Surat Ikatan dan undang-undang lain yang berkenaan.
- 7.3.10 Sebarang komisen, ganjaran atau jumlah lain yang perlu dibayar oleh Pengurus berhubung dengan terbitan atau jualan mana-mana Unit tidak akan ditambah kepada Harga Terbitan Unit tersebut dan tidak akan dibayar dari Aset Dana.
- 7.3.11 Pembatalan Unit-unit yang dicipta sejajar dengan Permohonan Penciptaan
- (i) Pengurus boleh mengarahkan Pemegang Amanah untuk membatalkan Unit-unit yang dicipta (tetapi belum diterbitkan) berikutan Permohonan Penciptaan jika:


7. UNIT-UNIT DANA

- (a) amaun langganan penuh belum diterima oleh Pemegang Amanah; atau
 - (b) Fi Permohonan Penciptaan belum diterima oleh Pengurus; menjelang masa dan tarikh yang ditetapkan oleh Pengurus (dengan rundingan bersama Pemegang Amanah) berdasarkan Perjanjian Peniaga Yang Menyertai.
- (ii) Jika sebarang Unit dibatalkan seperti yang dihuraikan di Bahagian 7.3.11(i) di atas, amaun langganan (jika telah diterima oleh Pemegang Amanah) akan diserahkan semula kepada Peniaga Yang Menyertai.

Unit-unit berkenaan yang dibatalkan akan dianggap tidak pernah dicipta dan Peniaga Yang Menyertai tidak mempunyai hak atau tuntutan terhadap Pengurus atau Pemegang Amanah berhubung pembatalan tersebut. Selain itu, Pengurus boleh:

- (a) mengenakan caj Fi Pembatalan Permohonan Penciptaan kepada Peniaga Yang Menyertai; dan
- (b) meminta Peniaga Yang Menyertai untuk membayar kepada Pemegang Amanah (untuk akaun Dana) bagi setiap Unit yang dibatalkan, amaunnya (jika ada) yang mana Harga Terbitan (pada Tarikh Dagangan Permohonan Penciptaan) melebihi Harga Penebusan (yang boleh diguna pakai jika Pengurus telah menerima Permohonan Penebusan pada tarikh Unit-unit itu dibatalkan).

7.3.12 Sila lihat rajah di bawah yang menggambarkan kendalian aliran kerja bagi penciptaan Unit-unit:



7.4 Prosedur untuk penebusan

- 7.4.1 Penebusan Unit-unit hanya boleh dibuat pada Hari Dagangan melalui Peniaga Yang Menyertai dalam Blok Unit Penebusan atau gandaan senilai dengannya. Hanya Permohonan Penebusan tunai dibenarkan. Dana tidak menerima Permohonan Penebusan barangan. Harga Penebusan adalah berdasarkan kepada NAB Dana pada Titik Penilaian pada Tarikh Dagangan. Perincian kepada Harga Penebusan dinyatakan di Bahagian 7.5 Prospektus ini.
- 7.4.2 Sebaik penerimaan Permohonan Penebusan, Pengurus mempunyai hak eksklusif untuk mengarahkan Pemegang Amanah (melalui notis bertulis) untuk menguatkuasakan penurunan di dalam Unit-unit Dana dengan membatalkan bilangan Unit-unit yang ditetapkan di dalam notis tersebut.
- 7.4.3 Permohonan Penebusan yang lengkap perlulah:

7. UNIT-UNIT DANA

- (i) diserahkan oleh Peniaga Yang Menyertai berdasarkan Perjanjian Peniaga Yang Menyertai;
 - (ii) melampirkan persijilan yang diperlukan di bawah Perjanjian Peniaga Yang Menyertai, dan sijil-sijil lain serta pendapat peguam sebagaimana yang dirasakan perlu oleh Pemegang Amanah dan Pengurus untuk memastikan pematuhan dengan undang-undang yang berkenaan;
 - (iii) menentukan bilangan Blok Unit Penebusan (saiz semasa 1 Blok Unit Penebusan ialah 1.35 juta Unit); dan
 - (iv) menyatakan orang yang membuat Permohonan Penebusan.
- 7.4.4 Jika Permohonan Penebusan adalah sah, Unit-unit akan ditebus dan dibatalkan pada Hari Dagangan ketiga selepas Tarikh Dagangan, dan Daftar akan dikemaskinikan pada Hari Dagangan tersebut atau Hari Dagangan yang berikutnya jika tempoh penyelesaian dilanjutkan. Harga Penebusan adalah berdasarkan NAB Dana pada Titik Penilaian pada Tarikh Dagangan. Huraian mengenai pengiraan Harga Penebusan dinyatakan pada Bahagian 7.5 Prospektus ini.
- 7.4.5 Permohonan Penebusan yang diterima daripada Peniaga Yang Menyertai pada hari yang bukan merupakan Hari Dagangan atau diterima selepas Tarikh Tamat Dagangan pada Hari Dagangan akan dianggap sebagai diterima pada Hari Dagangan yang berikutnya.
- 7.4.6 Setelah Permohonan Penebusan diserahkan, ianya tidak boleh ditarik balik tanpa kebenaran Pengurus, melainkan tempoh penggantungan telah diisytiharkan oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan.
- 7.4.7 Setelah penerimaan Permohonan Penebusan yang lengkap, Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah untuk menguatkuasakan penebusan, yang akan diselesaikan dengan cara pembayaran tunai.
- 7.4.8. Kami boleh memotong dan menolak-selesai Fi Permohonan Penebusan ke atas sebarang tunai yang perlu dibayar kepada Peniaga Yang Menyertai
- 7.4.9 Amaun Penebusan perlu dibayar kepada Peniaga Yang Menyertai pada Tarikh Penebusan boleh dipindahkan atau dibayar dalam masa dua (2) Hari Dagangan selepas Tarikh Penebusan jika:
- (i) Permohonan Penebusan telah diterima oleh Pengurus menurut Surat Ikatan;
 - (ii) Unit-unit untuk ditebus telah diserahkan kepada Pemegang Amanah; dan
 - (iii) Fi Permohonan Penebusan telah dibayar secara penuh.
- 7.4.10 Amaun Penebusan berhubung Unit-unit ditebus akan dibayar dalam Ringgit Malaysia dan, jika dibayar melalui pindahan telegraf, akan dibayar kepada akaun Ringgit Malaysia sebuah bank Malaysia, melainkan dipersetujui oleh Pengurus.
- 7.4.11 Untuk menjana tunai yang diperlukan untuk membayar Komponen Tunai (jika ada) bagi Unit-unit yang ditebus, Pengurus boleh melaksanakan penjualan mana-mana Aset Dana.
- 7.4.12 Pada Hari Dagangan selepas Tarikh Dagangan, Dana akan berkurangan melalui pembatalan Unit-unit yang ditebus. Pemegang Amanah akan memindahkan Sekuriti Penebusan yang berkenaan dari Aset Dana kepada Peniaga Yang Menyertai dan membayar Komponen Tunai (jika ada), dengan pemotongan seperti yang dibenarkan di bawah Surat Ikatan.

7. UNIT-UNIT DANA

7.4.13 Jika Unit-unit untuk ditebus tidak dihantar ke Pemegang Amanah selaras dengan peruntukan Surat Ikatan:

- (i) Permohonan Penebusan akan dianggap tidak pernah dibuat (kecuali Fi Permohonan Penebusan akan kekal tertunggak dan perlu dibayar); dan
- (ii) Pengurus boleh mengenakan caj kepada Peniaga Yang Menyertai:
 - (a) Fi Pembatalan Permohonan Penebusan;
 - (b) sebarang kerugian yang timbul daripada penjualan Aset Dana dan sebarang kos yang ditanggung oleh Dana berhubung dengan penebusan yang gagal tersebut; dan
 - (c) sebarang amaun (jika ada) yang mana Harga Penebusan melebihi Harga Terbitan (yang boleh digunakan jika Pengurus telah menerima Permohonan Penciptaan pada tarikh yang mana Unit-unit akan ditebus).


7.4.14 Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak mengikut budi bicaranya/mereka, asalkan yang ianya berpatutan, untuk menolak atau menggantung Permohonan Penebusan jika:

- (i) Permohonan Penebusan tidak jelas, salah atau mengelirukan (pada pendapat Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
- (ii) jumlah Unit-unit bagi Permohonan Penebusan yang diterima oleh Pengurus melebihi had yang ditetapkan pada Bahagian 7.4.17 Prospektus ini;
- (iii) Pengurus menggantung hak Peniaga Yang Menyertai untuk membuat Permohonan Penebusan selaras dengan Surat Ikatan; atau
- (iv) pada pendapat wajar Pengurus, Permohonan Penebusan mungkin memungkiri sebarang terma atau syarat Perjanjian Peniaga Yang Menyertai dan/atau Surat Ikatan.

7.4.15 Selain itu, Pemegang Amanah boleh (dengan notis kepada Pengurus) enggan untuk:

- (i) menebus Unit-unit; atau
 - (ii) menebus Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan Pengurus;
- jika Pemegang Amanah berpendapat penebusan tersebut bukan dalam kepentingan Pemegang Unit atau ianya akan menyebabkan kemungkiran di bawah peruntukan Surat Ikatan dan undang-undang lain yang berkenaan.

7.5.16 Rajah di bawah menggambarkan operasi aliran kerja penebusan Unit-unit:



7.4.17 Had ke atas penebusan pada setiap Tarikh Dagangan

- (i) Jika jumlah bilangan Unit-unit (di mana Permohonan Penebusan telah diterima oleh Pengurus) pada Tarikh Dagangan melebihi 10% (atau peratus yang lebih tinggi seperti yang ditentukan oleh Pengurus) dari

7. UNIT-UNIT DANA

- NAB Dana pada hari tersebut, Pengurus boleh memilih untuk menghadkan jumlah bilangan Unit-unit untuk ditebus.
- (ii) Sebarang Unit-unit yang tidak ditebus pada Tarikh Dagangan tertentu (“Hari Dagangan Pertama Yang Berkaitan”) hasil daripada had yang dikenakan oleh Pengurus (seperti yang ditetapkan pada Bahagian 5.4.18(i) di atas) akan dibawa ke hadapan untuk penebusan pada Hari Dagangan selepas Hari Dagangan Pertama Yang Berkaitan (selepas ini Hari Dagangan tersebut dirujuk sebagai “Hari Dagangan Kedua Yang Berkaitan”).
 - (iii) Pengurus akan memaklumkan Peniaga Yang Menyertai mengenai peratusan yang lebih tinggi (jika ada) dan bilangan Unit-unit penebusan yang telah tertunda, di dalam satu (1) Hari Dagangan selepas Hari Dagangan Pertama Yang Berkaitan dan Unit-unit ini akan ditebus pada Tarikh Penebusan pada Hari Dagangan Kedua Yang Berkaitan.
 - (iv) Jika Permohonan Penebusan dibawa ke hadapan, sebarang Permohonan Penebusan diterima selepas Hari Dagangan Pertama Yang Berkaitan dan sebelum Hari Dagangan Kedua Yang Berkaitan akan turut dibawa ke hadapan, dan dianggap sebagai Permohonan Penebusan yang diserahkan pada Hari Dagangan Kedua Yang Berkaitan. Permohonan Penebusan dibawa ke hadapan dari Hari Dagangan Pertama Yang Berkaitan akan dianggap penting untuk Permohonan Penebusan yang diterima selepas Hari Dagangan Pertama Yang Berkaitan tersebut.

7.5 Pengiraan Harga Terbitan, Harga Penebusan dan IOPV setiap Unit

Surat Ikatan menyediakan Harga Terbitan atau Harga Penebusan setiap Unit untuk sebarang Hari Dagangan berkaitan akan, tertakluk kepada kelayakan di bawah, dikira oleh Pengurus dan akan berdasarkan NAB Dana pada Titik Penilaian pada Tarikh Dagangan dibahagikan dengan bilangan Unit-unit di dalam terbitan dan dianggap sebagai di dalam terbitan, terpenggal kepada empat titik perpuluhan di dalam cara yang ditetapkan oleh Pengurus dari semasa ke semasa dengan kelulusan Pemegang Amanah. Faedah sebarang pindaan sepertinya akan terakru kepada Dana.

Pengurus boleh, melalui rundingan dengan Pemegang Amanah, menambah kepada Harga Terbitan (tetapi tidak termasuk di dalamnya) sejumlah (jika ada) seperti yang Pengurus rasakan mewakili peruntukan yang wajar untuk Kos Urus Niaga bagi akaun Dana.

Oleh kerana NAB Dana hanya dikira pada Titik Penilaian, IOPV Seunit dikira oleh Pengurus selepas penutup sesi dagangan pagi SGX-ST (di antara 12.30pm ke 2.00pm) dan/atau sebaik menerima IOPV setiap Unit SF Singapore Fund pada setiap Hari Dagangan untuk menjadi anggaran kepada NAB Dana. IOPV seunit, yang merupakan anggaran NAB seunit Dana, dikira seperti berikut:

- (i) pengiraan harga Aset Dana selepas penutup sesi dagangan pagi di SGX-ST dan/atau sebaik menerima IOPV seunit Singapore Fund pada setiap Hari Dagangan, termasuk aset cair (dalam Ringgit Malaysia);
- (ii) dengan menolak liabiliti (dalam Ringgit Malaysia); dan
- (iii) dengan membahagikan jumlah yang diterima daripada pengiraan di bawah sub-perenggan (i) dan (ii) di atas dengan bilangan Unit-unit yang membentuk Dana.

Nota: Jumlah pada sub-perenggan (i) dan (ii) di atas diterjemahkan menggunakan kadar tukaran asing sedia ada seperti yang disebut harga oleh penyedia khidmat maklumat diiktiraf yang ditentukan oleh Pengurus.

Maklumat mengenai IOPV seunit boleh didapati di laman sesawang Bursa Securities di <http://www.bursamalaysia.com>.

7.6 Kos Urus Niaga

Aset Dana mungkin berkurang akibat daripada kos yang ditanggung yang berkaitan dengan urus niaga atau dagangan yang selaras dengan Permohonan Penciptaan/ Penebusan. Untuk mengelakkan sebarang potensi kesan yang teruk terhadap pelaburan anda dalam Dana, Pengurus mempunyai budi bicara untuk mengenakan caj kepada Peniaga Yang Menyertai, di antara lain, semua duti setem dan duti lain, cukai, caj kerajaan, pembrokeran, caj bank, fi perpindahan, fi pendaftaran, levi urus niaga dan duti lain serta caj berhubung dengan Permohonan Penciptaan/ Penebusan. Kos Urus Niaga ini boleh dicaj kepada anda oleh Peniaga Yang Menyertai.

7.7 Dagangan Unit-unit

Unit-unit disenaraikan untuk dagangan di Bursa Securities. Unit-unit itu boleh dibeli dan dijual sepanjang hari dagangan seperti saham dagangan awam yang lain. Tiada pelaburan minimum dikenakan. Walaupun Unit-unit dibeli dan dijual secara amnya dalam lot 100 Unit, firma pembrokeran boleh membenarkan anda untuk membeli atau menjual Unit-unit dalam “lot janggal” yang lebih kecil. Namun, harga Unit-unit yang didagangkan dalam “lot janggal” mungkin berbeza daripada Unit-unit yang dibeli dan dijual dalam lot 100 Unit. Apabila membeli atau menjual unit-unit melalui broker, anda akan menanggung fi pembrokeran lazim, duti setem dan fi penjelasan.

Selaras dengan Bahagian 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Securities telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti ditetapkan. Oleh itu, Unit-unit akan didepositkan secara terus dengan Bursa Depository dan sebarang urusan di dalam Unit-unit akan dijalankan menurut Akta Depositori Pusat dan peraturan-peraturan Bursa Depository.

Anda merupakan pemilik bermanfaat Unit-unit seperti yang ditunjukkan di dalam rekod Bursa Depository. Bursa Depository bertindak sebagai depository sekuriti untuk kesemua Unit-unit Dana. Sebagai pemilik bermanfaat ke atas Unit-unit, anda tidak layak menerima penghantaran fizikal sijil-sijil Unit atau untuk menjadikan Unit-unit berdaftar di bawah nama anda, dan anda tidak dianggap sebagai pemilik berdaftar Unit-unit tersebut. Oleh itu, untuk melaksanakan sebarang hak sebagai pemilik kepada Unit-unit itu, anda perlu bergantung kepada prosedur Bursa Depository. Prosedur-prosedur ini adalah sama dengan yang diguna pakai pada sekuriti yang disenarai di Bursa Securities.

Senarai agen depository dibenarkan tersedia di laman sesawang Hari Dagangan Bursa Malaysia di <http://www.bursamalaysia.com>.

7.7.1 Harga Dagangan Unit

Harga Dagangan Unit-unit di Bursa Securities mungkin berbeza daripada NAB seunit dan IOPV seunit harian dan boleh dipengaruhi oleh kuasa pasaran seperti bekalan dan permintaan, keadaan ekonomi dan faktor-faktor lain. Anda boleh memantau harga pasaran semasa Unit-unit melalui laman sesawang Bursa Securities di <http://www.bursamalaysia.com> setiap hari.

Unit-unit akan didagangkan di Pasaran Utama seperti yang ditentukan oleh Bursa Securities menurut peraturan saiz bertanda yang berkaitan seperti yang ditetapkan oleh Bursa Securities. Ini mungkin berbeza daripada sebaran bida/pertanyaan terhadap sekuriti sandaran..

7.7.2 Peruntukan kecairan

Adalah menjadi matlamat kami untuk memudahkan peruntukan kecairan kepada anda melalui pelantikan Peniaga Yang Menyertai dan/atau penggerak

7. UNIT-UNIT DANA

pasaran yang perlu mengekalkan pasaran untuk Unit-unit tersebut. Dalam mengekalkan pasaran untuk Unit-unit, Peniaga Yang Menyertai dan/atau penggerak pasaran mungkin merealisasikan keuntungan atau menampung kerugian. Sebarang keuntungan yang diperolehi oleh Peniaga Yang Menyertai dan/atau penggerak pasaran boleh disimpan oleh mereka untuk manfaat mutlak mereka dan mereka tidak diwajibkan untuk melapor kepada Pemegang Amanah mengenai keuntungan tersebut.

Walau pun Peniaga Yang Menyertai dan/atau penggerak pasaran boleh membeli dan menjual Unit-unit sama seperti pelabur runcit melalui Bursa Securities, tiada jaminan atau kepastian mengenai harga di mana pasaran untuk Unit-unit tersebut akan dibuat. Senarai Peniaga Yang Menyertai yang dilantik oleh Pengurus boleh diperolehi di laman sesawang Dana di <https://www.principal.com.my>. Senarai penggerak pasaran boleh didapati di laman sesawang Bursa Securities di <http://www.bursamalaysia.com>.

Ruang selebihnya di halaman ini sengaja dibiarkan kosong

8. PENGURUS

8.1 Mengenai Pengurus

Pengurus, Principal Malaysia (No. Pendaftaran Syarikat 304078-K) diperbadankan di Malaysia pada 13 Jun 1994 di bawah undang-undang Malaysia dan buat masa ini memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan dana yang berkaitan dengan portfolio, perancangan kewangan, urusan dalam sekuriti terhad kepada unit amanah dan urusan dalam skim persaraan swasta di bawah CMSA dan mengkhusus dalam pengurusan dan pengendalian unit amanah untuk pelabur, sama ada institusi atau runcit. Tanggungjawab Principal Malaysia merangkumi pengurusan portfolio pelaburan dengan menyediakan khidmat pengurusan dana kepada syarikat insurans, dana pencen, syarikat unit amanah, perbadanan dan institusi kerajaan di Malaysia. Selain itu, Principal Malaysia juga merupakan penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan di Malaysia.

Ia memulakan operasi sebagai syarikat unit amanah pada November 1995. Setakat LPD, Principal Malaysia mempunyai lebih daripada 23 tahun pengalaman dalam industri unit amanah. Pemegang saham Principal Malaysia adalah PIA dan Kumpulan CIMB.

PIA adalah sebuah syarikat swasta yang diperbadankan di Hong Kong Special Administrative Region (Wilayah Pentadbiran Khas) (SAR) dan aktiviti utamanya adalah menyediakan khidmat perundingan kepada ahli kumpulan syarikat PFG yang lain. PIA adalah anak syarikat kepada PFG, yang telah ditubuhkan pada 1879 dan merupakan kumpulan khidmat kewangan global yang pelbagai dengan menyediakan khidmat kepada lebih daripada 15 juta pelanggan.

Kumpulan CIMB adalah salah satu peneraju kumpulan perbankan universal ASEAN dan merupakan penyedia perkhidmatan kewangan kedua terbesar di Malaysia, mengikut aset. Beribu pejabat di Kuala Lumpur, Kumpulan CIMB bertapak di kesemua 10 [pasaran ASEAN](#) dan mempunyai kehadiran pasaran di China, Hong Kong SAR, India, Sri Lanka, Korea, AS dan UK. Kumpulan CIMB tersenarai di Bursa Securities dan memiliki permodalan pasaran dianggarkan sebanyak RM54.6 juta, hampir 36,000 kakitangan dan sekitar 800 cawangan, setakat 31 Disember 2018.

Setakat LPD, Principal Malaysia menguruskan 62 dana unit amanah konvensional dan 22 dana unit amanah Islamik. Setakat LPD, aset di bawah pengurusan Principal Malaysia merangkumi dana unit amanah dalaman serta portfolio individu dan korporat bernilai hampir RM56.58.

Anda dinasihatkan agar melayari laman Hari Dagangan kami di <http://www.principal.com.my> untuk maklumat lanjut mengenai Pengurus.

8.2 Peranan, tugas dan tanggungjawab

Tanggungjawab utama Principal Malaysia sebagai Pengurus Dana merangkumi:

- memastikan Daftar diselenggarakan;
- memutuskan strategi pelaburan bersesuaian untuk mencapai objektif pelaburan Dana;
- memastikan yang Dana mempunyai pegangan aset cair yang mencukupi;
- menguruskan jualan dan belian semula Unit;
- mengira amaun kelayakan pendapatan untuk diagihkan kepada Pemegang Unit; dan
- menyelenggara rekod yang teratur untuk Dana.

8. PENGURUS

8.4 Kakitangan utama Pengurus

Jadual di bawah menyatakan maklumat mengenai kakitangan utama Principal Malaysia setakat LPD. Maklumat di dalam jadual di bawah adalah tertakluk kepada perubahan selepas LPD. Anda dinasihatkan agar melayari laman Hari Dagangan kami di <https://www.principal.com.my> untuk sebarang kemas kini yang berkaitan dengan maklumat yang terkandung di bawah:

Nama:	Munirah Khairuddin
Umur:	44
Jawatan:	Ketua Pegawai Eksekutif
Kelayakan:	<p>Munirah merupakan pemegang carter Penganalisis Kewangan Bertauliah dan memiliki Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (“CMSRL”) untuk pengurusan dana. Beliau adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Perakaunan dan Analisis Kewangan, University of Newcastle Upon Tyne UK.</p> <p>Baru-baru ini beliau telah dinamakan sebagai CEO of the Year, Malaysia semasa Asia Asset Management’s 2014 Best of the Best Awards. Munirah juga telah dipilih sebagai salah seorang penerima anugerah “Top 25 Women of Asset Management” oleh AsianInvestor pada 2014.</p>
Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia	<p>Munirah menyertai Principal Asset Management Berhad (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad) pada November 2006 dan dilantik sebagai Timbalan CEO pada November 2008. Ketika itu, Munirah bertanggungjawab untuk pembangunan peluang perniagaan institusi, korporat dan antarabangsa serta jualan institusi. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah CIMB-Principal dan Pesuruhjaya PT CIMB-Principal Asset Management di Indonesia.</p> <p>Beliau pernah bertugas sebagai Pakar Ekonomi G7 dan ahli strategi untuk syarikat multinasional minyak dan gas Fortune 500. Sebelum itu, beliau merupakan pengurus portfolio pendapatan tetap untuk pasaran baharu di Rothschild Asset Management di London.</p> <p>Munirah telah dilantik sebagai CEO pada bulan Ogos 2013. Beliau memainkan peranan penting di dalam membantu syarikat membangunkan Aset Di Bawah Pengurusan (AUM), meluaskan kepimpinan runcit dengan tumpuan baharu kepada persaraan swasta, dan mengekalkan pengurusan risiko dan prestasi pelaburan yang konsisten. Munirah juga memainkan peranan utama dalam inisiatif pembangunan perniagaan strategik CWA, tenaga agensi yang merangkumi lebih 8,000 perunding unit amanah di seluruh negara. Munirah juga menyelia kedua-dua perniagaan runcit dan korporat untuk Singapura.</p>

8. PENGURUS

	Beliau juga telah dinamakan sebagai CEO of the Year, Malaysia untuk Asia Asset Management's 2015 Best of the Best Awards bagi tahun kedua berturut-turut. Munirah juga telah dipilih sebagai salah seorang penerima anugerah "Top 25 Women of Asset Management" oleh AsianInvestor pada 2014
--	--

Nama:	Patrick Chang Chian Ping
Umur:	48
Jawatan:	Ketua Pegawai Pelaburan, Malaysia & Ketua Pegawai Pelaburan, Ekuiti, Rantau ASEAN
Kelayakan:	Ijazah Sarjana Sains Kewangan dari City University Business School dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Analisis Kewangan dari University of Warwick, UK.
Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia	<p>Patrick Chang menyertai Principal Malaysia pada 22 Februari 2016 dan buat masa ini memegang jawatan CIO, Malaysia dan CIO Ekuiti, Rantau ASEAN berkuatkuasa 1 Oktober 2018. Beliau mempunyai lebih 18 tahun pengalaman di dalam pengurusan aset. Sebelum ini beliau merupakan Ketua ekuiti ASEAN di BNP Paribas Investment Partners, Malaysia di mana beliau menyelia ekuiti ASEAN untuk pelanggan Malaysia dan pelanggan pesisir sejak 2012.</p> <p>Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Naib Presiden Kanan bersama Principal Malaysia di mana beliau berkepakaran dalam dana khusus Malaysia, ASEAN dan Asia. Beliau juga pernah bertugas sebagai pengurus portfolio di Riggs and Co International Private Banking di London dengan pengkhususan di dalam pengurusan portfolio ETF global dan mempunyai Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal .</p>

Nama:	Jacqueline Lai
Umur:	49
Jawatan:	Ketua, Pematuhan
Kelayakan:	Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dari RMIT dengan major dalam Perakaunan, Akaun Bertauliah di Malaysia, CIAFIN, Pensijilan Pematuhan SC
Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia	<p>Jacqueline telah bersama Kumpulan CIMB selama lebih 19 tahun dan menyertai Principal Malaysia – Pematuhan pada April 2014. Sebelum berkhidmat dengan Principal Malaysia – Pematuhan, Jacqueline berkhidmat dengan Jabatan Audit Dalaman Kumpulan dan amat berpengalaman dalam perkara berkaitan pematuhan dan audit.</p> <p>Jacqueline telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti sebagai Pegawai Pematuhan untuk Principal Malaysia dan Principal Islamic.</p>

8. PENGURUS

8.5 Ahli Lembaga Pengurus

Setakat LPD, Lembaga Pengarah terdiri dari lapan (8) ahli termasuk tiga (3) Pengarah bebas. Lembaga Pengarah menyelia pengurusan dan operasi Principal Malaysia dan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

Lembaga Pengarah menyelia pengurusan dan operasi; dan menguatkuasakan standard perakaunan termasuk proses pelaporan kewangan dan pengurusan risiko Principal Malaysia. Ia juga memastikan pematuhan Syarikat ke atas semua undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan.

Jadual di bawah menyatakan maklumat mengenai ahli Lembaga Pengarah Principal Malaysia setakat LPD. Maklumat di dalam jadual di bawah adalah tertakluk kepada perubahan selepas LPD. Anda dinasihatkan agar melayari laman Hari Dagangan kami di <https://www.principal.com.my> untuk sebarang kemas kini yang berkaitan dengan maklumat yang terkandung di bawah:

Nama:	Wong Joon Hian
Umur:	70
Jawatan:	Pengarah Bebas
Kelayakan	Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia, Institut Akauntan Malaysia dan ahli felo Institute of Chartered Accountants di England dan Wales.
Pengalaman:	Merupakan pengarah bebas bukan-eksekutif Principal Malaysia sejak 22 Ogos 2007. Beliau berpengalaman lebih 30 tahun dalam pengauditan, perakaunan, perkhidmatan kewangan dan pengurusan korporat. Beliau memulakan kerjayanya apabila menyertai Price Waterhouse & Co. di England selepas mendapat kelayakan sebagai Akauntan Bertauliah pada 1973. Beliau kembali ke Malaysia pada 1975 untuk berkhidmat dengan Price Waterhouse (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers PLT), Malaysia sehingga 1985. Beliau kemudiannya bertugas sebagai Pengurus Teknikal Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dari 1986 sehingga beliau dilantik sebagai Pengurus Besar – Operasi di Supreme Finance (Malaysia) Berhad pada Disember 1987. Selepas Mayban Finance Berhad menyelesaikan pengambilalihan Supreme Finance (Malaysia) Berhad pada 1991, beliau menyertai BDO Binder sebagai Prinsipal Audit sehingga 1994 apabila beliau menyertai Advance Synergy Berhad. Beliau dilantik sebagai pengarah urusan United Merchant Group Berhad (kini dikenali sebagai Advance Synergy Capital Sdn Bhd) pada 1995. Sepanjang tempoh dari 1995 hingga 2007, beliau adalah pengarah Ban Hin Lee Bank Berhad, Southern Investment Bank Berhad dan United Merchant Finance Berhad. Buat masa ini, beliau merupakan pengarah di dalam beberapa syarikat di bawah Advance Synergy Berhad Group dan CIMB Group Holdings Berhad Group. Beliau juga adalah pengarah bebas bukan-eksekutif Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd).

8. PENGURUS

Nama:	Munirah binti Khairuddin
Umur:	44
Jawatan:	Pengarah Bukan-bebas
Kelayakan	<p>Munirah merupakan pemegang carter Penganalisis Kewangan Bertauliah dan memiliki Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (“CMSRL”) untuk pengurusan dana. Beliau adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Perakaunan dan Analisis Kewangan, University of Newcastle Upon Tyne UK. Baru-baru ini beliau telah dinamakan sebagai CEO of the Year, Malaysia semasa Asia Asset Management’s 2014 Best of the Best Awards. Munirah juga telah dipilih sebagai salah seorang penerima anugerah “Top 25 Women of Asset Management” oleh AsianInvestor pada 2014.</p>
Pengalaman	<p>Munirah menyertai Principal Asset Management Berhad (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad) pada November 2006 dan dilantik sebagai Timbalan CEO pada November 2008. Ketika itu, Munirah bertanggungjawab untuk pembangunan peluang perniagaan institusi, korporat dan antarabangsa serta jualan institusi. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah CIMB-Principal dan Pesuruhjaya PT CIMB-Principal Asset Management di Indonesia. Beliau pernah bertugas sebagai Pakar Ekonomi G7 dan ahli strategi untuk syarikat multinasional minyak dan gas Fortune 500. Sebelum itu, beliau merupakan pengurus portfolio pendapatan tetap untuk pasaran baharu di Rothschild Asset Management di London.</p> <p>Munirah telah dilantik sebagai CEO pada bulan Ogos 2013. Beliau memainkan peranan penting di dalam membantu syarikat membangunkan Aset Di Bawah Pengurusan (AUM), meluaskan kepimpinan runcit dengan tumpuan baharu kepada persaraan swasta, dan mengekalkan pengurusan risiko dan prestasi pelaburan yang konsisten. Munirah juga memainkan peranan utama dalam inisiatif pembangunan perniagaan strategik CWA, tenaga agensi yang merangkumi lebih 8,000 perunding unit amanah di seluruh negara. Munirah juga menyelia kedua-dua perniagaan runcit dan korporat untuk Singapura.</p> <p>Beliau juga telah dinamakan sebagai CEO of the Year, Malaysia untuk Asia Asset Management’s 2015 Best of the Best Awards bagi tahun kedua berturut-turut. Munirah juga telah dipilih sebagai salah seorang penerima anugerah “Top 25 Women of Asset Management” oleh AsianInvestor pada 2014</p>

Nama:	A.Huzaim bin Abdul Hamid
Umur:	54
Jawatan:	Pengarah Bebas
Kelayakan	<p>Ijazah Sarjana Sains, Ekonomi Kewangan, School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom, 2010; Diploma Lanjutan Bahasa Rusia dari Pushkin Institute of Moscow dan Russian Center of Science and Culture,</p>

8. PENGURUS

	Kuala Lumpur, 2009; Ijazah Sarjana Muda Sains, Ekonomi, Louisiana State University, Baton Rouge Louisiana, United States of America, 1988.
Pengalaman	<p>Merupakan Pengarah Principal Asset Management Berhad (<i>dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad</i>) sejak 2 Mei 2013.</p> <p>Huzaima menghabiskan 30 tahun dalam pelbagai spek kewangan, ekonomi dan penasihat dasar awam. 12 daripada tahun tersebut adalah sebagai pengurus dana di mana beliau, antaranya, merupakan Ketua Pegawai Pelaburan Alliance Capital Asset Management dan sebagai ahli Pasukan Rantau Pasifik serta pakar Komoditi Global dengan Jardine Fleming Investment Management Hong Kong yang kini adalah sebahagian daripada JP Morgan, Chase and Co. Beliau adalah ahli bebas Jawatankuasa Pelaburan CIMB-Principal Asset Management selama 14 tahun, serta memegang kedudukan yang sama untuk Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd (<i>dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd</i>) dan CIMB Wealth Advisors selama beberapa tahun. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai ahli bebas Jawatankuasa Pelaburan untuk CIMB Aviva Assurance dan CIMB Aviva Takaful selama dua tahun.</p> <p>Huzaima adalah Pengerusi dan CEO Ingenium Advisors, penasihat ekonomi kewangan yang ditubuhkan pada 2013. Sebelum itu, beliau adalah Ketua Operasi Strategik di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Malaysia di mana beliau terlibat di dalam pengubahan sistem pencen dan keselamatan sosial Malaysia, yang menghasilkan akta-akta sistem persaraan swasta, kadar gaji minimum dan umur persaraan minimum.</p> <p>Beliau juga adalah Pengerusi Kulak Sdn Bhd, sebuah syarikat khidmat penasihat Pertahanan.</p> <p>Huzaima juga pernah bertugas selama beberapa tahun sebagai Felo Kanan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, melapor terus kepada mantan Pengerusinya, Tan Sri Noordin Sopiee. Beliau amat aktif di dalam isu ekonomi, kewangan dan geostrategi. Beliau sering terlibat dalam urusan OIC dan Asia Timur, dan telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Agung untuk bahagian Malaysia, Network of East Asian Think-tanks (NEAT).</p> <p>Huzaima boleh bertutur dan menulis di dalam 5 bahasa.</p>

Nama:	Juan Ignacio Eyzaguirre Baraona
Umur:	62
Jawatan:	Pengarah Bukan-bebas
Kelayakan	Beliau memperolehi ijazah sarjana muda kejuruteraan awam dari Universidad de Chile dan ijazah sarjana falsafah dari Universidad de Los Andes.
Pengalaman	Juan memiliki 30 tahun pengalaman dalam pelbagai jawatan kanan di bidang pengurusan asset, perbankan, insurans dan pengurusan dana. Pada 2008, Juan menubuhkan Vistage Chile, sebuah syarikat bimbingan perniagaan dan perunding pembangunan pengurusan di yang beribu pejabat di San Diego, California. Sebelum ini, Juan bertugas sebagai eksekutif

8. PENGURUS

	Principal Amerika Latin di mana beliau memacu pertumbuhan perniagaan serantau, merangka strategi dan mengetuai pasukan di Argentina, Chile dan dalam usaha sama Principal di Brazil.
--	--

Nama:	Hisham bin Zainal Mokhtar
Umur:	57
Jawatan:	Pengarah Bebas
Kelayakan	Beliau adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Ijazah Sarjana Sains Matematik dari Illinois State University, US pada tahun 1984 dan 1986 serta Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Massachusetts Institute of Technology (“MIT”) di bawah Sloan Fellows Program di MIT Sloan School of Management pada tahun 2010. Beliau juga adalah pemegang carter Penganalisis Kewangan Bertauliah.
Pengalaman	<p>Buat masa ini Hisham adalah ahli Lembaga Pengarah Bebas Telekom Malaysia Berhad, Media Prima Berhad, Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd), Pengerusi Sistem Televisyen Malaysia Berhad dan Jurulatih Perniagaan di Asia School of Business sejak Ogos 2018.</p> <p>Beliau memulakan kerjayanya dalam industri insurans di Universal Life & General Insurance pada tahun 1987. Beliau kemudiannya menyertai William M Mercer Sdn Bhd pada tahun 1988 sebelum menjadi penganalisis pelaburan dengan Crosby Research (M) Sdn Bhd pada tahun 1991. Beliau berpindah ke Barings Research (Malaysia) Sdn Bhd pada tahun 1994 dan kemudiannya ke UBS Research (Malaysia) Sdn Bhd pada tahun 1996. Pada tahun 1998 beliau menjadi perunding kewangan di Sithe Pacific LLC, pengeluar tenaga bebas serantau sebelum berhenti untuk menubuhkan firma penasihat pelaburan tersendiri, KE Malaysia Capital Partners Sdn Bhd.</p> <p>Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif dan Naib Presiden Perancang Korporat dan Kewangan di Tricubes Berhad dari April 2001 hingga April 2005. Beliau kemudiannya menyertai Khazanah Nasional Berhad pada Mei 2005 dan selepas itu bertugas sebagai Pengarah Bahagian Pelaburan dari April 2009 hingga Jun 2014. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Astro Overseas Limited dari Julai 2014 hingga Jun 2018 dan kemudiannya sebagai Pengarah di Pejabat Pengarah Urusan Kumpulan di Malaysian Industrial Development Finance Berhad dari Julai 2018 hingga Mac 2019.</p>

Nama:	Effendy bin Shahul Hamid
Umur:	47
Jawatan:	Pengarah Bukan-bebas
Kelayakan	Ijazah Kepujian Kejuruteraan Elektronik dengan Optoelektronik, University College London; Alumni Program Kepimpinan CIMB-INSEAD.
Pengalaman	<ul style="list-style-type: none">▪ Bertanggungjawab ke atas pembangunan hasil baharu dan gabungan Kumpulan serta aliran penciptaan nilai melalui tumpuan kepada penciptaan dan pembangunan

8. PENGURUS

	<p>perkongsian era baharu dari mula, penerokaan melalui pelaburan strategik terpilih di dalam platform berasaskan perniagaan, memacu amalan FinTech CIMB dan menguruskan operasi Kumpulan di Vietnam dan Filipina.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Juga bertanggungjawab ke atas pengurusan aset dan perniagaan pelaburan Kumpulan di kedua-dua pasaran awam dan swasta, termasuk perniagaan pengurusan aset serantau Kumpulan dan portfolio pelaburan ekuiti Kumpulan di dalam syarikat-syarikat seperti CIMB-Principal dan Touch 'n Go. ▪ Terbaharu, merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan komersial kumpulan, menguruskan perniagaan perbankan serantau Kumpulan untuk perusahaan kecil dan sederhana dan segmen korporat bersaiz sederhana, dengan kecenderungan utama kepada penciptaan saranan yang di luar kebiasaan dan melaksanakan strategi pertumbuhan jangka panjang. ▪ Terdahulu, merupakan Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi, menguruskan keseluruhan inisiatif pemasaran dan komunikasi Kumpulan dan menerajui usaha seluruh-francais untuk memastikan jenama CIMB yang konsisten dan berbeza untuk semua Perniagaan Kumpulan di seluruh rantau ini. ▪ Sebelum itu, berkhidmat sebagai Pengarah di Bahagian Perbankan Pelaburan Kumpulan, dengan tumpuan utama kepada penasihat korporat dan hala tuju. ▪ Sebelum menyertai Kumpulan, beliau pernah membina kerjaya di beberapa syarikat antarabangsa dalam kapasiti pembangunan korporat, penglibatan terutamanya di dalam ekuiti swasta, aktiviti penggabungan dan pengambilalihan di Asia Pasifik dan inisiatif perluasan perniagaan umum. <ul style="list-style-type: none"> • memiliki pengalaman perniagaan serantau, pernah bertugas dan menetap di Malaysia, Hong Kong dan Singapura.
--	--

Nama:	Alejandro Elias Echegorri Rodriguez
Umur:	59
Jawatan:	Pengarah Bukan-bebas
Kelayakan	Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universidad Mayor de la Republica, Uruguay dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universidad Centro de Estudios Macroeconomics de Argentina.
Pengalaman	Encik Echegorri adalah Ketua Pegawai Pelaburan bagi Principal Global Asset Management di Asia dan beliau bertanggungjawab ke atas keseluruhan strategi pelaburan dan proses pelaburan bagi kumpulan serta menyelia pengurusan pencen, dana bersama dan akaun am di Asia dan untuk menyokong keseluruhan pembangunan perniagaan pengurusan aset di rantau ini. Sebelum ini Encik Echegorri merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Rantau ASEAN, CIMB-Principal Asset Management Berhad, dengan tanggungjawab ke atas Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura. Terdahulu, beliau adalah Ketua Pegawai Pelaburan untuk Principal International di Amerika Latin. Beliau menyertai Principal pada 2003 sebagai Ketua Pengurusan Aset Institusi

8. PENGURUS

	dan Ketua Pegawai Pelaburan untuk Principal Financial Group di Mexico. Sebelumnya, beliau adalah Pegawai Kanan Pelaburan bagi Perniagaan Dana pencen Citibank di Amerika Latin. Beliau juga pernah memegang jawatan berlainan di dalam bidang pelaburan di negara-negara seperti Uruguay, Argentina, Chile, Mexico dan United Kingdom.
--	--

Nama:	Paul Wong Chee Kin
Umur:	50
Jawatan:	Pengarah Bukan-bebas
Kelayakan	Monash University, Melbourne, Australia (Ijazah Sarjana Muda Perniagaan - Major di dalam Perbankan dan Kewangan)
Pengalaman	<p>Paul Wong telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan pada 1 Oktober 2018 dengan tumpuan utama kepada strategi dan penyeliaan fungsi Operasi Kumpulan CIMB. Sebelum ini beliau memegang jawatan sebagai Ketua Sokongan Strategik Perniagaan Pengguna sejak Mei 2016 dengan tumpuan utama kepada pemacuan jualan dan produktiviti operasi, memperbaiki pengalaman pelanggan dan mengukuhkan pematuhan di peringkat cawangan. Antara lantikan lain termasuk sebagai ketua Projek Serantau yang memacu jualan dan kecekapan operasi di dalam Kumpulan Perbankan Pengguna, dan Ketua Solusi Perniagaan ASEAN yang menyelia pemerolehan lintas-sempadan untuk produk runcit dari Julai 2013 hingga April 2016.</p> <p>Paul juga merupakan Ketua Pengurusan Jualan di bawah Jualan & Agihan Pengguna dari 2007 hingga 2013 di mana beliau mengetuai semangat berpasukan dan menguruskan inisiatif untuk pemasaran, pematuhan dan penglibatan kakitangan bagi mengoptimumkan produktiviti dari saluran jualan. Semasa tempoh ini, Paul juga dilantik sebagai Ketua Perbankan Runcit untuk Bank of Commerce ("BOC") di Filipina untuk menerajui rekayasa semula keseluruhan strategi perbankan runcit memandangkan CIMB sedang meneroka peluang untuk mengambilalih BOC.</p> <p>Sebelum menyertai CIMB Bank, Paul telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di beberapa institusi kewangan termasuk Alliance Bank, Prudential Assurance, OCBC, UOB, dan DBS di Malaysia dan Singapura.</p>

8.6 Jawatankuasa Pelaburan

Seperti yang ditetapkan oleh Garis Panduan ETF, Pengurus perlu membentuk sebuah Jawatankuasa Pelaburan untuk Dana yang berperanan untuk memastikan pengurusan pelaburan Dana adalah konsisten dengan:

- (a) objektif pelaburan Dana;
- (b) Surat Ikatan;
- (c) Prospektus ini;
- (d) Garis Panduan ETF dan undang-undang lain yang berkenaan;

8. PENGURUS

- (e) sekatan dan dasar pelaburan di dalaman; dan
- (f) amalan pengurusan pelaburan yang diterima dan berkesan di dalam industri.

Kuasa dan tugas Jawatankuasa Pelaburan termasuk membentuk dan memantau pelaksanaan strategi pengurusan pelaburan oleh Pengurus yang sesuai untuk Dana dan ukuran serta penilaian prestasi Pengurus. Secara amnya, Jawatankuasa Pelaburan bermesyuarat setiap bulan dan bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan pelaburan Dana adalah konsisten dengan objektif Dana.

Setakat LPD, Jawatankuasa Pelaburan terdiri dari lima (5) ahli termasuk tiga (3) ahli bebas. Jadual di bawah menyatakan maklumat mengenai Jawatankuasa Pelaburan setakat LPD. Maklumat di dalam jadual di bawah adalah tertakluk kepada perubahan selepas LPD. Anda dinasihatkan agar melayari laman Hari Dagangan kami di <https://www.principal.com.my> untuk sebarang kemas kini yang berkaitan dengan maklumat yang terkandung di bawah:

Nama:	Kim Teo Poh Jin	
Jawatan:	Ahli bebas	
Kelayakan:	Tahun	Kelayakan
	1980	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Ekonomi, Heriot-Watt University of Edinburgh
Pengalaman:	Tempoh	Pengalaman
	Mei-15 hingga Kini	Jawatankuasa Pelaburan, Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd
	Ogos-09 hingga Kini	CEO Kumpulan/Pengarah Eksekutif, Boardroom Limited
	Mac-07 hingga Kini	Jawatankuasa Pelaburan, Principal Asset Management Berhad
	Mac-07 hingga Sept 2013	Investment Committee, CIMB Wealth Advisors Berhad
	Jan-04 hingga Mac-07	Pengarah Eksekutif, Ketua Serantau, Ekuiti Runcit, CIMB-GK Securities Pte Ltd

Nama:	Wong Fook Wah	
Jawatan:	Ahli bebas	
Kelayakan:	Tahun	Kelayakan
	1991	Pengurusan dan Penilaian Pelaburan, Harvard University, U.S.A.
	1987	Ijazah Sarjana Sains Politik, Saitama University, Japan
	1977	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), Universiti Malaya
Pengalaman:	Tempoh	Pengalaman
	1991 hingga Mac-11	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, RAM Holdings Bhd

8. PENGURUS

	1987 – 1991	Juruanalisa, Unit tindakan khas mengendalikan kerja rehabilitasi dan penstrukturan semula.
	1977 hingga 1987	Ahli Ekonomi (Jabatan Perancang Ekonomi), Kementerian Kewangan

Nama:	A. Huzaim Bin Abdul Hamid	
Jawatan:	Independent member	
Kelayakan:	Tahun	Kelayakan
	2010	Ijazah Sarjana Sains Ekonomi Kewangan, School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom.
	2009	Sijil Lanjutan Bahasa Rusia, Pushkin State Institute of Russian Language, Moscow, Russia dengan Russian Center for Science and Culture, Kuala Lumpur
	1988	Ijazah Sarjana Muda Sains, Ekonomi, Louisiana State University, Baton Rouge Louisiana, United State of America
Pengalaman:	Tempoh	Pengalaman
	Nov 2012 hingga Kini	Ingenium Advisors Sdn Bhd Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif
	Sep 2010 hingga Okt 2012	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Ketua, Operasi Strategik
	Jan 2008 hingga Ogos 2010	Bekerja sendiri Penyelidik Bebas

Nama:	Mohamad Safri bin Shahul Hamid	
Jawatan:	Non-independent member	
Kelayakan:	Tahun	Kelayakan
	2002	Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Globalisasi), Maastricht School Of Management, The Netherlands
	1998	Akauntan Bertauliah (CA) dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA).
	1995	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Pengalaman:	Tempoh	Pengalaman
	Feb-11 hingga Kini	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Kanan,(sejak April 2014) CIMB Islamic (CIMB Investment Bank)
	Mac-09 hingga Jan-11	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif - MIDF Amanah Investment Bank Berhad (Kuala Lumpur)

8. PENGURUS

	Feb-08 hingga Dis-08	Pengarah, Ketua Serantau & Pasaran Global, Penstrukturan Islamik (Asia), Deutsche Bank Dubai International Financial Centre (Dubai)
--	-------------------------	---

Nama:	Alejandro Elias Echegarri Rodriguez	
Jawatan:	Ahli bukan-bebas	
Kelayakan:	Tahun	Kelayakan
	1997 – 1998	Master En Economia, Ucema (Centro De Estudios Macroeconomicos De Argentina) - Buenos Aires, Argentina
	1979 – 1985	Economista, Universidad De La Republica - Montevideo, Uruguay
Pengalaman:	Tempoh	Pengalaman
	Mac 2019 – Kini	Ketua Pegawai Pelaburan, Principal Global Asset Management Asia.
	Mac 2015 – Mac 2019	Ketua Pegawai Eksekutif, Rantau ASEAN, Pengarah Eksekutif Principal Asset Management Berhad dan Pengarah Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd, Principal Asset Management (S) Pte, Principal Asset Management Company Limited (Thailand), PT Principal Asset Management (Indonesia).
	Jul 2011 – Mac 2015	Principal Financial Group (Mexico) Ketua Pegawai Pelaburan – Amerika Latin
	Sep 2003 – Jul 2011	Principal Financial Group (Mexico) Ketua Pegawai Pelaburan dan Ketua Pengurusan Aset - Mexico
	Sep 1999 – Sep 2003	Citibank N.A. (Chile) Pegawai Kanan Pelaburan – Pasaran Baru Muncul (Kumpulan Dana Pencen)

8.7 Pegawai Bertanggungjawab untuk Pengurusan Pelaburan Dana

Seperti yang ditetapkan oleh Garis Panduan ETF, Pengurus dikehendaki melantik pegawai bertanggungjawab untuk pengurusan pelaburan Dana yang berperanan untuk memastikan pengurusan pelaburan Dana adalah konsisten dengan objektif pelaburan, dasar dan strategi pelaburan, skop pelaburan, sekatan sebagaimana dinyatakan pada Bahagian 3 Prospektus ini dan Garis Panduan.

Jadual di bawah menyatakan maklumat mengenai orang dilantik yang bertanggungjawab untuk pengurusan pelaburan Dana setakat LPD. Maklumat di dalam jadual di bawah adalah tertakluk kepada perubahan selepas LPD. Anda dinasihatkan agar melayari laman Hari Dagangan kami di <https://www.principal.com.my> untuk sebarang kemas kini yang berkaitan dengan maklumat yang terkandung di bawah:

Nama:	Patrick Chang Chian Ping
Jawatan:	Ketua Pegawai Pelaburan, Malaysia & Ketua Pegawai Pelaburan, Ekuiti, Rantau ASEAN

8. PENGURUS

Kelayakan:	Sila rujuk bahagian “Kelayakan” mengenai Patrick Chang Chian Ping pada bahagian 6.4 di atas.
Pengalaman:	Sila rujuk bahagian “Pengalaman, tugas dan bidang kepakaran atau tanggungjawab di dalam Principal Malaysia” mengenai Patrick Chang Chian Ping pada bahagian 6.4 di atas.

8.8 Litigasi dan arbitrase material

Setakat LPD, tiada prosiding litigasi atau arbitrase semasa, tergantung atau terancam terhadap atau dimulakan oleh Pengurus mahu pun terdapatnya sebarang fakta yang boleh menimbulkan sebarang prosiding yang mungkin memberi kesan material kepada kedudukan perniagaan/kewangan Pengurus atau mana-mana wakilnya.]

8.9 Penyedia Perkhidmatan Pentadbiran Dana dan Perakaunan Dana

Pengurus telah melantik Deutsche Trustees Malaysia Berhad untuk menyediakan perkhidmatan pentadbiran Dana dan perakaunan Dana.

DTMB telah dilantik untuk menjalankan perkhidmatan penilaian dan perakaunan dana dan penilaian untuk Dana. DTMB adalah subsidiari milik penuh organisasi induk Deutsche Bank Aktiengesellschaft. DTMB telah diperbadankan di Malaysia pada 22 Februari 2007 dan memulakan perniagaan pada Mei 2007.

DTMB adalah sebahagian daripada Khidmat Sekuriti Deutsche Bank, yang menyediakan perkhidmatan pemegang amanah dan perakaunan dana serta penilaian. DTMB meluaskan penawaran produknya untuk merangkumi perakaunan dana dan penilaian pada 2018.

Antara tugasnya termasuk, melakukan penilaian pelaburan dan Dana dan menyenggara rekod perakaunan kewangan portfolio termasuk semua data urus niaga, rekod dan lejer pelaburan.

Untuk menyediakan perkhidmatan di atas, DTMB akan disokong oleh Deutsche Investor Services Private Limited (“DISPL”) di India, sebuah subsidiari guaman 100% milik Deutsche Bank untuk memproses urus niaga harian pentadbiran dana.

8.10 Pegangan unit langsung dan tidak langsung di dalam Dana

Setakat LPD, tidak ada pihak promoter, pemegang saham yang besar, pengarah dan kakitangan utama Pengurus yang mempunyai sebarang pegangan unit langsung atau tidak langsung di dalam Dana.

9. PEMEGANG AMANAH

9.1 Mengenai Pemegang Amanah

Deutsche Trustees Malaysia Berhad (No. Syarikat 763590-H) telah diperbadankan di Malaysia pada 22 Februari 2007 dan memulakan perniagaan pada Mei 2007. Syarikat ini didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949, dengan alamat perniagaannya di Tingkat 20, Menara IMC, 8 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

DTMB adalah ahli kepada Deutsche Bank Group (“Deutsche Bank”). Deutsche Bank menyediakan perbankan komersial dan pelaburan, perbankan runcit, urus niaga perbankan dan produk dan perkhidmatan pengurusan kekayaan kepada syarikat, kerajaan, pelabur institusi dan perniagaan bersaiz sederhana, serta individu persendirian.

9.2 Peranan, tugas dan tanggungjawab

Fungsi utama DTMB adalah untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan kustodian kepada Aset Dana dan untuk melindungi kepentingan Pemegang Unit Dana. Dalam menjalankan tugas ini, Pemegang Amanah perlu bersikap wajar dan teliti serta perlu bertindak menurut peruntukan yang dinyatakan di bawah Surat Ikatan, Akta dan semua undang-undang yang berkenaan.

9.3 Pengalaman di dalam perniagaan pemegang amanah

DTMB adalah sebahagian daripada Perkhidmatan Sekuriti oleh Deutsche Bank, yang menyediakan amanah, kustodi dan perkhidmatan berkaitan dengan Rangkaian Sekuriti dan struktur kewangan. Setakat LPD, DTMB adalah pemegang amanah kepada 181 skim pelaburan kolektif termasuk dana unit amanah, dana borong, dana dagangan bursa dan skim persaraan swasta.

Perkhidmatan pemegang amanah DTMB disokong oleh Deutsche Bank (Malaysia) Berhad, subsidiari Deutsche Bank, secara kewangan dan pelbagai fungsi, termasuk tetapi tidak terhad kepada Kawalan Kewangan dan Audit Dalaman.

9.4 Litigasi dan arbitrase material

Setakat LPD, Pemegang Amanah mahu pun wakilnya tidak (a) terlibat di dalam sebarang litigasi dan timbang tara, termasuk yang tergantung atau terancam, ataupun (b) menyedari sebarang fakta yang mungkin menyebabkan sebarang prosiding yang boleh memberikan kesan material kepada kedudukan perniagaan/kewangan Pemegang Amanah dan mana-mana wakilnya.

9.5 Wakil Pemegang Amanah

Pemegang Amanah telah melantik DBMB sebagai kustodian kepada Aset Dana. DBMB merupakan anak syarikat milik penuh Deutsche Bank AG. DBMB menawarkan kepada pelanggannya akses kepada rangkaian kustodi domestik yang berkembang merangkumi lebih daripada 30 pasaran secara global dan gabungan unik kepakaran tempatan yang disokong oleh sumber-sumber bank global ternama. Dalam kapasitinya sebagai kustodian yang dilantik, peranan DBMB merangkumi penyimpanan Aset Dana; pengurusan penyelesaian dagangan; makluman tindakan dan pemprosesan korporat; pegangan sekuriti dan laporan aliran tunai; dan pengumpulan pendapatan dan pemprosesan.

Semua pelaburan Dana adalah didaftarkan di bawah nama Pemegang Amanah untuk Dana, atau di mana fungsi kustodian diwakilkan, atas nama kustodian, mengikut arahan

9. PEMEGANG AMANAH

Pemegangan Amanah untuk Dana. Sebagai kustodian, DBMB hanya akan bertindak selaras dengan arahan daripada Pemegang Amanah.

9.6 Penyata tanggungjawab Pemegang Amanah

Pemegang Amanah telah memberikan kesanggupannya untuk menerima tugasnya sebagai pemegang amanah Dana dan sanggup menerima kewajipannya menurut Surat Ikatan, CMSA, Garis Panduan ETF dan kesemua undang-undang yang berkenaan.

Maklumat berikut diambil dari atau berdasarkan kepada maklumat yang terkandung di dalam prospektus yang diterbitkan oleh Singapore Fund pada 22 April 2019 dan maklumat tersebut belum disahkan secara bebas.

10.1 Mengenai Pengurus SF

Pengurus SF Singapore Fund adalah Principal Singapore. Pengurus SF menerima lesen khidmat pasaran modalnya pada 24 April 2007 dan adalah milik penuh Principal Asset Management Berhad, yang telah menguruskan dana budi bicara serta dana bersama di Malaysia untuk lebih daripada 13 tahun. Pada Tarikh Boleh Terlaksana Terakhir, dana-dana di bawah pengurusan Pengurus SF adalah sebanyak S\$558.35 juta.

10.2 Fungsi, tugas dan tanggungjawab

Pengurus SF memiliki kuasa am pengurusan ke atas aset-aset Singapore Fund. Pengurus telah memeterai perjanjian dalam Surat Ikatan SF untuk menggunakan sedaya upaya kebolehannya untuk meneruskan dan menjalankan perniagaannya dalam cara yang teratur dan cekap. Pengurus SF juga telah memeterai perjanjian yang ianya akan menjalankan semua urusan niaga dengan atau untuk Singapore Fund pada harga wajar.

Pengurus SF juga akan bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan kepada peruntukan-peruntukan yang terguna pakai mengikut Akta Sekuriti dan Niaga Hadapan dan kesemua perundangan, Manual Penyenaian, Kod, Surat Ikatan SF dan semua kontrak berkaitan. Pengurus SF akan bertanggungjawab ke atas semua komunikasi biasa bersama Pemegang Unit SF.

Kecuali berlaku penipuan atau kecuaiannya oleh Pengurus SF, ia tidak akan menanggung sebarang liabiliti atas sebab sebarang ralat perundangan atau sebarang perkara atau sesuatu yang dibuat atau bertanggung atau terlangkau akan dilakukan olehnya dengan sejujurnya di bawah peruntukan Surat Ikatan SF. Selain itu, Pengurus SF layak, bagi tujuan menolak tuntutan ke atas sebarang tindakan, kos, tuntutan, kerosakan, perbelanjaan atau permintaan (selain daripada yang timbul dari tanggungjawab atau kewajipan kepada Pemegang Unit SF yang dikenakan ke atas Pengurus SF menurut undang-undang yang berkenaan) di mana ianya boleh diletakkan kepada Pengurus SF untuk boleh mengambil tindakan terhadap aset-aset Singapore Fund berhubung dengan tindakan, kos, tuntutan, kerosakan, perbelanjaan atau permintaan yang telah dibuat atau timbul daripadanya.

Pengurus SF boleh, dalam menguruskan Singapore Fund dan dalam melaksanakan dan menjalankan tugasnya serta kewajipan di bawah Surat Ikatan SF, melantik seseorang untuk melaksanakan kesemua atau sebarang kuasa, hak, kelebihan, tugas dan budi bicara yang diberikan di bawah Surat Ikatan SF dan perwakilan tersebut boleh dibuat mengikut terma-terma dan syarat-syarat berkaitan dan tertakluk kepada peraturan-peraturan (termasuk kuasa untuk mewakilkan ke bawah) apabila difikirkan sesuai, dengan syarat Pengurus SF bertanggungjawab setiap masa di atas kesemua tindakan dan langkauan terhadap orang tersebut seolah-olah tindakan dan langkauan adalah daripadanya.

11. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

Bahagian ini bertujuan untuk mendedahkan terma-terma penting Surat Ikatan dan bukan merupakan senarai yang menyeluruh. Untuk maklumat penuh mengenai Surat Ikatan, sila rujuk kepada Surat Ikatan yang tersedia untuk diteliti di pejabat berdaftar Pengurus dan Pemegang Amanah.

Wang yang dilaburkan oleh pelabur di dalam Dana akan membeli sebilangan unit, yang mewakili kepentingan Pemegang Unit dalam Dana. Setiap unit dipegang dalam Dana mewakili kepentingan bermanfaat tak berbahagi yang setara dalam Aset Dana. Walau bagaimanapun, unit tidak memberikan Pemegang Unit kepentingan di dalam mana-mana bahagian Dana atau hak untuk mengambil bahagian di dalam pengurusan atau kendalian Dana (selain daripada melalui mesyuarat-mesyuarat Pemegang Unit).

Seorang Pemegang Unit akan dikenali sebagai Pemegang Unit berdaftar dalam Dana pada Hari Dagangan butiran beliau dimasukkan ke dalam Daftar.

11.1 Hak Pemegang Unit

Seorang Pemegang Unit mempunyai hak, di antara lainnya, kepada yang berikut:

- (i) Untuk memeriksa Daftar, tanpa kos, pada bila-bila masa di pejabat berdaftar Pengurus, dan mendapatkan maklumat berkenaan unit-unit tersebut seperti yang dibenarkan di bawah Surat Ikatan dan Garis Panduan ETF;
- (ii) Untuk menerima pengagihan Dana (jika ada), turut serta di dalam sebarang peningkatan nilai modal unit-unit dan kepada hak-hak serta kelebihan lain seperti yang dinyatakan di dalam Surat Ikatan Dana;
- (iii) Untuk memanggil mesyuarat Pemegang Unit;
- (iv) Untuk mengundi kepada penyingkiran Pemegang Amanah atau Pengurus melalui Resolusi Khas;
- (v) Untuk menerima laporan tahunan, laporan interim atau sebarang laporan lain Dana;
- (vi) Untuk melaksanakan tempoh bertenang untuk para pelabur yang layak; dan
- (vii) Untuk mengambil tindakan terhadap Pengurus dan Pemegang Amanah bagi sebarang pelanggaran tanggungjawab di bawah CMSA dan garis panduan berkaitan seperti dinyatakan di bawah Surat Ikatan.

Hak Pemegang Unit boleh berbeza disebabkan perubahan kepada Surat Ikatan, Garis Panduan ETF atau keputusan atau terjemahan kehakiman.

11.2 Liabiliti dan Had Pemegang Unit

11.2.1 Liabiliti

- (i) Liabiliti seorang Pemegang Unit adalah terhad kepada harga belian seunit dan Fi Permohonan yang dibayar atau bersetuju untuk dibayar untuk satu Unit. Pemegang Unit tidak perlu membayar ganti rugi Pemegang Amanah atau Pengurus jika terdapat kekurangan dalam Aset Dana untuk memenuhi tuntutan seseorang kreditor Pemegang Amanah atau Pengurus berhubung Dana.
- (ii) Tindakan Pemegang Amanah, Pengurus dan sebarang kreditor adalah terhad kepada Aset Dana.

11.2.2 Sekatan

Seorang Pemegang Unit tidak boleh:

- (i) campur tangan dalam sebarang hak atau kuasa Pengurus dan/atau Pemegang Amanah di bawah Surat Ikatan;
- (ii) melaksanakan hak berhubung dengan sebarang Aset Dana atau melaporkan satu kaveat atau notis lain yang mempengaruhi mana-mana

11. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

- bahagian tertentu Aset Dana atau sebaliknya menuntut sebarang faedah di dalam mana-mana bahagian tertentu Aset Dana; atau
- (iii) memerlukan sebarang bahagian tertentu Aset Dana untuk dipindahkan kepada Pemegang Unit.

11.3 Fi dan caj maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan

Jadual ini menghuraikan fi maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan dan perlu dibayar secara tidak langsung oleh para pelabur.

Fi	% / RM
Fi Pengurusan	Nil
Fi Pemegang Amanah	Sehingga ke 0.20% setahun, dikira secara harian berdasarkan NAB Dana, tetapi tertakluk kepada fi minimum RM18,000 setahun (kecuali fi dan caj kustodian bawahan asing)

Fi dan/atau caj lebih rendah daripada apa yang tertera di bawah Surat Ikatan boleh dikenakan, semua fi dan/atau caj semasa akan didedahkan di dalam Prospektus ini.

Sebarang peningkatan kepada fi dan/atau caj di atas yang tertera di dalam Prospektus ini boleh dibuat dengan syarat Prospektus tambahan diterbitkan dan nilai maksimum yang dinyatakan di bawah Surat Ikatan tidak akan dimungkirkan.

Sebarang peningkatan kepada fi dan/atau caj melebihi maksimum yang dinyatakan di dalam Surat Ikatan memerlukan kelulusan Pemegang Unit.

11.4 Perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan

Surat Ikatan membenarkan bayaran kepada perbelanjaan lain, yang merangkumi (tanpa had) perbelanjaan berkaitan dengan:

- sebarang kos, fi dan perbelanjaan yang perlu dibayar di bawah sebarang lesen dan kontrak pembekalan data yang berkaitan dengan Pemberi Lesen Indeks yang dimeterai oleh Pemegang Amanah dan/atau Pengurus berhubung Dana;
- fi pemprosesan atau pengendalian yang dilevi oleh sesiapa bagi penyediaan khidmat untuk melaksanakan sebarang pemerolehan, pelupusan atau sebarang urusan lain di dalam Aset Dana dan sebarang perbelanjaan berkaitan dengannya termasuk komisen atau fi yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga yang menjalankan urusan di dalam Unit SF Dana;
- semua fi, caj, perbelanjaan dan bayaran kepada penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai atau penasihat profesional lain yang digaji atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus semasa menubuhkan Dana, bagi mengekalkan, memelihara dan melindungi Aset Dana dan bagi meneruskan tugas masing-masing serta tanggungjawab di bawah Surat Ikatan atau berkaitan dengan Dana;
- semua fi, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan penjagaan selamat, pemerolehan, pegangan, pendaftaran, realisasi atau urusan lain dengan mana-mana Aset Dana atau pemegangan sebarang aset dana atau penjagaan dokumen milikan dengannya (termasuk kos insurans dokumen terhadap kehilangan semasa penghantaran, transit atau sebaliknya, dan caj yang dikenakan oleh ejen-ejen Pemegang Amanah untuk mengekalkan dokumen di dalam jagaan selamat), sebarang fi dan perbelanjaan berkaitan kustodian, kustodian bersama dan/atau kustodian sampingan yang dilantik selaras dengan peruntukan Surat Ikatan dan semua fi urus niaga seperti yang

11. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

telah dipersetujui dari semasa ke semasa di antara Pengurus dan Pemegang Amanah berkaitan dengan semua urusan niaga yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Aset Dana;

- semua caj dan perbelanjaan yang ditanggung untuk sebarang mesyuarat Pemegang Unit selain daripada yang dihadiri oleh dan untuk manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;
- fi dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah untuk mendapatkan dan/atau mengekalkan penyenaian dan sebutharga bagi Unit-unit di Pasaran Utama, dan/atau kebenaran atau kebenaran rasmi lain atau kelulusan Dana di bawah CMSA atau sebarang undang-undang atau peraturan yang berkenaan;
- fi dan perbelanjaan yang ditanggung untuk simpanan dan pegangan Unit-unit dengan Bursa Depository dan Gedung Penjelasan (dan di dalam sebarang depository sekuriti atau sistem penjelasan lain);
- Kos penubuhan Dana;
- semua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkait dengan penyelenggaraan laman Hari Dagangan atau halaman Hari Dagangan (mengikut keadaan) khusus untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau makluman kepada Pemegang Unit, pendaftar dan/atau sebarang pihak berkuasa berkaitan termasuk makluman yang dibuat mengenai Dana di Bursa Securities, akhbar-akhbar di Malaysia dan bentuk-bentuk komunikasi lain yang dibenarkan atau boleh diterima di bawah Garis Panduan ETF dan seperti yang ditentukan Pengurus dari semasa ke semasa;
- semua fi, kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk menyediakan sebarang surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berkaitan dengan penyediaan sebarang perjanjian yang melibatkan Dana selain dari perjanjian dengan Pengurus atau Pemegang Amanah;
- semua kos yang ditanggung untuk penyediaan, penerbitan dan pengedaran laporan tahunan dan laporan interim (jika ada) dan semua cek, penyata, notis dan dokumen-dokumen lain berkaitan Dana;
- semua fi dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penyingkiran Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit atau pelantikan pengurus baharu, pemegang amanah baharu atau juruaudit baharu;
- semua perbelanjaan yang ditanggung untuk mengumpulkan pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan pembayaran semula atau pengecualian cukai dan perjanjian liabiliti cukai) atau penentuan percukaian;
- semua perbelanjaan yang dikaitkan dengan agihan yang diisytiharkan selaras dengan Surat Ikatan termasuk tanpa had, fi untuk pengesahan semula atau terbitan semula sebarang pindahan telegraf, waran atau cek agihan;
- semua fi dan perbelanjaan yang ditanggung Pengurus dan Pemegang Amanah untuk penggulungan dan penamatan Dana;
- semua fi dan perbelanjaan Dana oleh jurunilai bebas untuk manfaat Dana;

11. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

- semua fi dan perbelanjaan ahli-ahli bebas Jawatankuasa Pelaburan;
- sebarang kos, fi dan perbelanjaan yang perlu dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data untuk menyelenggara pengiraan IOPV Seunit; dan
- caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai serta duti lain yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan dan pihak berkuasa lain, contohnya untuk cukai barangan dan perkhidmatan yang perlu dibayar oleh Pengurus atau Pemegang Amanah berdasarkan Surat Ikatan) seperti yang dibenarkan atau disyaratkan (mengikut keadaan) di bawah undang-undang berkenaan yang mana Pemegang Amanah berhak mengenakan caj kepada Dana.

Pengurus dan Pemegang Amanah perlu memastikan yang sebarang fi atau caj perlu dibayar adalah berpatutan dan sejajar dengan Surat Ikatan yang menetapkan kadar maksimum dalam peratusan yang boleh dicaj. Selain itu, sebarang peningkatan dalam kadar maksimum Fi Pengurus dan Fi Pemegang Amanah yang dinyatakan dalam Surat Ikatan hanya akan dibuat dan dilaksanakan apabila surat ikatan tambahan yang menyatakan kadar Fi Pemegang Amanah dan Fi Pengurus yang lebih tinggi telah dimeterai dan didaftarkan dengan SC.

11.5 Persaraan, penyingkiran atau penggantian Pengurus

Pengurus boleh bersara apabila memberikan notis dua belas (12) bulan kepada Pemegang Amanah mengenai keinginannya untuk berbuat demikian, atau masa yang lebih pendek seperti yang boleh dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah, untuk memilih syarikat lain.

Pengurus boleh bersara di bawah keadaan berikut:

- jika sebuah Resolusi Khas diluluskan Pemegang Unit yang Pengurus boleh disingkirkan; atau
- jika Pengurus tidak lagi diluluskan oleh SC sebagai syarikat pengurusan Dana.

Pengurus boleh disingkirkan oleh Pemegang Amanah di bawah keadaan tertentu yang dinyatakan di bawah Surat Ikatan. Ini termasuk:

- jika Pengurus telah mengalami pembubaran (kecuali pembubaran sukarela bagi tujuan pembinaan semula atau penggabungan berdasarkan terma yang diluluskan secara bertulis oleh Pemegang Amanah sebelum ini) atau gagal meneruskan perniagaan atau jika penerima akan dilantik untuk pengurusan aset Pengurus atau jika ada penanggung yang akan mengambilalih mana-mana asetnya;
- jika Pengurus gagal meneruskan perniagaan;
- jika Pemegang Amanah berpendapat yang Pengurus telah, atas prasangka Pemegang Unit, gagal untuk patuh kepada sebarang peruntukan atau persetujuan di bawah Surat Ikatan atau mengingkari sebarang peruntukan CMSA; atau
- jika Pengurus gagal atau cuai di dalam menjalankan tugasnya untuk memuaskan Pemegang Amanah dan Pemegang Amanah merasakan yang ianya adalah demi kepentingan Pemegang Unit untuk ia berbuat demikian, selepas Pemegang Amanah telah memberikan notis mengenainya pada pendapat dan alasan untuk pendapat tersebut, dan setelah mempertimbangkan sebarang perwakilan yang dibuat Pengurus mengenai pendapat itu, dan selepas rundingan bersama SC dan sebuah Resolusi Khas yang diluluskan oleh para Pemegang Unit.

Pengurus boleh diganti dengan syarikat lain yang dilantik sebagai pengurus oleh Resolusi Khas Pemegang Unit di mesyuarat Pemegang Unit yang diadakan sejajar dengan Surat Ikatan sama ada oleh Pemegang Amanah atau Pemegang Unit.

11. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

Bagi mana-mana sebab di atas, Pengurus buat masa ini, selepas menerima notis berkenaan dari Pemegang Amanah akan berhenti menjadi Pengurus dan Pemegang Amanah akan secara bertulis di bawah tera melantik syarikat lain sebagai Pengurus Dana dengan syarat syarikat tersebut memeterai surat ikatan dengan Pemegang Amanah dan seterusnya bertindak sebagai Pengurus bagi baki tempoh Dana.

11.6 Persaraan, penyingkiran atau penggantian Pemegang Amanah

Pemegang Amanah boleh bersara dengan memberi notis dua belas (12) bulan kepada Pengurus mengenai keinginannya untuk berbuat demikian, atau masa yang lebih pendek seperti yang boleh dipersetujui Pengurus dan Pemegang Amanah.

Pengurus dan Pemegang Amanah boleh bersetuju, dan boleh mengikut Surat Ikatan melantik pengganti Pemegang Amanah yang diluluskan oleh SC.

Pemegang Amanah boleh disingkirkan dan pemegang amanah yang lain boleh dilantik oleh Resolusi Khas Pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang Unit yang diadakan menurut Surat Ikatan atau seperti yang ditetapkan di dalam CMSA.

Pemegang Amanah boleh disingkirkan oleh Pengurus di bawah keadaan tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Surat Ikatan yang merangkumi peristiwa berikut:

- Pemegang Amanah mengalami pencairan;
- Pemegang Amanah diletakkan di bawah penerimaan, berhenti dari wujud, gagal atau mengabaikan tugasnya,
- Pemegang Amanah tidak lagi dilantik secara sah atau layak untuk bertindak sebagai pemegang amanah selaras dengan CMSA;
- Pemegang Amanah tidak lagi diluluskan oleh SC untuk menjadi pemegang amanah bagi skim unit amanah;
- jika sebuah Resolusi Khas diluluskan oleh Pemegang Unit agar Pemegang Amanah disingkirkan
- Pemegang Amanah gagal atau enggan bertindak sebagai Pemegang Amanah selaras dengan Surat Ikatan atau CMSA; atau
- Pemegang Amanah di bawah siasatan untuk perlakuan yang bertentangan dengan Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Syarikat 2016 dan undang-undang sekuriti yang berkenaan.

Pengurus akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memyingkirkan dan menggantikan Pemegang Amanah secepat yang mungkin selepas menyedari sebarang keadaan yang dinyatakan di atas.

Selain itu, Pengurus diberi kuasa perundangan di bawah Bahagian 299 CMSA untuk menyingkirkan Pemegang Amanah pada keadaan tertentu yang dinyatakan di dalamnya.

Pemegang Amanah boleh diganti oleh syarikat lain sebagai pemegang amanah oleh Resolusi Khas Pemegang Unit di mesyuarat Pemegang Unit yang diadakan menurut Surat Ikatan sama ada oleh Pengurus atau Pemegang Unit.

11.7 Penamatan Dana

11.7.1 Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah, dengan kelulusan Pengurus melalui notis bertulis (kecuali pada keadaan di Bahagian 12.7.1(vi) di bawah) setelah terjadinya mana-mana dari peristiwa berikut, iaitu:

- (i) jika ia menjadi tidak sah atau pada pendapat Pemegang Amanah menjadi mustahil atau tidak praktikal untuk meneruskan Dana;

11. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

- (ii) jika Dana boleh dikenakan cukai (sama ada di Malaysia atau di mana sahaja) berhubung dengan pendapatan atau untung modal pada kadar yang dianggap oleh Pengurus sebagai berlebihan kepada kadar yang akan ditanggung oleh Pemegang Unit jika mereka memiliki secara langsung Aset Dana yang berkaitan;
- (ii) jika Unit-unit tidak lagi disenaraikan pada Pasaran Utama;
- (iv) jika Dana tidak lagi diluluskan di bawah CMSA;
- (v) jika Perjanjian Lesen Indeks ditamatkan dan Perjanjian Lesen Indeks baru berkaitan dengan Indeks Sandaran tidak dimeterai oleh Pemegang Amanah dan/atau Pengurus;
- (vi) jika Pengurus mengalami pembubaran (selain dari pembubaran sukarela bagi tujuan penubuhan semula atau penggabungan berdasarkan terma-terma yang diluluskan secara bertulis oleh Pemegang Amanah sebelum ini); atau pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus: (aa) telah berhenti daripada menjalankan perniagaan, atau (bb) telah, dengan prejudis kepada Pemegang Unit gagal mematuhi peruntukan Surat Ikatan ini atau bercanggah dengan peruntukan mana-mana undang-undang berkaitan, maka Pemegang Amanah akan, dalam keadaan ini, memanggil mesyuarat Pemegang Unit bagi meluluskan Resolusi Khas untuk menamatkan Dana mengikut kaedah yang dinyatakan di dalam Surat Ikatan; atau
- (vii) jika setelah tamat tempoh tutup tiga (3) bulan selepas memaklumkan Pengurus yang pada pendapat Pemegang Amanah pertukaran Pengurus adalah perlu demi kepentingan Pemegang Unit dan Pemegang Amanah belum menjumpai sebuah syarikat lain yang bersedia untuk menerima jawatan Pengurus Dana yang Pemegang Amanah dan SC akan luluskan.

11.7.2 Tanpa prejudis kepada Bahagian 12.7.1 di atas, Dana boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Resolusi Khas Pemegang Unit dan penamatan itu harus berkuatkuasa daripada tarikh Resolusi Khas tersebut diluluskan atau pada tarikh selepas itu (jika ada) seperti yang diperuntukkan oleh Resolusi Khas tersebut.

11.8 Mesyuarat Pemegang Unit

- 11.8.1 Pemegang Amanah atau Pengurus masing-masing boleh pada bila-bila masa mengadakan mesyuarat Pemegang Unit pada masa dan tempat yang tertentu di Malaysia (tertakluk kepada peruntukan selepas ini) seperti pihak yang mengadakan mesyuarat merasakannya perlu.
- 11.8.2 Pengurus boleh memanggil mesyuarat Pemegang Unit jika tidak kurang daripada lima puluh (50) Pemegang Unit atau sepuluh peratus (10%) daripada semua Pemegang Unit mengarahkan Pengurus untuk berbuat demikian secara bertulis diserahkan kepada pejabat berdaftar Pengurus bagi tujuan:
 - (i) mempertimbangkan penyata kewangan Dana yang terkini;
 - (ii) memberi Pemegang Amanah arahan yang dirasakan sesuai mengikut pendapat mesyuarat; atau; atau
 - (iii) mempertimbangkan hal-hal lain berkaitan dengan Surat Ikatan ini.
- 11.8.3 Apabila mesyuarat diadakan untuk meluluskan:
 - (i) Resolusi Biasa (yang memerlukan kelulusan majoriti mudah) sekurang-kurangnya notis empat belas (14) hari (tidak termasuk hari notis diserahkan atau dianggap sebagai diserahkan dan hari notis diberikan) terhadap mesyuarat tersebut akan diberikan kepada Pemegang Unit; atau
 - (ii) satu Resolusi Khas, sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari (tidak termasuk hari notis diserahkan atau dianggap sebagai

11. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

diserahkan dan hari notis diberikan) tentang mesyuarat tersebut akan diberikan kepada Pemegang Unit,

notis tersebut akan diberikan kepada Pemegang Unit mengikut cara berikut seperti yang dipertimbangkan di bawah Surat Ikatian:

- (i) dengan menyerahkan melalui pos notis mengenai cadangan mesyuarat kepada setiap Pemegang Unit kepada alamat terakhir Pemegang Unit seperti yang tertera dalam Daftar;
- (ii) dengan menerbitkan iklan pemberian notis mesyuarat dalam akhbar berbahasa kebangsaan yang diterbitkan harian dan diedarkan secara am ke seluruh Malaysia, dan dalam sebuah akhbar lain yang diluluskan SC; atau

lain-lain bentuk komunikasi yang dibenarkan atau diterima di bawah Garis Panduan ETF dan seperti yang ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa.

- 11.8.4 Notis adalah dalam bentuk surat pekeliling dan akan menyatakan tempat, hari dan waktu mesyuarat, gambaran am urusan yang akan dilaksanakan dan terma-terma sebarang resolusi yang dicadangkan. Salinan notis tersebut akan dihantar kepada Pemegang Amanah melainkan mesyuarat itu diadakan oleh Pemegang Amanah. Peninggalan tidak sengaja di dalam pemberian notis kepada atau ketidakterimaan notis oleh mana-mana Pemegang Unit tidak akan membatalkan prosiding pada sebarang mesyuarat.
- 11.8.5 Di sebarang mesyuarat, sekurang-kurangnya lima (5) Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi akan membentuk kuorum bagi pelaksanaan urusan kecuali bagi tujuan meluluskan Resolusi Khas. Kuorum untuk meluluskan Resolusi Khas memerlukan sekurang-kurangnya lima (5) Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi yang berdaftar sebagai pemegang tidak kurang daripada dua puluh lima peratus (25%) daripada Unit-unit dalam terbitan asalkan jika terdapat hanya lima (5) atau kurang dari lima (5) Pemegang Unit, kuorum tersebut akan dibentuk oleh semua Pemegang Unit untuk masa ini. Tiada urusan akan dijalankan pada sebarang mesyuarat melainkan kuorum yang diperlukan hadir ketika permulaan urusan.
- 11.8.6 Setiap Pemegang Unit (secara individu) yang hadir sendiri atau melalui proksi atau (sebagai syarikat) adalah diwakili oleh salah satu daripada wakilnya atau melalui proksi akan, mengikut undian, mempunyai satu undi bagi setiap Unit yang mana ianya atau Pemegang Unit dan tidak perlu membuang keseluruhan undi yang mana beliau atau ianya layak menurut cara yang sama.
- 11.8.7 Mana-mana Pemegang Unit yang merupakan sebuah syarikat boleh mengikut resolusi pengarahnya atau badan kawal selia lain memberi kuasa kepada mana-mana pihak untuk bertindak sebagai wakil semasa mesyuarat Pemegang Unit, dan seseorang yang diberi kuasa akan pada mesyuarat itu layak melaksanakan kuasa yang sama bagi pihak syarikat, sebagaimana syarikat boleh laksanakan jika ia merupakan Pemegang Unit individu.
- 11.8.8 Setiap persoalan yang timbul pada mesyuarat am Pemegang Unit akan ditentukan pada mulanya melalui undian dengan mengangkat tangan, asalkan undian akan diambil dalam apa jua keadaan di mana:
- (a) adalah diperlukan oleh Surat Ikatian ini atau oleh undang-undang berkenaan agar persoalan diputuskan oleh majoriti yang akan diukur dengan peratus undian mereka yang hadir; atau

11. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

- (b) adalah dituntut sama ada sebelum atau selepas sebarang persoalan diundi secara mengangkat tangan oleh:
 - (i) Pengerusi;
 - (ii) Pemegang Amanah;
 - (iii) Pengurus; atau
 - (iv) mana-mana Pemegang Unit atau para Pemegang Unit yang hadir yang memegang (atau melalui proksi) atau pegangan di antara mereka tidak kurang dari sepuluh peratus (10%) daripada Unit-unit yang diterbitkan.

11.8.9 Apabila sebarang soalan ditentukan melalui cara mengangkat tangan setiap Pemegang Unit yang hadir dan setiap proksi mempunyai satu undi dan sebaik sahaja sebarang soalan diputuskan oleh undi setiap Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi hanya mempunyai satu undi untuk setiap Unit yang membayar penuh.

12. KELULUSAN DAN SYARAT

12.1 Kelulusan yang diterima daripada SC dan syarat-syarat yang dikenakan

SC telah meluluskan cadangan-cadangan berikut pada 18 Mac 2010:

- (a) penubuhan Dana dengan saiz permulaan dana sebanyak 500 juta Unit;
- (b) penyenaiaan dan sebutharga sehingga 500 juta Unit di Pasaran Utama Bursa Securities;
- (c) pelantikan Principal Malaysia sebagai Pengurus; dan
- (d) pelantikan Deutsche Trustees Malaysia Berhad sebagai Pemegang Amanah.

tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

No.	Syarat dikenakan	Status pematuhan
(i)	Pengurus mesti memaklumkan SC tarikh penyenaiaan Dana sebelum Dana disenaraikan;	Dipatuhi
(ii)	Penyenaiaan Dana perlu disempurnakan dalam masa 6 bulan dari tarikh surat kelulusan SC. Kelulusan SC akan dianggap sebagai luput jika Pengurus gagal berbuat demikian dalam jangka masa yang ditetapkan; dan	Dipatuhi
(iii)	Pengurus perlu menyediakan IOPV masa nyata atau masa hampir nyata seunit apabila saiz dana Dana mencecah RM300 juta atau sebarang saiz lebih kecil lain yang bersesuaian.	Diambil kira sewajarnya dan akan dipatuhi apabila saiz dana milik Dana mencapai RM300 juta atau sebarang saiz dana bersesuaian yang lebih kecil.

SC telah pada 8 Mac 2010 menyatakan yang ia tiada bantahan kepada penyumberan luar fungsi perakaunan dana Principal Malaysia kepada Deutsche Bank (Malaysia) Berhad.

SC telah pada 18 Mac 2010 menyatakan yang ia tiada bantahan ke atas cadangan Pengurus untuk mengira IOPV seunit satu kali setiap hari selepas penutupan sesi dagangan pagi SGX-ST.

12.2 Pengenejian/Variasi yang diluluskan oleh SC

SC telah, pada 18 Mac 2010 memberi pengenejian yang berkaitan dengan Bahagian 11.13 Garis panduan ETF di mana SC telah mengenejikan syarat bahawa Pemegang Amanah mesti mencipta atau menebus unit-unit sebagai ganti untuk pertimbangan bukan tunai kepada hanya untuk membenarkan Pemegang Amanah mencipta atau menebus unit-unit secara tunai.

13.1 Urus niaga pihak berkait sedia ada atau dicadangkan**13.1.1 Pengurus**

Kami (termasuk pengarah kami) akan pada setiap masa bertindak mengikut kepentingan Pemegang Unit Dana dan tidak akan berkelakuan dalam sebarang cara yang akan menyebabkan percanggahan kepentingan atau potensi percanggahan kepentingan. Jika timbul sebarang percanggahan kepentingan, percanggahan itu akan diselesaikan dengan cara yang tidak akan merugikan Dana. Sekiranya terdapat kemungkinan yang kami akan menghadapi konflik dengan tugas kami sebagai pengurus kepada Dana dan kepada dana-dana lain Principal Malaysia yang kami uruskan, kami bertanggungjawab untuk bertindak demi kepentingan terbaik pelabur kami dan akan berusaha untuk menyelesaikan sebarang konflik secara saksama dan berdasarkan Surat Ikatan.

Kami tidak akan bertindak sebagai prinsipal dalam jualan dan belian sebarang sekuriti atau pelaburan kepada dan daripada Dana. Kami tidak akan melakukan sebarang pelaburan untuk dana dalam mana-mana sekuriti, hartanah atau aset yang mana kami atau mana-mana pegawai kami mempunyai kepentingan kewangan di dalamnya atau darinya di mana kami atau pegawai kami mendapat manfaat tanpa kebenaran awal dari Pemegang Amanah. Kami (termasuk pengarah kami) yang memegang pegangan saham besar atau sebagai pengarah di dalam syarikat disenarai awam akan mengelak daripada membuat sebarang penetapan keputusan yang berkaitan dengan pelaburan Dana yang berkenaan.

Kami boleh turut bertindak sebagai Peniaga SF Yang Menyertai asalkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan Pengurus adalah untuk memudahkan urusan dengan Pengurus SF berhubung pengwujudan dan penebusan Unit-unit SF khususnya berhubung Dana.

Dana boleh mempunyai urusan bersama pihak berkait dengan Kami, seperti CIMB Bank.

Pemberi Lesen Indeks bukan syarikat yang berkait dengan Pengurus.

Dana boleh juga mengekalkan deposit bersama CIMB Bank dan CIMB Investment Bank Berhad. Kami boleh memulakan urus niaga bersama syarikat-syarikat lain dalam Kumpulan CIMB dan dan PFG dengan syarat urus niaga dilaksanakan pada harga pasaran dan dilakukan secara berasingan.

13.1.2 Pemegang Amanah

Sebagai pemegang Amanah kepada Dana dan wakil Pengurus bagi perkhidmatan perakaunan dan penilaian Dana, mungkin akan wujud urus niaga pihak berkait melibatkan atau berhubung dengan Dana dalam keadaan berikut:

- (1) di mana Dana melabur dalam produk yang ditawarkan oleh Deutsche Bank AG dan mana-mana ahli kumpulan syarikatnya (seperti penempatan pasaran wang, dsb);
- (2) di mana Dana telah mendapatkan pembiayaan dari Deutsche Bank AG dan mana-mana ahli kumpulan syarikatnya, seperti dibenarkan oleh garis panduan SC dan undang-undang lain yang berkenaan;
- (3) di mana Pengurus melantik DTMB untuk menjalankan fungsi tugas sokongan (seperti penilaian dan perakaunan dana; dan
- (4) di mana DTMB telah mewakili fungsi kustodiannya untuk Dana kepada DBMB.

DTMB akan bergantung kepada Pengurus untuk memastikan sebarang urus niaga, dagangan, pelaburan dan pelantikan yang melibatkan pihak berkait

13. URUS NIAGA PIHAK BERKAIT/PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

adalah dengan terma terbaik yang ada untuk atau kepada Dana dan atas dasar berasingan jika ianya di antara pihak-pihak bebas.

Sungguhpun DTMB mempunyai dasar dalaman yang bertujuan untuk mencegah atau menguruskan percanggahan kepentingan, tiada jaminan diberikan bahawa permohonan mereka dapat mencegah atau mengurangkan percanggahan kepentingan. Komitmen DTMB untuk bertindak demi kepentingan terbaik Pemegang Unit Dana tidak menghalang kemungkinan berlaku urus niaga atau percanggahan pihak berkait.

13.1.3 Kepentingan dalam Dana

Tertakluk kepada sebarang keperluan perundangan, Pengurus, Pemegang Amanah atau sebarang syarikat berkaitan dengan Pemegang Amanah atau Pengurus, atau mana-mana pegawai atau pengarah mereka, boleh melabur di dalam Dana. Pengarah kepada Pengurus dan Pemegang Amanah tidak akan menerima pembayaran daripada Dana selain dari agihan yang boleh mereka terima sebagai hasil daripada pelaburan di dalam Dana. Tiada fi selain daripada yang dinyatakan di dalam Prospektus ini telah dibayar kepada mana-mana promoter Dana, atau Pemegang Amanah (sama ada untuk menjadi Pemegang Amanah atau bagi perkhidmatan lain berkaitan Dana), atau Pengurus untuk sebarang tujuan.

13.1.4 Dagangan sekuriti oleh kakitangan

Pengurus telah menyediakan dasar yang terkandung dalam Peraturan Perilaku Perniagaan yang mengawal selia dagangan sekuriti kakitangannya. Satu pengisytiharan tahunan mengenai dagangan sekuriti diperlukan daripada kesemua kakitangan untuk memastikan tidak terdapat potensi percanggahan kepentingan di antara dagangan sekuriti kakitangan dan pelaksanaan tugas kakitangan kepada syarikat dan pelanggan syarikat.

13.2 Kepentingan pengarah dan pemegang saham utama kepada Pengurus

Setakat LPD, tiada pengarah dan pemegang saham utama Pengurus yang mempunyai sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung di dalam syarikat-syarikat lain yang menjalankan perniagaan yang sama dengan perniagaan Principal Malaysia, kecuali yang berikut:

Pengarah/ Pemegang Saham	Kedudukan	Pegangan Saham (Langsung/Tidak langsung)	Nama Perbadanan
CIMB Group Sdn Bhd	Pemegang Saham	Langsung	Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd (<i>dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd</i>)
		Tidak langsung	CIMB-Mapletree Management Sdn Bhd

13.3 Pengisytiharan kepentingan sedia ada atau potensi kepentingan/percanggahan kepentingan pakar

CGS-CIMB Securities Sdn Bhd mengesahkan bahawa tidak terdapat sebarang kepentingan sedia ada atau potensi kepentingan atau percanggahan kepentingan dalam tugasnya

13. URUS NIAGA PIHAK BERKAIT/PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

sebagai Peniaga Yang Menyertai dan Penggerak Pasaran yang melibatkan Dana atau Pengurus.

Setiap Peguam Cara, Tetuan Shook Lin & Bok., dan Penasihat Cukai, PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd melantik keupayaan penasihat masing-masing kepada Dana bagi mengesahkan tidak terdapat sebarang kepentingan sedia ada atau potensi percanggahan kepentingan yang berkaitan dengan Dana atau Pengurus.

**SURAT PENASIHAT CUKAI
MENGENAI PERCUKAIAN AMANAH DAN PEMEGANG UNIT**

PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd

Aras 10, 1 Sentral
Jalan Rakyat
Kuala Lumpur Sentral
Peti Surat 10192
50706 Kuala Lumpur

Lembaga Pengarah

Principal Asset Management Berhad
(f.k.a CIMB-Principal Asset Management Berhad)
Tingkat 10 Bangunan CIMB
Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

31 Julai 2019

Tuan,

PERCUKAIAN AMANAH YANG DITAWARKAN DI BAWAH PRINCIPAL FTSE ASEAN 40 MALAYSIA ETF

Surat ini telah disediakan untuk dimasukkan ke dalam Prospektus Pengganti (selepas ini dirujuk sebagai “Prospektus”) berhubung dengan penawaran unit-unit di dalam FTSE ASEAN 40 Malaysia ETF (“Amanah”).

Percukaiian pendapatan untuk kedua-dua Amanah dan pemegang unit adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan Malaysia (“Akta”). Peruntukan yang diguna pakai terkandung dalam Seksyen 61 Akta, yang menyatakan secara spesifik mengenai percukaiian badan amanah di Malaysia.

PERCUKAIAN DANA

Amanah akan dianggap sebagai penduduk untuk tujuan cukai Malaysia memandangkan pemegang amanah bagi Amanah ini berdomisil di Malaysia.

(1) Pelaburan Asing

Pendapatan yang dijana oleh Amanah daripada pelaburan luar negara dikecualikan dari cukai Malaysia berdasarkan Perenggan 28 Jadual 6 Akta dan agihan daripada pendapatan tersebut kepada pemegang unit adalah dikecualikan cukai. Pendapatan daripada pelaburan asing mungkin tertakluk kepada cukai atau cukai pegangan di negara asing tertentu. Bagaimanapun, sebarang cukai asing yang ditanggung ke atas pendapatan bagi pelaburan luar negara bukanlah cukai dikembalikan kepada Amanah di Malaysia.

Pendapatan asing yang dikecualikan daripada cukai Malaysia pada peringkat Amanah juga dikecualikan dari cukai semasa agihan kepada pemegang unit.

(2) Pelaburan Domestik

(i) Percukaiian umum

14. PERCUKAIAN DANA

Pendapatan Amanah merangkumi dividen, faedah (selain faedah yang dikecualikan dari cukai) dan lain-lain pendapatan pelaburan yang diperolehi dari atau terakru di Malaysia, selepas ditolak perbelanjaan dibenarkan cukai, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar 24 peratus.

Untung atas pelupusan pelaburan oleh Amanah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.

(ii) Dividen dan pendapatan lain dikecualikan cukai

Semua syarikat biasanya menggunakan sistem tier tunggal. Oleh itu, dividen yang diterima akan dikecualikan dari cukai dan pemotongan perbelanjaan yang ditanggung ke atas pendapat dividen tersebut tidak diambil kira. Tidak terdapat sebarang pengecualian cukai tersedia untuk dividen diterima di bawah tier tunggal. Dividen diterima daripada syarikat di bawah sistem tier tunggal akan dikecualikan.

Amanah mungkin menerima dividen Malaysia yang dikecualikan dari cukai. Dividen yang dikecualikan ini mungkin diterima daripada pelaburan di dalam syarikat yang sebelum ini menikmati atau sedang menikmati pelbagai insentif cukai yang disediakan di bawah undang-undang. Amanah tidak akan dikenakan cukai ke atas pendapatan yang dikecualikan tersebut.

Pendapatan faedah atau pendapatan diskaun yang diperolehi daripada pelaburan berikut dikecualikan dari cukai:

- a) Sekuriti atau bon yang diterbitkan oleh atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia;
- b) Debentur atau sukuk, selain saham pinjaman boleh tukar, diluluskan atau dibenarkan oleh, atau disimpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; atau
- c) Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Pendapatan daripada Pelaburan dalam produk berstruktur yang dilihat sebagai “debentur” di bawah Akta Perkhidmatan dan Pasaran Modal 2007 akan dikecualikan dari cukai. Sebaliknya, mungkin timbul implikasi cukai.

Pendapatan faedah yang diperolehi daripada instrumen berikut adalah dikecualikan dari cukai:

- a) Faedah dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- b) Faedah dibayar atau dikreditkan oleh institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;
- c) Bon, saham pinjaman boleh tukar, dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana syarikat yang tersenarai di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad; atau
- d) Pendapatan faedah dibayar atau dikreditkan oleh Malaysia Building Society Berhad¹.

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, pengecualian tidak lagi diguna pakai kepada pendapatan faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada unit amanah berbentuk dana borong yang merupakan dana pasaran wang.

Faedah atau pendapatan diskaun yang dikecualikan dari cukai pada peringkat Amanah juga akan dikecualikan dari cukai apabila diagihkan kepada pemegang unit.

(3) Instrumen Lindung Nilai

Layanan cukai bagi instrumen lindung nilai akan bergantung kepada bentuk instrumen lindung nilai yang disertai.

Secara amnya, sebarang untung/rugi yang berkaitan dengan bahagian prinsipal akan dianggap sebagai untung/rugi modal. Untung/rugi yang berkaitan dengan bahagian pendapatan biasanya akan dianggap

¹ Selaras dengan surat dari Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 11 Jun 2015 dan 16 Jun 2015 berkuat kuasa dari tahun penilaian (“YA”) 2015.

14. PERCUKAIAN DANA

sebagai untung/rugi hasil. Untung/rugi atas penilaian hanya akan dicukai atau dituntut apabila direalisasikan. Sebarang untung/rugi atau tukaran asing akan dianggap sebagai untung/rugi modal jika ia timbul daripada penilaian bahagian prinsipal pelaburan.

(4) Pendapatan Lain

Amanah boleh menerima pendapatan seperti fi keluar yang akan tertakluk kepada cukai pada kadar 24 peratus.

(5) Urus Niaga Pinjaman dan Pembiayaan Sekuriti (“SBL”)

Berikut adalah ringkasan anggapan cukai bagi urus niaga SBL di Malaysia dan sekuriti Malaysia yang disenarai di Bursa Malaysia Berhad (“Bursa”).

Selaras dengan Arahan Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 30) 1995 – Semakan 2008, peminjam atau pembiaya di dalam SBL yang diluluskan oleh SC akan layak mendapat pengecualian cukai atas sebarang pendapatan (selain dividen, bayaran pengeluaran, fi pembiayaan dan faedah diperolehi atas cagaran) yang timbul daripada pinjaman sekuriti disenarai di Bursa. Pengecualian yang sama juga diberikan ke atas pulangan sekuriti yang sama atau seumpamanya dan tukaran cagaran yang berkenaan.

Fi pembiayaan dikenakan cukai apabila diterima oleh pembiaya. Pegangan cukai sebanyak 10 peratus juga dikenakan jika peminjam membayar fi pembiayaan kepada pembiaya bukan residen.

Faedah diperolehi atas cagaran tidak dikecualikan daripada cukai pendapatan/cukai pegangan. Faedah dibayar oleh Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd atas cagaran tunai akan dikecualikan dari cukai apabila diterima oleh peminjam bukan residen dan peminjam individu yang merupakan residen.

Selaras dengan Arahan Duti Setem (Pengecualian) (No. 28) 1995 dan Arahan Duti Setem (Pengecualian) (No. 12) 2000, instrumen pindahan sekuriti disenarai di Bursa dan Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Malaysia Berhad dilaksanakan demi kepentingan peminjam atau pembiaya dan instrumen pindahan cagaran dikecualikan dari duti setem.

(6) Perbelanjaan Boleh Ditolak Cukai

Perbelanjaan yang ditanggung secara eksklusif dan sepenuhnya dalam penghasilan pendapatan kasar boleh dituntut sebagai potongan cukai di bawah Seksyen 33(1) Akta. Selain itu, Seksyen 63B Akta juga menyediakan peruntukan untuk potongan cukai yang melibatkan gaji pengurus, perbelanjaan untuk menyelenggara daftar pemegang unit, perbelanjaan pendaftaran saham, kesetiausahaan, fi audit dan perakaunan, caj telefon, kos percetakan dan alat tulis, dan pengeposan. Pemetongan adalah berdasarkan rumusan tertakluk kepada minimum 10 peratus dan maksimum 25 peratus daripada perbelanjaan.

(7) Cukai Untung Hartanah Sebenar (“RPGT”)

Berkuat kuasa 1 Januari 2019, sebarang untung atas pelupusan hartanah sebenar atau saham di dalam syarikat hartanah sebenar² akan tertakluk kepada RPGT pada kadar berikut:-

Tempoh masa pelupusan	Kadar RPGT
-----------------------	------------

² Syarikat hartanah sebenar adalah syarikat dikawal yang memiliki atau mendapatkan hartanah sebenar atau saham di dalam syarikat hartanah sebenar dengan nilai pasaran tidak kurang 75 peratus daripada jumlah aset ketaranya. Syarikat dikawal adalah syarikat yang tidak mempunyai lebih daripada 50 ahli dan dikawal oleh tidak lebih dari 5 orang.

14. PERCUKAIAN DANA

Dalam masa 3 tahun	30%
Pada tahun ke 4	20%
Pada tahun ke 5	15%
Pada tahun ke 6 dan tahun berikutnya	10%

(8) Cukai Jualan dan Perkhidmatan (“SST”)

Berkuat kuasa dari 1 September 2018, SST telah diperkenalkan semula untuk menggantikan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (“GST”). Kedua-dua Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 telah diwartakan pada 28 Ogos 2018. Kadar untuk cukai jualan adalah sifar, 5 peratus, 10 peratus atau kadar spesifik manakala kadar untuk cukai perkhidmatan adalah 6 peratus.

Cukai jualan akan dikenakan ke atas barangan boleh dicukai yang dikilangkan atau diimport ke Malaysia, melainkan diberi pengecualian secara spesifik oleh Menteri. Sebaliknya, hanya perkhidmatan boleh dicukai spesifik yang disediakan oleh orang yang boleh dicukai secara spesifik akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah cukai aras tunggal. Oleh itu, SST yang ditanggung lazimnya membentuk kos tidak boleh dikembalikan kepada perniagaan.

Secara amnya, Amanah, sebagai instrumen pelaburan kolektif, tidak seharusnya terperangkap di dalam aturan cukai perkhidmatan. Beberapa khidmat pembrokeran, profesional, perundingan atau pengurusan yang dibayar oleh Amanah mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6 peratus termasuk perkhidmatan yang diterima daripada penyedia perkhidmatan asing.

PERCUKAIAN PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit akan dicukai atas amaun yang bersamaan dengan bahagian mereka dari jumlah pendapatan boleh cukai Amanah setakat agihan yang diterima dari Amanah. Agihan pendapatan dari Amanah akan membawa kredit cukai yang berkaitan dengan cukai Malaysia yang dibayar oleh Amanah. Pemegang Unit berhak untuk menggunakan kredit cukai untuk menjelaskan cukai yang perlu dibayar ke atas pendapatan agihan yang mereka terima. Tiada cukai pegangan tambahan akan dikenakan ke atas agihan pendapatan dari Amanah.

Pemegang Unit bukan residen mungkin tertakluk kepada cukai dalam bidang kuasa masing-masing. Bergantung kepada peruntukan perundangan cukai negara berkaitan dan sebarang perjanjian cukai berganda dengan Malaysia, cukai Malaysia yang ditanggung boleh dikreditkan kepada cukai asing yang berkenaan.

Pemegang Unit korporat, residen³ atau bukan residen, lazimnya tertakluk kepada cukai pendapatan dengan kadar 24 peratus atas agihan pendapatan yang diterima dari Amanah. Kredit cukai yang disumbangkan oleh agihan pendapatan boleh digunakan terhadap liabiliti cukai pemegang unit ini.

³ Syarikat bermastautin yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasa sebanyak RM2.5 juta dan kurang pada permulaan tempoh asas bagi suatu taksiran, akan membayar cukai sebanyak 17 peratus untuk pendapatan bercukai RM500,000 pertama dengan bakinya akan dikenakan cukai sebanyak 24 peratus berkuatkuasa dari 1 Januari 2019.

Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2009, perkara di atas tidak diguna pakai jika lebih daripada –

- 50 peratus daripada modal berbayar berkenaan dengan syer biasa syarikat itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat berkaitan;
- 50 peratus daripada modal berbayar berkenaan dengan syer biasa syarikat berkaitan itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat yang mula-mula disebut; atau
- 50 peratus daripada modal berbayar berkenaan dengan syer biasa syarikat yang mula-mula disebut dan syarikat yang berkaitan itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat lain.

“Syarikat berkaitan” ertinya suatu syarikat yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasa yang bernilai lebih daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagu suatu tahun taksiran.

14. PERCUKAIAN DANA

Pemegang Unit individu dan bukan korporat yang merupakan residen cukai di Malaysia akan tertakluk kepada cukai pendapatan dengan skala kadar dari 1 peratus hinggg 28 peratus. Pemegang Unit individu dan bukan korporat yang bukan residen di Malaysia akan tertakluk kepada cukai pendapatan pada kadar 28 peratus. Kredit cukai yang disumbangkan oleh agihan pendapatan boleh digunakan terhadap liabiliti cukai Pemegang Unit ini.

Agihan pendapatan dan untung dikecualikan cukai yang timbul daripada pelupusan pelaburan oleh Amanah akan dikecualikan cukai apabila diterima oleh Pemegang Unit.

Sebarang untung direalisasi oleh Pemegang Unit (selain wakil jualan di dalam sekuriti, syarikat insurans atau institusi kewangan) ke atas jualan atau penebusan unit akan dianggap sebagai untung modal dan tidak tertakluk kepada cukai pendapatan. Layanan cukai ini akan merangkumi untung dalam bentuk tunai atau agihan baki apabila Amanah dibubarkan.

Pemegang Unit yang memilih untuk menerima agihan pendapatan mereka dengan cara pelaburan dalam bentuk unit-unit baharu akan dianggap telah membeli unit-unit baharu menggunakan agihan pendapatan mereka selepas cukai.

Pecahan unit yang diterbitkan oleh Amanah tidak boleh dicukai apabila diterima oleh Pemegang Unit.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa kenyataan yang dibuat di dalam laporan ini mencerminkan pemahaman sebenar kami mengenai kedudukan cukai di bawah undang-undang cukai semasa Malaysia. Pendapat kami di atas adalah berbentuk umum dan merangkumi percukaian dalam konteks undang-undang cukai Malaysia sahaja dan tidak merangkumi undang-undang cukai asing. Pendapat ini tidak mewakili nasihat cukai spesifik kepada mana-mana pelabur dan kami menyarankan agar pelabur mendapatkan nasihat bebas mengenai isu cukai yang dikaitkan dengan pelaburan mereka di dalam Amanah.

Yang benar,

untuk dan bagi pihak

PRICEWATERHOUSECOOPERS TAXATION SERVICES SDN BHD

Jennifer Chang

Rakan Kongsi

PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd telah memberi keizinan bertulis mereka untuk memasukkan laporan mereka sebagai penasihat cukai dalam bentuk dan konteks di mana ia dipaparkan di dalam Prospektus dan telah tidak, sebelum tarikh Prospektus diterbitkan, menarik balik keizinan tersebut.

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

15.1 Mengikuti perkembangan Dana

Salinan laporan tahunan dan laporan interim (jika ada) Dana akan tersedia di laman Hari Dagangan Kami di <https://www.principal.com.my> dan laman Hari Dagangan Bursa Securities di <http://www.bursamalaysia.com>. Kami akan menghantar salinan laporan tahunan kepada anda tanpa caj dalam masa dua (2) bulan dari akhir tempoh atau tahun kewangan Dana (mengikut keadaan). Anda juga boleh mendapatkan laporan tahunan dan laporan interim (jika ada) daripada pejabat kami pada waktu perniagaan biasa. Naskah tambahan laporan tahunan hanya akan dihantar kepada anda apabila diminta dan bayaran jumlah yang berpatutan seperti yang ditentukan oleh Pengurus dan Pemegang Amanah telah diterima.

Di mana berkenaan, kami akan menghantar kepada anda baucar cukai yang menyatakan maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan penyata cukai.

Maklumat yang dikemaskini mengenai Dana boleh didapati dari laman Hari Dagangan kami di <https://www.principal.com.my> dan seperti yang diumumkan pada laman Hari Dagangan Bursa Securities di <http://www.bursamalaysia.com> dari semasa ke semasa.

Di antara maklumat yang boleh didapati pada laman Hari Dagangan kami dan/atau laman Hari Dagangan Bursa Securities termasuk:

- (i) laporan tahunan dan laporan interim (jika ada);
- (ii) NAB seunit;
- (iii) IOPV seunit;
- (iv) Fi dan caj yang berkaitan dengan Dana;
- (v) Prospektus; dan
- (vi) Indeks Sandaran.

15.2 Khidmat Pelabur

Anda seharusnya membaca dan memahami kandungan Prospektus dan jika perlu, merujuk kepada penasihat profesional anda.

Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Pengurus di (03) 7718 3000 atau e-mel ke service@principal.com.my. Pusat Khidmat Pelanggan Pengurus dibuka dari 8:45 a.m. hingga 5:45 p.m. (waktu Malaysia) pada hari Isnin hingga Khamis dan dari 8:45 a.m. hingga 4:45 p.m. (waktu Malaysia) pada hari Jumaat (kecuali pada cuti umum Selangor).

Sekiranya anda ingin menghantar surat, sila alamatkan ke:

Principal Asset Management Berhad
Pusat Khidmat Pelanggan
50, 52 & 54 Jalan SS 21/39
Damansara Utama
47400 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan Malaysia

15.3 Dasar dan prosedur pencegahan pengubahan wang haram

Untuk mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA) dan dasar-dasar, prosedur, garis panduan dan/atau peraturan berkaitan yang bertujuan untuk mencegah pengubahan wang haram, kami akan diminta untuk mendapatkan bukti yang memuaskan berhubung identiti anda dan mempunyai prosedur yang cekap untuk mengesahkan bona fide pelabur kami.

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

Kami melakukan usaha wajar yang berterusan dan semakan teliti mengenai identiti pelabur kami serta objektif pelaburan mereka yang mungkin dijalankan sepanjang hubungan perniagaan terjalin untuk memastikan bahawa urusan niaga yang dijalankan adalah konsisten dengan pengetahuan kami mengenai pelabur kami, perniagaan kami dan profil risikonya.

Kami mungkin tidak mempunyai hubungan langsung dengan mana-mana pelabur dan bergantung kepada keadaan setiap permohonan, pengesahan terperinci terhadap identiti tidak diperlukan apabila:

- (i) pemohon membuat bayaran untuk pelaburannya dari akaun yang dipegang di bawah nama pemohon dengan Institusi Kewangan yang diiktiraf;
- (ii) pemohon dikawal selia oleh pihak berkuasa kawal selia yang diiktiraf dan berpejabat atau diperbadankan, atau ditubuhkan di bawah undang-undang, bidang kuasa yang diiktiraf; atau
- (iii) permohonan dibuat melalui pengantara yang dikawal selia/dilesenkan oleh pihak berkuasa kawal selia/pengawal selia yang diiktiraf dan berpejabat atau diperbadankan, atau ditubuhkan di bawah undang-undang, bidang kuasa yang diiktiraf.

Kami juga berhak untuk meminta maklumat yang dirasakan perlu untuk mengesahkan sumber pembayaran. Kami boleh menolak untuk menerima permohonan dan wang langganan jika seseorang pemohon Unit melengahkan pemberian atau gagal memberikan maklumat yang diperlukan untuk tujuan pengesahan identiti atau punca pembiayaan, dan jika sedemikian kami akan memulangkan semula wang permohonan (tanpa faedah dan atas perbelanjaan pemohon) melalui pemindahan telegraf kepada akaun dari mana wang itu pada asalnya dihantar/atau dengan cara pemberian cek yang dihantar ke alamat terakhir pemohon seperti di dalam rekod kami.

Kami akan pertimbangkan urusan niaga atau rangkaian urusan niaga sebagai 'mencurigakan' jika urusan niaga tersebut tidak konsisten dengan profil urusan niaga pelabur yang diketahui atau tidak munasabah secara ekonomi. Urusan niaga yang mencurigakan akan diserahkan terus kepada Unit Perisikan Kewangan Bank Negara Malaysia.

15.4 Wang Tidak Dituntut

Sebarang cek yang perlu dibayar kepada anda yang tidak dituntut selepas sesuatu tempoh (pada masa ini 12 bulan) akan dibayar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut, 1965.

15.5 Perjanjian Material

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah, tiada perjanjian material lain yang telah dimeterai berkaitan dengan Dana setakat LPD:

- (i) Surat Ikatan bertarikh 19 April 2010 yang dimeterai di antara Pengurus dan Pemegang Amanah dan surat ikatan tambahan bertarikh 2 Ogos 2019. Fi yang perlu dibayar kepada Pemegang Amanah dan Pengurus dinyatakan pada Bahagian 1.2(ii) dan 5.2 Prospektus ini;
- (ii) Perjanjian Peniaga Yang Menyertai bertarikh 19 April 2010 dimeterai di antara CIMB Bank Berhad, Pengurus dan Pemegang Amanah;
- (iii) Adendum kepada Perjanjian Lesen Indeks bertarikh 19 April 2010 dimeterai di antara Pemberi Lesen Indeks dan Pengurus SF; dan
- (iv) Perjanjian Penyedia Perkhidmatan Pentadbiran Dana dan Perakaunan Dana bertarikh 22 Mac 2018 dimeterai di antara Pengurus dan DTMB.

16. KEIZINAN

Keizinan bertulis telah diperolehi dari PricewaterhouseCoopers Tax Services Sdn Bhd, sebagai Penasihat Cukai, untuk memasukkan nama mereka, dan penyata/laporan (di mana berkaitan) dan Surat Penasihat Percukaian dalam bentuk dan konteks yang dipaparkan di dalam Prospektus ini telah diterima sebelum Prospektus diterbitkan dan tidak ditarik balik.

Keizinan bertulis daripada Peniaga Yang Menyertai, Juruaudit kepada Dana, Pemberi Lesen Indeks, penyedia perkhidmatan pentadbiran Dana dan perakaunan Dana, Pemegang Amanah dan Peguam Cara untuk memasukkan nama mereka, dan penyata/laporan (di mana berkaitan) dalam bentuk dan konteks yang dipaparkan di dalam Prospektus telah diterima sebelum Prospektus diterbitkan dan tidak ditarik balik.

Ruang selebihnya di halaman ini sengaja dibiarkan kosong

17. DOKUMEN UNTUK DIPERIKSA

Salinan dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat utama perniagaan kami dan/atau alamat perniagaan Pemegang Amanah (yang mana berkenaan, tanpa caj) pada waktu perniagaan biasa dari tarikh Prospektus ini:

- (i) Surat Ikat;
- (ii) Perjanjian material yang dirujuk pada Bahagian 16.5 Prospektus ini;
- (iii) Laporan tahunan dan interim terkini Dana;
- (iv) Penyata kewangan beraudit Pengurus dan Dana untuk tiga tahun kewangan terdahulu berakhir pada 31 Disember 2018;
- (v) Surat Penasihat Cukai yang dirujuk pada Bahagian 15 Prospektus ini;
- (vi) Surat kebenaran yang dirujuk pada Bahagian 17 Prospektus ini; dan
- (vii) Prospektus ini dan prospektus tambahan atau pengganti kepadanya, jika ada.

Ruang selebihnya di halaman ini sengaja dibiarkan kosong

18. DIREKTORI PEJABAT PENIAGA YANG MENYERTAI

Setakat LPD, pejabat Peniaga Yang Menyertai adalah seperti berikut:

Peniaga Yang Menyertai

CGS-CIMB Securities Sdn Bhd

Pejabat berdaftar:

Tingkat 13, Menara CIMB
No 1. Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Central
50470 Kuala Lumpur Malaysia
No. Tel: (+603) 2261 8888

Alamat perniagaan:

Tingkat 17 Menara CIMB
No 1. Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Central
50470 Kuala Lumpur Malaysia
No. Tel: (+603) 2261 8888

Ruang selebihnya di halaman ini sengaja dibiarkan kosong

Ruang di halaman ini sengaja dibiarkan kosong

Principal Asset Management Berhad (304078-K)
(formerly known as CIMB-Principal Asset Management Berhad)

Enquiries:

Customer Care Centre **(603) 7718 3000**

Email **service@principal.com.my**

Website **www.principal.com.my**